



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PENTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3577]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit
[Ruangan 3673]

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) [Ruangan 3703]

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)
(Pindaan) [Ruangan 3706]

USUL:

Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat – Pindaan [Ruangan 3696]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Lawatan Muhibbah Pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ke Sabah –
Y.B. Tuan Fung Ket Wing (Sandakan) [Ruangan 3737]

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).^o

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

” Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- " Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- " Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- " Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN
BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan
Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH
(Gopeng).
- ” TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim
Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok
Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.
(Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan
Chepa).
- ” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K.
(Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

- " TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- " TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- " TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- " DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- " TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- " TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN HU SEPANG (Rasah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- " DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- " DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- " TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- " TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- " DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

- " PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- " TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- " TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- " DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N, P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- " TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- " TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- " TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- " DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- " TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- " TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- " TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- " DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Ipoh).

- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

Yang Berhormat DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).

” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin-Husin .

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 4hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANANGKASAWAN MALAYSIA -
TAWARAN SOVIET UNION

1. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang tawaran Soviet Union untuk melatih bakal Angkasawan-angkasawan Negara. Apakah ianya mempunyai lain-lain kaitan di sebalik kebaikan kepada negara dalam politik antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, tawaran Soviet Union bagi Malaysia menyertai program Angkasa Lepas termasuk melatih bakal angkasawan-angkasawan negara adalah selaras dengan keinginan kita untuk menerokai bidang yang kita sendiri tidak mempunyai kemampuan yang cukup. Kerjasama kedua-dua negara di dalam bidang ini merupakan suatu usaha konkrit ke arah mengeratkan lagi hubungan dua hala yang lebih bermakna di antara Malaysia dan Soviet Union. Kerajaan percaya banyak faedah dan manfaat akan dapat diperolehi oleh Malaysia hasil dari penglibatan kita di dalam bidang ini dan di atas sebab inilah penyediaan-penyediaan tertentu akan kita ambil bagi menyambut baik tawaran pihak

Soviet Union itu. Kerajaan juga percaya tawaran tersebut menunjukkan perasaan baik dan muhibbah Soviet terhadap kita dan kita tidak mempunyai sebab-sebab lain untuk mempercayainya di sebaliknya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri berkaitan dengan tawaran daripada Soviet Union untuk melatih bakal angkasawan-angkasawan negara kita. Saya ingin mendapat tahu sama ada Kerajaan Soviet ada menetapkan apa-apa syarat tentang tawaran itu dan sekiranya ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu?

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, ada satu dua syarat sahaja yang pokok yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Soviet. Yang pertama ialah mereka ini mesti sanggup mempelajari - kalau belum mengetahui lagi Bahasa Russia. Mereka juga terpaksa berada di Soviet selama dua tahun untuk berlatih untuk menjadi seorang angkasawan lepas dan ketiga mereka sanggup diperiksa dengan benar-benar mendalam daripada segi keadaan kesihatan atau perubatan mereka.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kehadiran angkasawan-angkasawan Soviet Union nanti mungkin menimbulkan reaksi dan tindakan yang kurang menyenangkan oleh negara pengamal demokrasi dan blok Barat. Soalan saya, adakah ini

akan menjadikan sebab terkuat nanti bahawa negara-negara seperti Amerika Syarikat, blok Barat itu akan menyisih atau meninggalkan kita? Kalau benar, bukankah ini merugikan negara dan bagaimana pula Kerajaan akan mengatasinya? Soalan kedua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu sudah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:kenapa? Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tiga soalan tadi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada. Itu soalan pertama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan ketiga....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada, ini baru soalan kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah. Teruskan Yang Berhormat.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita kira tidak akan menjadi masalah konflik berkenaan dengan adanya angkasawan kita berlatih di Russia daripada pihak menyokong kekuasaan Barat. Oleh kerana setakat ini yang kita tahu bukan sahaja negara Malaysia telah pun diundang, tetapi juga negara-negara Barat pun ada menyertai, contohnya negara Perancis telah pun menghantar angkasawannya untuk bersama-sama dengan pihak Soviet melatih dan membawa mereka pergi ke angkasa lepas. Juga sebuah negara di Arab, negara Syria juga telah pun menerima pelawaan yang dibuat oleh pihak Soviet Union. Maka tidak timbullah masalah ada rebutan kuasa ataupun pilih kasih di antara kumpulan Barat dengan pihak blok Russia.

PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU DI MADA/KADA

2. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaan projek-projek pembangunan bersepadu yang menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan khidmat sokongan oleh pihak MADA dan KADA.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan di kawasan-kawasan MADA dan KADA, sama ada dari aspek pembangunan infrastruktur, khidmat pembangunan atau kemasyarakatan telah menghasilkan perubahan yang positif di kalangan penduduk-penduduk terlibat.

MADA telah ditubuhkan pada 30hb Jun, 1970 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA. Penubuhan MADA adalah bertujuan untuk mengendali dan menyenggara Rancangan Pengairan MUDA (RPM) serta mengusahakan pembangunan kawasan MUDA dan masyarakat tani yang mendiami di dalamnya.

Kawasan MUDA mempunyai keluasan sejumlah 125,987 hektar di mana 95,856 hektar (76.2%) daripada keluasan diusahakan untuk penanaman padi.

Kos pembinaan infrastruktur di bawah RPM yang telah siap disediakan dalam tahun 1973 telah menelan belanja sebanyak \$238 juta. Anggaran kos sebanyak \$223.64 juta lagi terpaksa diperuntukkan untuk kerja-kerja tambahan (peringkat ke 2) bagi kawasan-kawasan yang didapati bermasalah seluas 27,162 hektar. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur masih lagi sedang dijalankan dan dijangka siap keseluruhannya pada tahun 1990. Setakat 30hb April, 1988 sebanyak \$189.44 juta (85%) daripada kos

peringkat kedua telah dibelanjakan. Sejumlah kira-kira 63,000 keluarga tani yang terlibat akan mendapat faedah daripada projek ini.

Projek pembangunan pertanian Kemubu (KADA) pula telah dilaksanakan dalam tahun 1967-1973 dengan menelan belanja sebanyak \$63.2 juta. Kawasan KADA keseluruhannya ialah 60,438 hektar di mana tanaman utama ialah padi yang meliputi 31,480 hektar. Program-program yang disediakan ialah kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti parit, taliair dan alat-alat yang berkaitan untuk membekalkan sistem pengairan yang lengkap bagi tanaman padi dua kali setahun. Sejumlah 45,000 keluarga tani mendapat faedah dari projek ini.

Kejayaan projek-projek pembangunan boleh diukur dari segi peningkatan pengeluaran padi yang merupakan tanaman utama di kedua-dua kawasan tersebut. Dengan adanya kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti parit dan taliair, petani-petani di kedua-dua kawasan telah dapat menanam padi dua kali setahun. Di samping itu, dengan adanya khidmat-khidmat sokongan seperti bekalan benih bermutu, bekalan baja dan pemindahan teknologi moden, purata hasil padi telah dapat ditingkatkan.

Purata hasil padi telah dapat dipertingkatkan di kawasan MADA daripada purata 3.3 tan/hektar semusim sebelum projek kepada purata 4.2-4.4 tan/hektar semusim sekarang dan 5.0 tan/hektar menjelang tahun 1990. Pendapatan keluarga tani juga telah meningkat ke angka purata melebihi \$3,000 setahun dari padi dari purata luas sawah 1.7 hektar berbanding dengan hanya \$609.00 sebelum penanaman dua kali setahun. Jumlah purata pendapatan bersih daripada semua punca sekarang adalah sebanyak \$3,567.

Di KADA, purata hasil padi telah meningkat dari 2.4 tan/hektar/semusim sebelum projek kepada 3.6 tan/hektar semusim sekarang, dan bagi projek-projek tertentu, purata hasil telah dapat ditingkatkan hingga ke 6.0 tan/hektar/musim. Dari segi pendapatan keluarga petani, ianya telah meningkat hampir 4 kali ganda, iaitu daripada lebih kurang \$271 setahun sebelum projek kepada \$1,008.00 setahun dari sumber hasil padi yang luas purata 0.8 hektar sekeluarga. Jumlah pendapatan petani iaitu dari sumber hasil ladang dan luar ladang ialah \$4,416 setahun.

Selain daripada itu, usaha-usaha juga telah dibuat untuk menggembeling tenaga dan modal masyarakat tani menerusi aktiviti-aktiviti pelaburan dan perniagaan tani oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Daripada 27 buah PPK dalam MADA, yang mempunyai seramai 38,657 orang, \$28.5 juta harta telah dapat dikumpulkan dengan keuntungan bersih sebanyak \$13.3 juta. PPK MADA juga telah dapat menubuhkan syarikatnya sendiri yang bergerak cergas dalam berbagai bidang perniagaan.

Untuk KADA pula, melalui kegiatan 13 buah PPK yang mempunyai ahli seramai 25,740 orang jumlah harta yang telah dapat dikumpul ialah bernilai \$10.7 juta di mana keuntungan bersih ialah \$5.20 juta. Harta-harta PPK meliputi tanah, jentera ladang, kilang-kilang padi, bangunan dan peralatan-peralatan untuk aktiviti PPK dan pelaburan saham-saham perniagaan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa di kawasan MADA sekarang ini dilaksanakan rancangan peringkat kedua. Saya ingin mendapat tahu apakah rancangan-rancangan yang telah, sedang dan akan

dilaksanakan bagi peringkat kedua ini di kawasan MADA dan adakah rancangan-rancangan ini telahpun disediakan pelan-pelan ataupun rancangan-rancangan ini hanya akan dilaksanakan apabila ada rayuan-rayuan dibuat oleh petani-petani?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada di setengah-setengah kawasan MADA yang memang tidak sesuai untuk ditanam dengan padi, jika sekiranya diadakan juga rancangan-rancangan ini sehinggalah ke peringkat kedua pun bagi kawasan-kawasan ini memanglah tidak boleh ditanam padi dan tidak mendapat hasil pulangan yang ekonomik. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Pertanian adakah pihak Kementerian telah membuat kajian dan cadangan bagi apa-apa tanaman gantian yang boleh ditanam di kawasan-kawasan tersebut untuk kepentingan petani-petani?

Dato Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, rancangan peringkat kedua ini melibatkan meningkatkan bekalan air yang kurang, dan juga meningkatkan kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalan di kawasan MADA.

Berkenaan soalan kedua, Kementerian Pertanian adalah mengkaji apa-apa tanaman yang sesuai dan bagaimana kami boleh mempelbagaikan tanaman pada petani supaya mereka boleh meningkatkan pendapatan mereka dan kami ada mengkaji juga jenis-jenis buah-buahan yang sesuai untuk ditanam di kawasan MADA.

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehlah kita anggapkan bahawa MADA dan KADA merupakan dua projek pertanian yang sungguh berjaya di negara kita ini. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, di samping peningkatan

pendapatan di kedua-dua kawasan tersebut, peningkatan penduduk pun berlaku dengan pesat, kemungkinan aliran penduduk daripada kedua-dua kawasan itu ke sektor industri di bandar tidak berlaku mengikut kekerasannya dan soalan saya ialah apakah rancangan-rancangan yang dibuat oleh MADA dan KADA untuk menampung peningkatan penduduk yang akan menyumbang kepada pergantungan kepada tanah atau, dengan izin, land dependency untuk menyumbangkan kepada usaha-usaha perindustrian negara?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, di MADA dan KADA melalui PPK, kami ada mengenalkan kepada penduduk di kedua-dua kawasan pada segi perindustrian supaya mereka kalau ada minat bolehlah berpindah ke bidang perindustrian dan PPK kedua-dua kawasan itu ada menjalankan beberapa jenis perniagaan termasuklah di dalam segi perindustrian.

KEMISKINAN LUAR BANDAR – LANGKAH MENGATASI

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan sama ada langkah-langkah tersebut dilaksanakan secara adil untuk semua kaum di negara kita.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan dengan tidak mengira bangsa dan agama bagi rakyat Malaysia adalah menjadi pokok utama yang terjalin dalam Dasar Ekonomi Baru.

Segala rancangan untuk membasmi kemiskinan sama ada di dalam bandar dan di luar bandar adalah perkara

pokok yang dibahaskan di dalam Dewan Rakyat ini bertahun-tahun lamanya terutama sekali apabila kita membincangkan Belanjawan Negara.

Baru sebentar tadi kita dengar soalan timbul berkenaan dengan MADA dan KADA. Itupun satu usaha membasmi kemiskinan. Inilah sikap parti DAP setelah sekian lama ditubuhkan, setelah sekian ramai mereka duduk di sini bertahun-tahun lamanya, masih lagi mereka tidak tahu apa yang dibuat oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Segala wang perbelanjaan untuk membasmi kemiskinan itu diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kita bersidang bertahun-tahun lamanya, semuanya membincangkan soal hendak menghapuskan kemiskinan. Baru hari ini dia bangkit bertanya, apakah beliau tidur dalam dalam Dewan ini (*Tepuk*) dan tidak mengikuti perkembangan ekonomi negara. Mereka hanya pandai di luar mengkritik, tetapi dalam perbahasan untuk memajukan rakyat dalam Dewan Rakyat yang memberi segala kemudahan kepada mereka itu, saya tidak tahu sama ada mereka mengambil bahagian dengan perasaan penuh tanggungjawab atau tidak. Kalau saya hendak menjawab soalan ini, ia akan mengambil masa yang terlalu panjang dan saya kena buka semula Rancangan Dasar Ekonomi Baru – perjalanan Kerajaan daripada mula merdeka sampai pada hari ini, kerana itu semuanya adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Untuk menghormati Dewan, ini cukuplah setakat itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahulah setakat mana prestasi yang dicapai oleh pihak Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan apakah kadar kemiskinan sekarang. Dengan kemerosotan ekonomi sekarang ini adakah rancangan-rancangan dan projek-projek itu terjejas?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kaya dan miskin serupa seperti air laut pasang dan surut. Orang miskin menjadi kaya pernah kita lihat, dan orang kaya jadi miskin pun pernah kita lihat juga. Soal ini tidak tetap sama ada orang itu kaya tetap kaya selama-lamanya dan kalau dia miskin, miskin selama-lamanya. Penduduk luar bandar telah memperolehi pendapatan yang lebih baik jika dibandingkan dengan sebelum mencapai kemerdekaan. Tetapi apabila sampai kepada kemelesetan ekonomi, jatuh harga barang-barang eksport kita, pendapatan mereka itu menurun dan sekarang ini barang-barang eksport telah meningkat tinggi, getah dan kelapa sawit harganya telah meningkat, dan mungkin pendapatan mereka juga meningkat. Ini satu perkara yang bukan tetap. Ini adalah perkara turun naik ekonomi dunia dan ekonomi Malaysia bersangkut dengan ekonomi dunia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak betul bahawa pihak Pembangkang tidak tahu apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta soalan, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: ...oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan. Tetapi apa yang saya ingin tahu ialah, misalnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah memberitahu Dewan ini bahawa kadar kemiskinan di luar bandar juga telah menurun dari 58.7% pada tahun 1970 ke 24.7% pada tahun 1984. Di sini saya ingin mendapat tahu apakah kemajuan terakhir dari segi perangkaan sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini tentang angka ataupun peratusan yang telah dapat dicapai sehingga hari ini. Saya hendak tahu mengenai kadar kemiskinan itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, beliau tidak menerangkan sampai peringkat mana angka-angka yang dikehendaknya itu kerana seperti saya katakan tadi ekonomi ini turun naik. Apa yang saya hendak menyebutkan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional berjuang sematamata untuk kepentingan rakyat negeri ini tetapi parti DAP bukannya hendak menyertai untuk membangunkan negara, tetapi mereka mencari jalan bagaimana hendak menyusahkan negara. (*Disampuk*)

Kita lihat orang DAP mendesak, kalau boleh Kerajaan Amerika Syarikat menghentikan GSP terhadap Malaysia. (*Disampuk*) Ini satu perbuatan yang tidak betul dan baru-baru ini saya lihat Wakil dari Bukit Bintang pergi ke Australia mendesak Kerajaan Australia bertindak menentang Kerajaan Malaysia. Ini bukan hendak menolong orang Malaysia tetapi hendak menyusahkan Kerajaan Malaysia. (*Disampuk*)

SISTEM PENGGAL KEPADA SEMESTER

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) cadangan menukarkan sistem penggal kepada semester bagi sekolah-sekolah hampir pasti sekarang. Adakah pelaksanaannya nanti sebagai satu percubaan dan kalau didapati kesannya nanti menguntungkan, maka sistem penggal akan dilaksanakan semula;
- (b) apakah jaminan setiap perubahan dalam pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah-sekolah tidak lagi berbentuk percubaan; dan
- (c) sila huraikan kelemahan sistem penggal dan kekuatan sistem semester dan terangkan juga

jangkaan sasaran pelaksanaan sistem semester itu.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Cadangan menukarkan sistem penggal kepada sistem semester bagi sekolah-sekolah akan dilaksanakan. Dari kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan didapati lebih berfaedah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut:-

- (i) Sistem semester ini dapat mengatasi masalah gangguan banjir pada masa peperiksaan STPM dan SPM sepanjang bulan November dan awal bulan Disember.
 - (ii) Masa persekolahan mengikut sistem semester ini akan dirombak semula dengan menyusun tarikh baru yang lebih sesuai dengan peperiksaan awam.
 - (iii) Dalam sistem semester ini, segala aspek positif dan negatif yang berkaitan dengannya telahpun diambilkira.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak akan membuat sebarang perubahan dalam sistem persekolahan kecuali ia didapati mendatangkan faedah mengikut keperluan masa. Pelaksanaan percubaan hanya dilakukan semasa peringkat kajian yang tidak menjejaskan sistem yang sedia ada. Pelaksanaan sistem semester di negara ini telah dikaji dengan teliti dan tidak menjejaskan persekolahan pelajar-pelajar.
- (c) Setelah dibuat kajian, Kementerian Pendidikan berpendapat

bahawa telah tiba masanya sistem persekolahan dirombak semula kerana terdapat beberapa kelemahan di dalam sistem yang sedia ada seperti gangguan bencana alam pada masa peperiksaan dijalankan. Di samping itu usaha mengatasi masalah disiplin pelajar kerana cuti persekolahan yang terlalu panjang akan dapat diatasi oleh pihak sekolah dan ibu bapanya.

Sistem semester hanya boleh diperkenalkan seawal-awalnya pada tahun 1991 iaitu pada 3hb Disember, 1990 bagi permulaan semester I.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah format pelaksanaan tentang sistem semester yang akan dilaksanakan ini?

Kedua, apakah sistem semester yang akan dilaksanakan ini tidak menimbulkan masalah-masalah yang berat terutama kepada beban tugas guru. Kita sedia maklum tugas guru telah dibebankan dengan kerja-kerja yang banyak termasuk juga beban mengawasi peperiksaan, pemeriksaan mengenai kertas-kertas jawapan dan hal-hal yang lain dan tidakkah ini akan melemahkan mutu pembelajaran kita.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat untuk memberi format-format yang lebih jelas sekarang kerana ini perkara yang teknikal dan akan dikaji dan akan diatasi di peringkat rundingan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang cuba mengatasi beberapa masalah yang lebih berat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Selain daripada keperluan kakitangan untuk mengawal peperiksaan, dan kita perlu juga

mengenalpasti samada Dewan-dewan mencukupi di tempat-tempat masing-masing untuk menampung semua pelajar-pelajar yang hendak mengambil peperiksaan. Dan adakah kita mempunyai cukup bilik selamat untuk menyimpan kertas-kertas peperiksaan. Ini juga adalah perkara yang akan melibatkan perbelanjaan wang yang lebih banyak. Kita sedang mengkaji dan cuba mengatasi perkara yang berat ini.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan adakah beliau sedar banyak sekolah-sekolah di negara kita ini tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi. Sama ada Kementerianya bercadang mengadakan lebih banyak lagi bilik-bilik belajar untuk menampung sistem semester ini.

Dan keduanya, Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara barat khususnya di Amerika Syarikat sistem semester diikuti dengan sistem unit kredit yang digunakan untuk menaksir prestasi akademik para pelajar. Jadi sama ada sistem yang sama ini akan dipraktikkan di negara kita ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sistem semester yang akan dilaksanakan di negara ini berbeda dari sistem semester yang sedang dijalankan di Amerika. Tambahan bilik darjah itu tidak berkaitan dengan masalah semester yang akan dilancarkan di negara kita ini dan kita sedar bahawa negara kita menghadapi kekurangan bilik-bilik darjah terutama sekali di sekolah menengah. Dan dengan sebab itu pada tahun 1987 Kementerian Pendidikan sudah memohon dan dapat kelulusan \$30 juta untuk menambah bilik darjah di semua sekolah menengah yang kekurangan bilik darjah.

PERKHIDMATAN FERI 24 JAM

5. **Tuan Thomas Salang Siden** minta

Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan feri dua puluh empat jam di seluruh negara. Misalnya feri dari Sungai Rajang yang menyambungkan Jalan Kuching/Bintulu, hanya berkhidmat dari pukul 6.00 pagi hingga 10.00 malam, tetapi sekiranya dalam masa kecemasan selepas pukul 10.00 malam maka tidak ada penyambungan Jalan Kuching/Bintulu kecuali perkhidmatan feri diadakan sepanjang dua puluh empat jam.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan feri dua puluh empat jam di seluruh negara. Keperluan perkhidmatan feri dua puluh empat jam bagi menyambung mana-mana pengkalan adalah bergantung kepada keadaan pasaran iaitu banyaknya permintaan terhadap perkhidmatan itu. Jika terdapat permintaan seperti itu bagi perkhidmatan feri di Sungai Rajang yang menyambung Jalan Kuching/Bintulu yang dikendalikan oleh JKR Sarawak, Kementerian Pengangkutan memang menyokong dan menggalakkan serta akan memberi kerjasama kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mengadakan perkhidmatan yang dicadangkan. Ini adalah sesuai dengan peranan dan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan untuk menjalankan urusan-urusan dasar, penyelarasan, pengawasan dan pengawalan dan tidak terlibat secara langsung dalam mengendalikan perkhidmatan sesebuah feri.

Adalah menjadi dasar Kementerian Pengangkutan bahawa pihak swasta patut mengambil inisiatif ini sejajar dengan dasar pengswastaaan negara.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri; tidak adakah cadangan yang lain untuk masa-masa kecemasan umpamanya supaya diadakan bot-bot laju ataupun bot-bot yang sebagainya yang menampung jikalau ada sekiranya selepas 10.30 malam ataupun sehingga pagi boleh digunakan bot-bot ini jikalau ada kecemasan, kemalangan dan seterusnya dapat digunakan supaya disediakan setiap masa. Selain daripada diadakan feri, tidak ada cukup penumpang-penumpang, kemungkinan rugi diadakan khas di tempat-tempat yang serupa ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pengangkutan, Jabatan-jabatan Laut mempunyai bot-bot laju. Sekiranya ada kecemasan memanglah hal ini dapat dipertanggungjawabkan. Tetapi perkhidmatan perairan di Sarawak khususnya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa inisiatif harus datang daripada pihak swasta untuk menjalankan perkhidmatan feri. Dan saya ingin tahu di sini sama ada Kementerian sedang membuat satu cadangan supaya perkhidmatan feri di seluruh negara diswastakan. Dan jika ada, bilakah pengswastaaan ini dijalankan ataupun bagaimana pula orang yang ingin supaya mengswastakan atau mengambil alih perkhidmatan feri dapat tahu supaya mereka dapat tawaran.

Kedua, saya ingin tahu sama ada Kementerian dapat meminta pihak Shell, LNG, ABF di Bintulu untuk menjalankan perkhidmatan feri di negeri Sarawak memandangkan mereka pun mempunyai operasi yang besar dan menerima keuntungan yang banyak di negeri itu. Saya ingin tahu juga....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat....

Tuan Mutang Tagal: Satu lagi. Bilakah feri di Pengkalan Batu Danau dan juga di terusan dibina untuk memudahkan perjalanan di antara Brunei Darussalam dengan kawasan saya di Limbang dan Lawas.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan feri yang ada sekarang ini pun misalnya perkhidmatan Feri Malaysia adalah dijalankan oleh Feri Malaysia Sendirian Bhd, iaitu anak syarikat PNSL yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai perkhidmatan itu.

Perkhidmatan feri commuter di Pulau Pinang juga antara Pulau Pinang dengan tanah besar dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan bukan oleh Kementerian Pengangkutan.

Begitu juga perkhidmatan-perkhidmatan perairan feri di Sarawak iaitu khususnya dua jenis perkhidmatan pengangkutan air, perkhidmatan bot-bot yang dilesenkan oleh Jabatan Laut Sarawak mengikut peruntukan 277 Ordinan Perkapalan Saudagar (Sarawak); bot-bot berlesen diuruskan oleh pihak swasta.

Dan feri-feri yang dikendalikan oleh pihak JKR Sarawak misalnya di Sungai Rajang tadi yang menyambung Jalan Kuching/Bintulu jatuh pula di bawah kategori ini. Dan mengikut JKR Sarawak, perkhidmatan feri yang mereka kendali bagi menyambungkan pekan-pekan yang dipisahkan oleh sungai itu kerana tidak ada jambatan dan saya difahamkan melalui Kementerian bahawa JKR Sarawak sanggup mengendalikan perkhidmatan sekiranya ada permintaan untuk perkhidmatan 24 jam. Jadi, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk

membuat permohonan menyatakan hasrat memerlukan perkhidmatan itu kepada pihak Kerajaan Negeri.

Mengenai meminta pihak Shell menjalankan feri di Sarawak, ini adalah satu cadangan baru dan saya tidak dapatlah memberikan jawapan yang muktamad dalam sidang ini, dan bila pula feri ke Pengkalan Batu Danau antara Brunei dan Limbang juga tidak ada catatan pada saya. Dan kalau Yang Berhormat perlu saya perlulah minta notis.

PERKHIDMATAN PERGURUAN

6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian hendak melaksanakan hanya dua sistem perkhidmatan perguruan sahaja di negara ini seperti yang telah dipersetujui oleh Kementerian sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Woon See Chin: Tuan yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut dasarnya Kementerian Pendidikan menyokong pelaksanaan dua sistem perkhidmatan perguruan tetapi perkara ini masih dalam peringkat rundingan di antara Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi pusat lainnya. Dengan itu, Kementerian ini tidak dapat menetapkan tarikh untuk pelaksanaannya.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa rundingan dengan agensi-agensi yang berkenaan sedang dijalankan. Saya ingin tahu dari segi jangka waktu bilakah dijangka rundingan ini boleh diselesaikan.

Yang kedua, baru-baru ini pihak Kerajaan juga telah memperakukan penyatuan jawatan PTA dengan PTD dalam satu skim yang mengakhiri

kegelisahan pegawai-pegawai yang berkenaan. Apakah ini juga pihak Kementerian berusaha bersungguh-sungguh bagi menyelesaikan masalah sistem perguruan ini supaya jangan terlampau banyak dari segi kategori-kategori seperti B, C, T dan D dan seterusnya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, perundingan-perundingan sedang dijalankan seperti dengan JPA dan dengan Kementerian Kewangan dan kita tidak berani bilakah sistem ini dapat dilaksanakan sebab ini akan terlibat sedikit implikasi kewangan juga.

Berkaitan dengan guru-guru kategori lain itu selepas kita mengadakan dua sistem perkhidmatan, saya yakin masalah mereka akan dapat diatasi.

HAKISAN PANTAI/ TEBING SUNGAI

7. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah hakisan pantai dan hakisan tebing sungai merupakan masalah yang serius. Jika ya, apakah rancangan dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya di Kuala Langat dan Negeri Selangor.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masalah hakisan pantai adalah merupakan satu masalah yang serius sekarang ini. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan satu rancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh kawasan pantai di Malaysia sekali dengan Kajian Hakisan Pantai Negara yang telah dijalankan pada tahun 1985. Kajian ini telah mengenalpasti 49 kawasan pantai yang mengalami hakisan yang kritikal termasuk 9

kawasan pantai di negeri Selangor dan salah satu dari 9 kawasan tersebut ialah kawasan Morib, di Kuala Langat.

Di samping itu, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa projek untuk mengawal kawasan-kawasan pantai di Malaysia terhadap hakisan. Salah satu projek yang sedang dijalankan ialah di negeri Selangor ialah bagi kawasan Sungai Burung ke Sungai Limau (Sungai Besar, Selangor) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$1.2 juta. Sehingga ini, jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk projek-projek kawalan hakisan pantai dalam negara adalah sebanyak \$18.35 juta.

Masalah hakisan tebing sungai adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan belum ada rancangan untuk mengawal masalah tebing sungai di tiap-tiap negeri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi saya ingin bertanya apakah cara ataupun 'method' yang paling sesuai yang digunakan untuk menghalang hakisan pantai. Adakah dengan cara tanam pokok ataupun dengan membina benteng-benteng, yang mana lebih berkesan sekali?

Yang kedua, kita dapati dalam dunia ini laut yang paling kuat makan pantai ialah di negeri Belanda tetapi Belanda telah melawan laut, di samping dia dapat menahan hakisan pantai dia menambahkan lagi kawasan pantainya dengan melawan laut yang begitu kuat menghakis pantai-pantainya. Mengapakah cara dan juga 'method' yang telah digunakan oleh Kerajaan Belanda itu tidak dilaksanakan di negeri ini yang mana hakisan lautnya tidak berapa kuat kalau sekiranya dibandingkan dengan negeri Belanda.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat, pertama sekali ialah kita telahpun membina benteng-benteng di beberapa kawasan seperti di Terengganu dan juga di kawasan Kedah, di Pantai Merdeka misalnya kita telah menggunakan benteng. Saya rasa inilah suatu cara yang telahpun dibuatkan oleh Kerajaan setelah hasil kajian telah dibuat.

Tentang menambun pantai pun telah banyak negeri di negara kita telah mulakan, misalnya negeri Melaka telahpun memulakan konsep ini telah menambun pantai-pantai untuk mengelakkan proses hakisan ini daripada berterusan dan kita pun akan menjalankan tugas yang berterusan bagi kawasan-kawasan pantai yang menerima hakisan yang kritikal yang saya sebutkan tadi.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah sebab-sebab hakisan ataupun sebab-sebab lain setengah-setengah pantai dalam negara kita ini tidak berapa selamat kerana di mana kerap kali terdapat sering meragut nyawa. Apakah siasatan atau kajian serta rekomendasi Kerajaan bagi pantai Bagan Lalang, Sepang yang mana contoh khusus hampir setiap tahun meragut nyawa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tentang kajian pantai ini kita sebenarnya mengkaji pantai-pantai yang dihakis oleh ombak. Oleh sebab itu, tentang pantai Bagan Lalang yang meragut nyawa setiap tahun ini adalah terpulung kepada kita manusia yang tahu kawasan itu adalah kawasan merbahaya, maka kita tidak perlulah mandi-manda ataupun berpiknik di kawasan itu bagi menyelamatkan diri kita. Sekarang ini kita mengkaji pantai yang dihakis, cara hendak mengawal hakisan pantai, itu yang kita buat.

PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan rumah kos rendah yang telah siap dan bilangan sedang dibina di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah sehingga Jun 1988;
- (b) oleh kerana Program Khas Perumahan Kos Rendah yang dilancarkan pada pertengahan 1986 untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun bagi tiga tahun berturut-turut telah tidak mencapai matlamat dan menghampakan mereka yang tidak mempunyai rumah, adakah Kementerian telah mengenalpasti punca masalah kelembapan pelaksanaan Program Khas Perumahan Kos Rendah dan apakah langkah yang telah dicadangkan untuk mencergaskan semula program ini; dan
- (c) oleh kerana penyediaan rumah-rumah kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah dalam negara ialah satu kegagalan, adakah Kerajaan akan menyemak semula keseluruhan dasar perumahan bagi orang ramai dengan tujuan memastikan bahawa semua golongan berpendapatan rendah yang berkeinginan memiliki rumah sendiri akan diberikan perlindungan tempat tinggal kepada mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) Maklumat-maklumat mengenai unit rumah kos rendah yang telah siap dibina dalam pembinaan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah sehingga bulan Jun 1988 sedang

dikumpul oleh Kementerian. Bagaimanapun, sehingga 30hb April 1988 bagi tahun pertama dan kedua sejumlah 15,042 unit telah dapat disiapkan, manakala sebanyak 59,445 unit sedang dalam peringkat pembinaan.

(b) Berasaskan kepada sasaran pembinaan 80,000 unit setahun dalam tempoh tiga tahun mulai Julai 1986 adalah jelas bahawa pencapaian setakat ini masih belum mencapai matlamat pembinaan yang disasarkan, lebih-lebih lagi tempoh penyediaan sesuatu projek perumahan pada kebiasaannya mengambil masa selama 18 hingga 24 bulan. Di samping itu, Kementerian ini juga telah mengenalpasti beberapa masalah utama yang mengakibatkan kelembapan pelaksanaan program khas ini. Di antaranya termasuklah:

- (i) tapak-tapak projek yang dikenalpasti kurang sesuai dimajukan dengan sertamerta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan dari segi permintaan berkesan. Ini menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperoleh pembiayaan dan masalah memperoleh kelulusan perancangan;
- (ii) bagi tapak-tapak yang sesuai pula terdapat juga masalah-masalah lain yang wujud, di antaranya termasuklah pemaju atau kontraktor yang dipilih kurang keupayaan atau kebolehan melaksanakan projek, kelewatan dalam pemilihan pemaju atau kontraktor dan kelewatan memperoleh kelulusan perancangan.

Untuk mengatasi masalah tersebut Kerajaan telah dan sedang mengambil

beberapa langkah yang sesuai, di antaranya langkah-langkah yang dimaksudkan termasuklah:

- (i) memilih tapak-tapak projek yang sesuai dan 'viable' dimajukan dengan sertamerta, terutamanya bagi projek-projek yang akan datang pada tahun ketiga;
 - (ii) mempercepatkan pemilihan pemaju dan kontraktor serta menentukan pemaju/kontrak yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan dan keupayaan melaksanakan projek;
 - (iii) memberi insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya;
 - (iv) memberi galakan kepada pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan.
- (c) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menggubal dasar perumahan negara dengan tujuan supaya pembangunan industri perumahan akan lebih teratur dan lebih berhubung kait dengan keadaan permintaan dan kemampuan semasa.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa dukacita dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri yang memberi angka-angka yang mana jauh lebih rendah daripada apa yang dicadangkan oleh Kerajaan dan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan bercadang memberi galakan kepada pemaju dan juga kepada pembeli.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini apakah jenis galakan yang hendak diberikan kepada pemaju sedangkan sehingga ke hari ini kita masih lagi mendengar bahawa rungutan-rungutan yang dikemukakan oleh pemaju tidak diatasi oleh Kerajaan, khasnya Kerajaan-kerajaan negeri, sebagai contoh, premium yang dikenakan kepada pemaju-pemaju untuk menukar syarat tanah dan sebagainya masih tinggi lagi, juga pembayaran kepada pampasan LLN dan juga Lembaga Air sebagai contoh kedua, masih tinggi lagi. Jadi, ini sedikit sebanyak tidak memberi galakan kepada pemaju untuk membina rumah-rumah harga murah.

Kedua, galakan kepada pembeli seperti mana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri. Saya hendak tahu apakah galakan yang hendak diberikan kepada pembeli, sedangkan kita juga tahu walau pun Menteri demi Menteri memberi saranan, memberi cadangan menasihatkan kepada bank-bank untuk memberi pinjaman kepada bakal-bakal pembeli, tetapi syarat-syarat yang dikenakan oleh bank-bank kepada bakal-bakal pembeli terlampau ketat. Sebagai contoh bank-bank masih memerlukan 'income-tax returns' ataupun dokumen-dokumen untuk membuktikan bahawa bakal-bakal pembeli mempunyai income, sedangkan pembeli.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat pendekan soalan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ya, saya sudah memberi soalan, iaitu soalnya apakah jaminan Kerajaan untuk memberi galakan kepada pemaju dan kepada pembeli untuk mengatasi masalah yang dihadapi sekarang.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab beberapa

soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, pertamanya, suka saya jelaskan bahawa Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah satu program khas seperti tajuinya, yang dimulakan oleh Kerajaan untuk mempergerakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita dan kita sedar bahawa matlamat yang ditetapkan itu belum dicapai oleh kerana beberapa masalah yang kita sedang berikhtiar untuk mengatasinya dan tidak payahlah Ahli Yang Berhormat rasa dukacita. Kita sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Sehingga sekarang apa yang telah kita lihat adalah kemajuan yang baik. Jika kita bandingkan dengan prestasi dari tahun-tahun yang kebelakangan, prestasi dalam dua tahun yang kebelakangan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah begitu memuaskan.

Tentang galakan-galakan, suka saya menjelaskan bahawa galakan-galakan ini terkandung dalam satu buku 'guideline' tentang program khas ini yang telah diedarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menimbang memberi galakan atau insentif-insentif ini kepada pemaju-pemaju. Di antara galakan-galakan yang telah dicadangkan dan beberapa Kerajaan Negeri telah terima dan sedang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) Mempercepatkan kelulusan-kelulusan berkaitan dengan tanah dan pelan bangunan termasuk pelan infrastruktur.
- (ii) Berkaitan dengan piawai piawai perancangan dan piawai infrastruktur yang boleh dikurangkan selepas ditimbang oleh Kerajaan-kerajaan negeri, kita telahpun mencadangkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri boleh menimbang mengurangkan kadar premium tukar syarat tanah dan beberapa Kerajaan negeri telahpun melaksanakan cadangan ini.

(iii) Mengecualikan bayaran ukur dan juga penyediaan tanah yang sesuai oleh Kerajaan untuk dimajukan oleh sektor swasta. Cadangan ini banyak negeri-negeri telahpun melaksanakan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah menyediakan tanah untuk sektor swasta membina rumah-rumah kos rendah di atas tanah-tanah tersebut.

Tentang galakan-galakan kepada pembeli, terutamanya adalah dari segi kewangan, 'financial incentives'. Dalam bidang ini, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah menetapkan kadar faedah pinjaman bagi pembeli-pembeli rumah-rumah kos rendah iaitu di tahap 1.75% setahun di atas purata kadar asas pemberian pinjaman (BLR) dua bank tempatan yang besar ataupun 9% setahun mengikut mana yang lebih rendah untuk pembelian rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit. Kerajaan juga telah mengarahkan institusi-institusi kewangan supaya diadakan amaun tertentu untuk pinjaman bagi pembelian rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit. Kerajaan juga telah membenarkan pengeluaran sebahagian wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian rumah. Ini juga adalah satu galakan yang tertentu selain dari mempercepatkan kelulusan dan melonggarkan syarat-syarat untuk pinjaman bagi pembelian rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit.

Saya sedar bahawa beberapa bank masih belum lagi relax syarat-syarat ataupun mengecualikan berapa syarat-syarat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, iaitu menghendaki setiap pemohon untuk menunjukkan bukti bahawa mereka bayar income tax dan sebagainya. Tetapi dalam perbincangan-perbincangan dan dalam guideline yang diberi kepada bank-bank oleh Bank Negara mereka telahpun disuruh untuk mengecualikan beberapa syarat

bagi golongan berpendapatan rendah. Selain dari itu Kerajaan juga telah mengecualikan duti setem untuk pindah milik rumah dan gadaian bagi menjamin pinjaman untuk pembelian rumah yang dibina di bawah program khas.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa galakan-galakan yang sedang diberi.

SISWAZAH MENJADI NELAYAN - LATIHAN

9. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian mempunyai Rancangan Khusus bagi melatih siswazah menjadi nelayan (sebagaimana latihan kepada Angkatan Nelayan Laut Dalam) dan memandangkan ada di antara Kerajaan Negeri yang berminat melatih nelayan siswazah tetapi Kerajaan Negeri kurang kemampuan dalam mengadakan peralatan khususnya bot, tidakkah boleh Kementerian berikhtiar menyerahkan sebahagian daripada bot-bot nelayan asing yang dirampas kepada Kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai rancangan tersebut.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak membekakan anantara siswazah dan bukan siswazah untuk dilatih menjadi nelayan laut dalam. Lautan yang luas, ikan yang berkeliaran juga tidak mengenal ijazah.

Syarat yang perlu bagi bakal nelayan laut dalam ialah ketabahan, kesabaran dan keberanian. Tidak ada sekolah bagi sifat-sifat ini. Anak nelayan yang miskin dan menganggur mendapat layanan yang sama dengan "siswazah merdeka". Siswazah menganggur di-sebut "siswazah merdeka" di Kementerian Pertanian kerana mereka tidak terikat dan merdeka daripada Kerajaan dan swasta. Tidak ada bukti siswazah merdeka dapat menjadi nelayan yang

lebih baik dari anak-anak nelayan yang tidak pernah mendapat biasiswa Kerajaan. Oleh kerana penerokaan laut dalam secara besar-besaran adalah bidang baru bagi negara kita, kita perlulah mempelajari pengalaman dari negara-negara lain seperti Thailand di mana nelayan laut dalam berjumlah sekitar satu juta orang. Latihan nelayan lebih berasaskan kepada pengalaman termasuk bagi juruteknik-juruteknik.

Peluang bagi melatih mereka yang ingin menjadi angkatan nelayan laut dalam dijalankan di Institut Perikanan Pulau Pinang. Setakat ini 4 kursus sudah diadakan dan sejumlah 225 orang sudah dilatih. Siswazah merdeka juga boleh dilatih di sana. Tidak ada tempat lain yang berkemampuan dan berkeleengkapan setakat yang saya tahu untuk menjalankan latihan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa tidak ada beza di antara siswazah merdeka dan tidak ada beza di antara pengenalan yang dibuat oleh ikan terhadap sama ada nelayan itu siswazah ataupun yang bukan siswazah. Namun demikian, kita mesti juga hadapi hakikat bahawa manusia mempunyai egonya sendiri, perasaannya sendiri dan ingin membezakan diri dengan orang lain. Jadi tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa manusia ini mempunyai egonya, memang ingin dibezakan siswazah itu dengan yang bukan siswazah dan dengan mengatakan bahawa kita tidak harus membezakan di antara mereka itu seolah-olah mengecilkan inspirasi mereka untuk menjadi nelayan di lautan yang dalam. Kalau menyedari hakikat ini, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya mereka yang berijazah, yang merdeka ini supaya lebih berminat lagi menceburi diri dalam lapangan perikanan sebagaimana yang dimaksudkan tadi?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Siswazah yang berego biasanya tidak mahu menerokai laut dalam (*Ketawa*).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemahiran dan pengalaman untuk menangkap ikan memang siswazah tidak lagi mahir daripada nelayan biasa tetapi dari segi daya pengeluaran, dari segi keupayaan untuk menguruskan sesuatu perniagaan untuk menjalankan syarikat untuk perikanan, memanglah mereka dapat membuat dengan pengalaman yang besar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalnya?

Tuan Sim Kwang Yang: Maka soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan dengan jawapan itu bahawa mereka tidak membezakan di antara siswazah dan nelayan biasa, adakah bahawa pihak Kerajaan tidak mengambil apa-apa perhatian ke atas masalah pengangguran siswazah ini? Yang kedua.....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Sim Kwang Yang: Apa ini "boo"? Tanya soalan pun hendak "boo". Inilah sikap Barisan Nasional!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia tidak suka mendengar masalah terhadap siswazah yang menganggur.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bukan haiwan di sini, ikan sahaja (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, masalah yang dihadapi oleh siswazah adalah kekurangan modal. Adakah pihak Kementerian Pertanian ataupun Bank Pertanian bercadang untuk menubuhkan satu skim khas supaya pinjaman dapat

dibolehkan kepada siswazah yang menganggur supaya mereka dapat menjalankan perniagaan untuk menangkap ikan? Ini sahaja.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Ahli Yang Berhormat, Tuhan menjadikan unta sebagai binatang yang lehernya cukup panjang, semoga sebelum suara itu berjalan daripada rengkung ke mulut, otaknya sempat berfikir (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Adalah jelas bahawa Yang Berhormat tidak faham soalan yang sebenar. Yang ditanya ialah siswazah yang hendak dilatih pergi ke laut dalam, bukan siswazah yang ingin menguruskan syarikat perikanan. Jawapan saya adalah spesifik dan jelas. Saya fikir peranan siswazah kalau mampu pergi ke laut dalam, alhamdulillah, tetapi kalau mahu mengurus di darat, maka pengeluarannya mungkin lebih baik tetapi tidak ada bukti dan statistik bahawa nelayan yang pergi ke laut dalam dari kalangan siswazah lebih produktif daripada yang bukan siswazah.

Soal membeli bot dan mencari modal, sebelum pergi ke laut perlulah tahu dahulu sebelum pergi ke laut. Jadi masalah yang Yang Berhormat bantangkan itu belum timbul kerana peringkat pertama hendaklah kita mencari jalan melatih nelayan laut dalam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 61 adalah diberi di bawah ini).

EKSPORT PERABOT MALAYSIA

10. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyata-

kan apakah rancangan Kerajaan untuk memenuhi keperluan pasaran perabot antarabangsa yang semakin besar iaitu dianggarkan bernilai \$400 juta menjelang tahun 1995. Tidakkah Kerajaan akan menggunakan sepenuhnya sumber kayu balak tropika yang banyak di negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Angka \$400 juta yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat adalah matlamat eksport perabot Malaysia menjelang tahun 1995 manakala keperluan perabot di pasaran antarabangsa beberapa kali ganda daripada angka itu.

Antara langkah-langkah yang diambil ialah menggalakkan pelaburan ke dalam industri perabot seperti menubuhkan kompleks perabot, melayakkan industri perabot untuk memperolehi skim-skim insentif yang terkandung di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, menghantar misi-misi penggalakan pelaburan, menarik pelaburan asing melalui sekatan eksport bahan mentah seperti pengenaan duti eksport ke atas rotan yang tinggi yang telah dikenakan baru-baru ini dan beberapa langkah lain yang sedang dikaji serta mempermudah peraturan-peraturan untuk memperolehi lesen pembuatan/kilang dan eksport.

Di samping itu, langkah-langkah sedang diambil ke arah peningkatan kecekapan pengeluaran dan mutu keluaran seperti menyediakan skim-skim latihan yang lebih baik bagi peringkat pengurusan, penyeliaan dan operator terutama bagi mengendalikan teknologi-teknologi moden, mengadakan piawaian mutu perabot dan kemudahan untuk menguji piawaian mutu perabot-perabot yang dicadangkan untuk dieksport dan mengadakan pusat senireka untuk memberi khidmat senireka atau nasihat dari segi senireka.

Kerajaan juga menjalankan langkah-langkah ke arah penggalakan eksport seperti menghantar misi-misi penggalakan eksport dan menganjurkan penyertaan industri perabot Malaysia di dalam pameran-pameran perabot antarabangsa, menyediakan skim pembiayaan semula kredit eksport (ECR), pengurangan atas pendapatan larasan barangan perabot yang dieksport, elaun percukaian diberikan ke atas perbelanjaan-perbelanjaan bagi penggalakan eksport.

Kerajaan memang bercadang untuk menggunakan sepenuhnya kayu balak yang dihasilkan oleh negara. Setakat ini balak yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia boleh dikatakan semuanya diproses di dalam negeri. Kerajaan Sabah dan Sarawak juga mahukan pemprosesan balak yang masih rendah ditingkatkan. Langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan lebih banyak pemprosesan dengan penubuhan zone-zone khas pemprosesan kayu.

UNIT KHAS MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI

11. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah wujud satu unit khas yang dapat mengawasi dan memastikan bahawa Pemindahan Teknologi yang tulin telah berlaku memandangkan pemberian berbagai insentif kepada pelabur-pelabur asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Pada masa ini terdapat satu unit kecil di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengawasi pemindahan teknologi secara am melalui penyemakan perjanjian-perjanjian di antara syarikat-syarikat pengilangan tempatan dengan pihak-pihak asing yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau diberi galakan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 ataupun

jika disyaratkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Unit ini akan memastikan bahawa perjanjian-perjanjian hendaklah tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang menyekat, tidak adil dan melemahkan syarikat tempatan atau tidak selaras dengan kepentingan negara. Di samping itu bayaran, jika dikenakan, hendaklah saksama dan berpatutan dengan tingkat teknologi, bantuan teknik dan khidmat-khidmat lain yang dibekalkan.

Sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab ke atas proses pemindahan teknologi bukanlah semata-mata terletak di tangan sebuah unit kecil atau pun sebuah Kementerian sahaja. Berbagai usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan pencapaian teknologi perindustrian seperti mengadakan Dasar Sains dan Teknologi Negara, menyediakan peruntukan khas sebanyak 400 juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D, penubuhan Taman Teknologi dan penyediaan Pelan Pembangunan Teknologi Perindustrian.

Usaha-usaha ini adalah penting untuk memastikan bahawa proses pemindahan teknologi akan berlaku dengan lebih lancar melalui peningkatan keupayaan menerima (absorbtive-capacity) dengan menitikberatkan latihan dan kemajuan tenaga manusia di bidang-bidang teknikal serta penubuhan institut-institut penyelidikan dan pembangunan atau R & D bertujuan untuk menggalakkan perkembangan teknologi tempatan dan penyesuaian teknologi.

SKIM KEUTAMAAN KHAS (GSP) TERHADAP BARANGAN MALAYSIA

12. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan siapakah yang bertanggungjawab

gungjawab mendesak Persekutuan Buruh dan Kongres Pertubuhan-Pertubuhan Industri Amerika (AFL-CIO) untuk menggesa Kerajaan Amerika Syarikat untuk menarik balik Skim Keutamaan Khas (GSP) terhadap barangan dari Malaysia dan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak yang terlibat.

Tuan M. G. Pandithan: Saya tidaklah mahu menuduh mana-mana pihak atau individu sebagai bertanggungjawab mendesak Persekutuan Buruh dan Kongres Pertubuhan-Pertubuhan Industri Amerika (AFL-CIO) supaya menggesa Kerajaan Amerika Syarikat menarik balik Skim Keutamaan Khas (GSP) terhadap barangan dari Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa petisyen yang dikemukakan oleh AFL-CIO berhubung dengan perkara ini banyak memetik ucapan yang disampaikan oleh Y.B. Encik V. David kepada Persekutuan tersebut pada tahun lepas sebagai hujah-hujah yang penting bagi mengukuhkan tuduhan-tuduhan terhadap amalan buruh Malaysia.

Saya ingin membaca sebahagian daripada petisyen AFL-CIO tersebut yang mengaitkan desakan Y.B. Encik V. David dengan tindakan kesatuan sekerja itu.

“During a seminar discussion on worker rights, he publicly criticized human and trade union rights abuses in Malaysia. Because of those rights violations, Mr. David specifically and unequivocally urged the AFL-CIO to press for withdrawal of Malaysia’s special trade privileges in the U.S. market”.

Khususnya, kata-kata berikut terkandung dalam hujah-hujah Y.B. Encik David di seminar anjuran AFL-CIO. Dengan izin:

The United States should not “turn its back” on these abuses and should

not hesitate to use the trade lever to put pressure on the Malaysian government: “We do not see such a move as intervention in internal affairs”.

He stated, in fact, “I do not know how Malaysia has escaped from” having its GSP privileges withdrawn for its violations of worker rights’.

Kerajaan tidak akan mengambil tindakan ke atas orang yang telah menggesa pihak Kesatuan Sekerja yang berkenaan supaya mendesak kerajaan Amerika Syarikat menarik balik keistimewaan GSP yang diberikan kepada Malaysia. Kerajaan sentiasa memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk bersuara dan melahirkan pendapat. Walau bagaimanapun, kebebasan ini nampaknya telah disalahgunakan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang sanggup mengepikan kepentingan rakyat dan negara semata-mata untuk menonjolkan diri mereka. Perkara ini harus menjadi pengajaran kepada kita semua dan terpujanglah kepada pihak-pihak yang diwakili oleh individu yang berkenaan untuk memilih pemimpin-pemimpin yang lebih bertanggungjawab dan peka kepada keperluan rakyat dan negara.

RANCANGAN IMUNISASI HEPATITIS B

13. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kempen penyuntingan “Hepatitis B” akan dilancarkan dan sama ada ianya akan dilancar ke seluruh negara dan golongan yang akan dapat faedah pada permulaannya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato’ K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan telah pun menyiapkan Rancangan Imunisasi Hepatitis B yang menyenaraikan di antara lain golongan prioriti mengikut risiko jangkitan. Kempen imunisasi Hepatitis B ini akan dilancarkan apabila peruntukan Khas

yang perlu diperolehi. Pada dasarnya rancangan ini akan dilancarkan di seluruh negara. Kumpulan sasaran utama ialah bayi baharu lahir dan pekerja perubatan dan kesihatan tertentu. Liputan kumpulan-kumpulan sasaran yang lain akan bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan.

EKSPORT KAYU MALAYSIA KE EROPAH

14. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (i) bukti-bukti Kementerian beliau telah perolehi bahawa pementing-pementing kayu-kayu 'European Softwood' adalah terlibat dalam cubaan-cubaan untuk memburukkan eksport kayu-kayu dari Malaysia ke Eropah; dan
- (ii) apakah langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil bagi mengatasi masalah ini dan sejauhmanakah langkah-langkah ini telah menemui kejayaan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Bagi menjawab soalan ini saya mohon mencadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Peter Paul Dason pada hari ini, Y.B. Tuan Haji Mohamed Haji Isa pada 6.7.1988 dan Y.B. Dr. Abdul Hadi Derani pada 8.7.1988 untuk dijawab serentak pada hari ini kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan kempen memburuk-burukkan kayu-kayan Malaysia.

Kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia di Eropah adalah dilakukan oleh kumpulan pencinta alam. Setakat ini kempen mereka belumlah menjejaskan jumlah eksport kayu-kayan Malaysia ke

Eropah. Namun demikian Kerajaan sedar dan memandang serius terhadap implikasi kempen dan segala dakwaan buruk kumpulan pencinta alam tersebut.

Kementerian ini tiada mempunyai apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa pementing-pementing kayu-kayan 'European Softwood' adalah terlibat dalam cubaan-cubaan untuk memburukkan eksport kayu-kayan dari Malaysia ke Eropah.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang bersepadu untuk menentang kempen ini. Di antaranya ialah:-

- (i) Pada 6-18 April 1988, saya sendiri mengetuai satu misi khas ke beberapa negara Eropah termasuk Belanda, German Barat, Belgium dan United Kingdom bagi menerangkan kedudukan sebenar aktiviti pengurusan, pemuliharaan serta pembangunan hutan di Malaysia kepada pemimpin-pemimpin kumpulan-kumpulan pencinta alam dan sektor industri serta pihak Kerajaan negara-negara tersebut, khususnya bagi menangkis dakwaan pihak anti kayu tropika di negara-negara berkenaan. Misi ini telah mencapai matlamatnya dalam membetulkan pengertian dan anggapan yang tidak benar mengenai pemeliharaan dan kedudukan hutan di Malaysia.
- (ii) Menyebarkan maklumat-maklumat dalam bentuk risalah rencana, filem dokumentasi, dan pita video kepada orang ramai melalui media massa, pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri, persatuan pengimport kayu-kayan dan juga institusi pengajian tinggi di luar negeri.

- (iii) Meminta kerjasama FAO International Tropika Timber Organization (ITTO) supaya menganjurkan seminar, menerbitkan buku-buku, atau risalah filem yang boleh dijadikan saluran untuk memberi gambaran secara adil dan tepat tentang keadaan pengurusan hutan di Malaysia.
- (iv) Memberi kerjasama kepada beberapa perwakilan akhbar, jurnal kayu-kayan dari Eropah untuk melihat sendiri aktiviti pemeliharaan hutan yang dijalankan di negara ini.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan telah menampakkan kesan yang baik dalam usaha untuk menentang kempen ini. Namun Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan pencinta alam berkenaan, dengan hal ini dan satu Jawatankuasa khas untuk menyelaras segala aktiviti berkaitan kempen anti-kayu tropika ditubuh di bawah Kementerian ini.

DOKTOR DI HOSPITAL DAERAH TAIPING

15. Dr. V. David minta Menteri Kesihatan memberi keterangan-keterangan kepada yang berikut, berkaitan dengan Rumah Kerajaan di Taiping, Perak:

- (a) bilangan doktor-doktor di Rumah Sakit tersebut mengikut pecahan jabatan;
- (b) bilangan pakar-pakar di Rumah Sakit tersebut;
- (c) adakah para pesakit menghadapi kesulitan untuk mendapatkan perkhidmatan dan layanan baik dari pakar-pakar tersebut. Jika ya, kenapa;
- (d) adakah Rumah Sakit ini menghadapi masalah kekurangan ubat-ubatan; dan

- (e) adakah orang tahanan di bawah ISA menghadapi masalah mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar tersebut, jika ada, kenapa.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Bilangan doktor-doktor di Hospital Daerah Taiping mengikut jabatan adalah seperti berikut:

<i>Disiplin</i>	<i>Bil. Doktor</i>
(i) Perbidanan dan sakitpuan ..	11
(ii) Perubatan ..	12
(iii) Kanak-Kanak ..	6
(iv) Bedah	10
(v) Bius..	6
(vi) Jabatan Pesakit Luar	10
(vii) Mata	2
(viii) X-Ray	1
Jumlah	<u>58</u>

- (b) Terdapat 8 orang pakar perubatan di Hospital tersebut.
- (c) Tiap-tiap pesakit yang datang ke Hospital Daerah Taiping diperiksa oleh Pegawai Perubatan. Jika Pegawai Perubatan mendapati bahawa pesakit tersebut memerlukan rawatan daripada mana-mana pakar-pakar, pesakit akan dirujuk oleh Pegawai Perubatan kepada pakar-pakar yang berkenaan. Setakat ini tidak ada apa-apa kesulitan bagi mana-mana pesakit untuk berjumpa dengan mana-mana pakar.
- (d) Pihak Hospital Daerah Taiping tidak menghadapi masalah kekurangan ubat-ubatan.
- (e) Orang Tahanan yang dibawa ke Hospital Daerah Taiping tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar.

HARGA TIKET TAYANGAN GAMBAR

16. Tuan Chua Jui Meng minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah sebabnya harga tiket setengah-setengah tayangan gambar di panggung Kuala Lumpur dinaikkan;
- (b) siapakah yang menentukan kenaikan harga tiket tersebut; dan
- (c) adakah kenaikan harga tiket itu berdasarkan satu sistem yang ditetapkan ataupun ia terpulang kepada budibicara pemilik panggung.

Perdana Menteri:

- (a) memang terdapat kenaikan harga tiket di setengah-setengah tayangan gambar di beberapa panggung di Kuala Lumpur. Antara sebab-sebab atau alasan yang diberi adalah seperti berikut:-
 - (i) jika tayangan tersebut menggunakan suatu filem pengeluaran istimewa yang mana biasanya kos pengeluaran adalah lebih tinggi.
 - (ii) masa tayangan filem tersebut lebih panjang daripada masa biasa. Ini bergantung kepada panjangnya sesuatu filem itu.
 - (iii) jika tayangan tersebut bertujuan untuk memungut derma.
- (b) Kenaikan harga tiket tersebut adalah ditentukan oleh pihak pengurusan pawagam yang berkenaan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua permohonan untuk menaikkan bayaran masuk pawagam bagi tayangan-tayangan tertentu, hendaklah dikemukakan kepada

Pengarah Cukai Sewa Filem, Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akan membuat perakuan kepada Bahagian Cukai Perbendaharaan Malaysia. Mengikut Seksyen 13(1) Undang-undang Cukai Sewa Filem 1965, Y. B. Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meluluskan kenaikan tersebut.

PERKHIDMATAN AWAM DISWASTAKAN

17. Tuan Chew Kam Hoy minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) senarai semua perkhidmatan awam yang telah diswastakan oleh Kerajaan setakat hari ini; dan
- (b) setakat manakah penswastakan ini telah berjaya memberi menafaat kepada rakyat jelata dan negara.

Tuan Othman bin Abdul: Sehingga kini Kerajaan telah menswastakan sebanyak 15 projek yang meliputi 8 projek yang sedia ada dan 7 projek baru. Projek-projek yang diswastakan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) **Projek-projek Sedia ada:-**

1. Depoh Baikpulih Kapalterbang Tentera Udara Diraja (AIROD).
2. Terminal Kontena Pelabuhan Kelang.
3. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).
4. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC).
5. Sport Toto Sdn. Bhd.
6. Pembersihan Perigi-perigi Tiub di Wilayah Persekutuan Labuan.
7. Jabatan Telekom Malaysia.
8. Pengiklanan Di Radio Malaysia.

(ii) Projek-projek Baru:

1. Jalan Lintas Selat Kelang Utara.
2. Jejambat Jalan Kuching/Kepong.
3. TV3.
4. Bekalan Air Labuan.
5. Beberapa Jejambat/Jejantas di Kuala Lumpur.
6. Lebuhraya Utara-Selatan.
7. Pemusnahan Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Adalah masih terlalu awal untuk mengukur kejayaan dasar penswastaaan Kerajaan secara terperinci. Sungguhpun begitu, laporan-laporan yang diterima oleh Kerajaan menunjukkan prestasi agensi-agensi yang diswastakan tersebut dari segi pemikiran para pekerja dan peningkatan produktiviti amatlah menggalakkan. Di samping itu, syarikat-syarikat TV3, Sports Toto, Kelang container Terminal Sdn. Bhd. telah memperolehi keuntungan yang menggalakkan. Kerajaan percaya bahawa peningkatan produktiviti dan prestasi keuntungan yang baik akan membolehkan agensi-agensi yang diswastakan memperluaskan kegiatannya dengan menawarkan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada masyarakat.

**BATUK KERING
(TUBERCULOSIS) –
PEMERIKSAAN DARAH**

18. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian juga akan menjalankan pemeriksaan darah ke atas pengidap-pengidap batuk kering (Tuberculosis) untuk mengesyorkan bahawa kira-kira 6,000 kes TB baru yang muncul setiap tahun di Malaysia bukanlah disebabkan oleh AIDS yang dilaporkan virus tersebut wujud di antara 20 hingga 50 peratus daripada pengidap TB di setengah negara membangun, atau tidak. Jika tidak, mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesakit AIDS adalah terdedah kepada beberapa jangkitan penyakit berjangkit termasuklah batuk kering (Tuberculosis - TB) oleh kerana kelemahan dalam sistem pertahanan semula jadi badannya.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan telah pun menjalankan satu kajian contoh pemeriksaan darah untuk antibodi terhadap AIDS di kalangan pesakit-pesakit TB.

Keputusan kajian tersebut menunjukkan tidak ada contoh yang positif terhadap AIDS. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan meneruskan pengawasan ini di kalangan pesakit TB dari masa ke semasa terutamanya mereka yang tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejauh ini tidak ada kes atau pembawa AIDS yang dikesan di negara ini yang terdiri dari golongan pengidap penyakit TB.

KEMPEN MEMBACA

19. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini sejauh manakah kempen pembaca ini dapat dikesan kejayaannya dan berapa ramaikah agaknya pelajar kita sudah berminat membaca dan menulis Jawi.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Gerakan Membaca dengan matlamat untuk membina masyarakat yang membaca dan berilmu. Tahun 1988 diisytiharkan sebagai "Tahun Membaca" yang bertujuan untuk menyedarkan semua rakyat tentang proses pembinaan dan pengkayaan ilmu melalui pembacaan yang berterusan kerana "membaca jambatan ilmu".

Untuk mencapai matlamat ini, Jawatankuasa Kebangsaan Gerakan Membaca telah merancang program dan kegiatan yang sesuai serta berkaitan dengan buku dan galakan membaca. Di antaranya ialah dengan mengadakan:

- (i) Pesta Buku Kebangsaan di Kuala Lumpur.
- (ii) Pesta buku di peringkat negeri.
- (iii) Bulan Perpustakaan Negara.
- (iv) Ceramah-ceramah yang berkaitan dengan buku dan pembacaan yang dianjurkan oleh institusi-institusi pendidikan seperti sekolah, maktab dan persatuan.
- (v) Menerbitkan "Berita Buku Malaysia" dan "Buku-Buku Malaysia dalam Pasaran."

Selain dari itu, Jawatankuasa Kebangsaan Gerakan Membaca juga telah merancang kegiatan tambahan yang lain untuk merancakkan kempen membaca ini. Di antaranya termasuklah mengadakan kuiz pengetahuan, khemah membaca untuk pelajar dan Pesta Buku Malaysia. Majlis Kebangsaan Buku Kebangsaan juga telah memberikan bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang akan mengadakan Projek Galakan Belia Membaca.

Berdasarkan kegiatan yang telah diadakan, Gerakan Membaca telah mendapat perhatian yang menggalakkan dan membanggakan daripada semua lapisan masyarakat Malaysia. Sambutan dan sokongan pihak media massa seperti akhbar, majalah, radio dan televisyen juga telah meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan membaca yang berterusan untuk membina dan mengkayakan ilmu. Kementerian Pendidikan yakin bahawa Gerakan Membaca ini akan berjalan terus sehingga masyarakat Malaysia menjadi terkenal sebagai masyarakat membaca dalam erti kata yang sebenarnya.

Tiada maklumat tentang jumlah pelajar kita yang sudah berminat membaca dan menulis jawi.

MAS – LOGO BARU

20. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah wang yang dibelanjakan oleh MAS atas pelancaran logo baru dan mengecat semula semua kapal-kapal terbang MAS. Adakah image baru ini memberi kesan yang positif serta apakah faedah yang diperolehi oleh MAS khasnya di peringkat antarabangsa.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atas pelancaran logo baru adalah \$1.2 juta. Bagi pelancaran logo ini, kos mengecat semula kapal terbang kapal terbang tidak timbul kerana semua kapal terbang MAS sememangnya dicat semula setiap kali kerja-kerja penyelenggaraan besar dijalankan pada tempoh-tempoh tertentu yang ditetapkan.

Pengubahan logo Sistem Penerbangan Malaysia telah dilancarkan sebagai langkah untuk memperteguhkan lagi imej serta kedudukan syarikat di pasaran antarabangsa. Ia adalah juga perlu bagi mencetuskan kesedaran yang lebih berkesan mengenai Malaysia di kalangan negara-negara asing sejajar dengan usaha-usaha Kerajaan untuk memperhebatkan lagi pemasaran perkhidmatan syarikat penerbangan kebangsaan serta memperkenalkan Malaysia ke pasaran antarabangsa.

Adalah terlalu awal untuk menguji keberkesannya, kerana pengenalan logo baru oleh MAS hanyalah dilancarkan pada 15 Oktober 1987. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan-laporan seranta yang diperolehi setakat ini, logo baru yang diperkenalkan sememangnya telah

diberikan sambutan yang positif. Satu penyelidikan bebas yang telah dilakukan baru-baru ini pula mendapati bahawa kebanyakan responden yang terdiri dari pengguna penerbangan awam berpendapat bahawa 'imej korporate' MAS adalah lebih baik berbanding dari sebelumnya.

PASUKAN BOLASEPAK – PRESTASI

21. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi meninggikan taraf bola-sepak pasukan Malaysia dan kenapakah prestasi pasukan kita begitu lemah jika dibandingkan pada masa selepas kita mencapai kemerdekaan dan apakah kekurangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh FA Malaysia dan bagaimana pula langkah menyelesaikannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Prestasi pasukan bolasepak kita tidak begitu menggalakkan kebelakangan ini. Ini ternyata selepas ramai pemain-pemain yang terkemuka mula bersara dan pemain-pemain baru belum dapat mengambil tempat mereka ini dengan jayanya. Salah satu sebab yang nyata ialah kerana program pembangunan yang telah diamalkan dulu kurang berkesan.

Untuk mengatasi masalah ini, usaha-usaha sedang diambil oleh Persatuan Bola sepak Malaysia ke arah mempertingkatkan mutu pemain bolasepak negara. Ini termasuklah memperkenalkan liga separuh profesional mulai tahun hadapan, menyediakan pasukan-pasukan pelapis dan pasukan-pasukan di bawah umur. Persatuan berkenaan juga difahamkan bercadang untuk mengambil seorang jurulatih luar negeri yang akan dibantu oleh jurulatih-jurulatih tempatan.

BANK PERDAGANGAN – FAEDAH PINJAMAN

22. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (i) sama ada beliau sedar bahawa telah wujud perbezaan yang luas dalam kadar faedah pinjaman bagi peminjam-peminjam dari kadar-kadar yang diperolehi oleh pendeposit-pendeposit bank perdagangan. Apakah perbezaan dalam bentuk peratusan antara kadar faedah pinjaman dan kadar faedah deposit bank-bank perdagangan untuk tempoh antara 1981-1987; dan
- (ii) sama ada Bank Negara akan mengeluarkan peraturan baru bagi memastikan perbezaan dalam kadar faedah pinjaman dan deposit di bank-bank perdagangan boleh dikurangkan ke paras yang adil bagi faedah peminjam-peminjam dan pendeposit-pendeposit.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):

- (i) Kementerian Kewangan memang sedar mengenai perbezaan yang besar wujud di antara kadar faedah pinjaman dengan kadar faedah simpanan yang ditetapkan oleh bank-bank perdagangan. Dengan sebab itulah Menteri Kewangan telah beberapa kali menggesa institusi-institusi kewangan supaya mengurangkan jidar, dengan izin, 'spread' tersebut. Jidar yang wajar adalah di antara 3 hingga 3.5 mata peratusan. Jidar kasar bank-bank perdagangan, iaitu perbezaan antara kadar berian pinjaman purata dengan kadar simpanan purata, bagi tempoh 1981-1987 adalah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Mata Peratusan</u>
1981	4.4
1982	5.3
1983	6.5
1984	4.6
1985	5.0
1986	4.9
1987	6.7

- (ii) Bank Negara sentiasa mengawasi kedudukan perbezaan atau jidar faedah tersebut dan jika perlu, garis panduan-garis panduan dan kaedah-kaedah baru akan dikeluarkan bagi mempengaruhi institusi-institusi kewangan supaya mengurangkannya kepada suatu paras yang lebih berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada amnya jidar yang besar ini berlaku kerana kos yang ditanggung oleh institusi-institusi kewangan pada masa ini adalah tinggi. Kos-kos kumpulan wang bank termasuklah kos simpanan, kos pengawalan dan kos pentadbiran.

WANG KERTAS CONTOH \$50 YANG HILANG

23. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian telah menyiapkan penyiasatan tentang bagaimana contoh ringgit \$50 boleh dicuri apabila ia dibawa dari pencetakannya di London ke Bank Negara. Apakah Kementerian dengan bantuan pihak polis telah berjaya menahan sesiapa yang bertanggungjawab terhadap pencurian tersebut dan berapakah daripada contoh wang ringgit tersebut dikesan balik oleh pihak berkuasa.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes wang kertas contoh \$50 yang hilang dalam perjalanan pos dari pencetaknya

di London kepada Bank Negara Malaysia baru-baru ini, masih lagi dalam siasatan pihak polis. Sehingga ini seramai tiga orang awam, iaitu seorang dari Kuala Lumpur dan dua orang dari Klang telah ditangkap kerana memiliki wang kertas tersebut. Sejumlah 62 keping wang kertas contoh tersebut telah dikesan dan dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia setakat 20hb Jun, 1988.

PIALA THOMAS – INSENTIF KEPADA PEMAIN

24. Tuan Haji Mohd. Sam bin Haji Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan hadiah-hadiah yang tersedia dan hadiah-hadiah yang dijanjikan kepada pemain-pemain badminton negara ketika bertanding akhir dengan Negara China untuk merebut Piala Thomas baru-baru ini. Adakah cara ini sesuai dengan semangat dan disiplin sukan di samping untuk menjadikannya sebagai satu galakan dan penggerak kepada semangat kesukanan negara dan perkembangan serta kemajuan sukan-sukan lain yang juga dipertandingkan di peringkat antarabangsa. Apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk memajukan sukan yang lain daripada cara menjanjikan hadiah-hadiah.

Cik Teng Gaik Kwan: Dalam usaha untuk memberi insentif kepada pemain-pemain untuk memenangi Piala Thomas di pertandingan akhir menentang Pasukan China, Kerajaan telah menyediakan dua jenis hadiah iaitu:-

- (i) Hadiah yang sedia ada – setiap pemain akan menerima sebanyak \$15,000. Hadiah ini disediakan melalui Skim Hadiah Kemenangan Sukan.
- (ii) Hadiah tambahan dari Kerajaan ialah sebuah kereta Proton Saga bagi setiap pemain.

Di samping itu juga Syarikat Sports Toto telah menyediakan hadiah tambahan sebanyak \$250,000 kepada Persatuan Badminton Malaysia.

Hadiah-hadiah yang telah disediakan dan yang dijanjikan ini adalah sebagai dorongan tambahan kepada pemain. Yang lebih penting ialah disiplin serta semangat pemain-pemain itu sendiri dengan meletakkan kepentingan negara lebih dari yang lain.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia mempunyai beberapa program untuk memajukan sukan. Program-program ini ialah Program Pelapis dan Program Bakat. Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan telah pun dipastikan supaya lebih banyak program-program bersepadu dilaksanakan. Satu program yang serupa telah pun dipersetujui untuk sukan badminton dan program-program lain akan menyusul kemudian.

LAWATAN KELUARGA DI KEM TAHANAN

25. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar beliau tentang kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid bin Megat Ayub, bahawa isteri orang-orang tahanan dibenarkan menemui orang-orang tahanan dengan penuh 'privacy' untuk tempoh yang panjang tidaklah benar kerana lawatan-lawatan yang diadakan oleh ahli-ahli keluarga sentiasa di bawah perhatian pegawai-pegawai kem yang hadir semasa lawatan dilakukan dan juga orang-orang tahanan diasingkan daripada keluarga yang dikasihi oleh sebuah 'wire-mash'; jika ya, nyatakan sama ada beliau akan mengarah Timbalan Menteri berkenaan untuk melawat kem tersebut sebelum beliau mengeluarkan kenyataan-kenyataan lanjut mengenai perkara tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Nampaknya sudah menjadi amalan biasa di mana kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin negara, termasuk Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, kerap kali tersilap lapor atau disalahtafsirkan oleh pihak-pihak media massa. Dengan yang demikian ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai, termasuklah Ahli Yang Berhormat sendiri.

Sepertimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan ini, lawatan oleh ahli-ahli keluarga orang-orang tahanan adalah dibenarkan atas budibicara pihak Pusat Tahanan bersesuaian dengan peruntukan 81 di bawah Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-Orang Tahanan) 1960. Walaupun mengikut peruntukan 81 (4) di bawah kaedah-kaedah tersebut tempoh lawatan adalah tidak melebihi 30 minit, pada amalnya pihak Pusat Tahanan membenarkan masa lawatan yang melebihi had ini.

Semasa perjumpaan, "partition" dan kehadiran seseorang pegawai adalah peraturan yang wajar bagi memastikan lawatan berkenaan tidak disalahgunakan dengan tujuan-tujuan atau motif yang lain. Walau bagaimanapun, kanak-kanak kecil adalah dibenarkan untuk duduk bersama dengan orang tahanan tanpa sekatan.

PELARIAN VIETNAM DI KEM PULAU BIDONG

26. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan benarkah baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk mengatasi masalah pelarian Vietnam. Jika benar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat kemasukan pelarian itu dan juga mereka yang

berada di kem Pulau Bidong dan Sungei Besi.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawatankuasa Kabinet untuk mengatasi masalah pendatang haram Vietnam telah ditubuhkan dan ia dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini di antara lain terdiri daripada Pasukan Petugas PHV, Jabatan Tentera Laut, Polis Di Raja Malaysia dan Kementerian Luar Negeri.

Jawatankuasa ini telah pun menyediakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri, Pelan Operasi bagi menyekat kemasukan pendatang haram Vietnam, dan juga mengeluarkan mereka yang sudah berada di Malaysia.

RUMAH KOS RENDAH – PEMBINAAN

27. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang projek-projek perumahan negara seperti yang dicadangkan sebanyak 80,000 setahun selama 3 tahun sejak 1986:-

(i) apakah projek tersebut berjalan

	Unit Siap	Unit Dalam Pembinaan	Unit Dalam Awal Perlaksanaan
Tahun Pertama	11,527	29,882	38,346
Tahun Kedua	3,515	29,563	67,009
Tahun Ketiga	(Projek sedang dikenalpasti)		-
Jumlah:	15,042	59,445	105,355

(ii) Berhubung dengan kadar faedah bagi pinjaman perumahan, Kerajaan melalui Bank Negara telah menetapkan kadar faedah pinjaman di tahap 1.75% setahun di atas purata kadar Asas Berian Pinjaman (iaitu 7%) bagi bank tempatan yang besar atau pun maksimum 9% setahun, mengikut mana yang lebih

lancar. Bagaimana pula prestasinya.

- (ii) apakah usaha kerajaan untuk menurunkan kadar faedah bank perdagangan bagi pinjaman perumahan yang agak tinggi kini; dan
- (iii) apakah pembinaan rumah-rumah kos rendah ini akan juga dilaksanakan di bandar-bandar besar/kosmopolitan seperti di Pulau Pinang, Ipoh dan Kuala Lumpur. Kalau ya, apakah rasionalnya.

Dato' S. Subramaniam:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Khas Perumahan Kos Rendah yang melibatkan pembinaan 80,000 unit setahun dalam tempoh 3 tahun mulai Julai 1986 hingga Jun 1989 sedang berjalan lancar. Sehingga 30.4.1988, prestasi pelaksanaan projek-projek yang telah dikenalpasti bagi tahun pertama (Julai 1986 - Jun 1987) dan tahun kedua (Julai 1987 - Jun 1988) adalah seperti berikut:-

rendah untuk pembelian rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit. Mulai 1hb. Julai 1988, kadar Asas Berian Pinjaman ini telah diturunkan sebanyak 0.25% dan menjadikannya pada tahap 6.75%.

- (iii) Sebilangan besar projek di bawah program Khas Perumah-

an Kos Rendah ini meliputi kawasan-kawasan di pinggir bandar. Ini disebabkan kawasan tersebut mempunyai permintaan yang berkesan terhadap rumah-rumah kos rendah serta mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi untuk melaksanakan projek. Pelaksanaan projek perumahan kos rendah di bandar-bandar yang besar hanya meliputi bilangan yang kecil kerana didapati kurang sesuai untuk jenis rumah kos rendah memandangkan harga tanah yang tinggi. Keadaan ini akan membebaskan pembeli-pembeli rumah yang berpendapatan rendah.

PROTON SAGA – PASARAN DI NEGARA ASEAN

28. Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bagaimana sambutan pasaran kereta Proton Saga di negara ASEAN dan lain-lain negara seperti Amerika Syarikat, Ireland; dan
- (b) dengan kenaikan harga baru kereta Proton Saga di pasaran kereta negara berapa banyak kemerosotan jualan berbanding dengan harga lama.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Sehingga 15 Jun 1988, sebanyak 966 unit PROTON SAGA telah dieksport ke tujuh buah negara iaitu Bangladesh, Brunei Darussalam, Malta, Sri Langka, Ireland, Jamaica dan New Zealand. Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima di negara-negara berkenaan menggalakkan. Hampir semua unit yang dieksport telah pun dijual dan beberapa negara seperti Bangladesh, Brunei Darussalam

dan Ireland telah pun membuat tempahan tambahan.

Buat masa ini Proton belum lagi mengeksport PROTON SAGA ke Amerika Syarikat kerana pihak Proton terpaksa membuat beberapa penyesuaian untuk memenuhi beberapa spesifikasi yang ditetapkan oleh negara berkenaan. Bagaimanapun, Proton menjangka dapat memulakan eksport ke negara tersebut pada pertengahan tahun 1989.

- (b) Berkaitan dengan kenaikan harga PROTON SAGA pula, daripada statistik jualan kereta selepas kenaikan harga diumumkan pada 1 Januari 1988, didapati kenaikan tersebut tidak pun menjejaskan pasaran kereta itu. Misalnya jualan purata sebulan sebelum kenaikan harga dikuatkuasakan, ialah 3,006 unit. Selepas kenaikan harga diumumkan, jaluannya purata sebanyak 3,286 unit sebulan dalam tempoh Januari hingga April 1988. Walau bagaimanapun kenaikan harga itu, dari segi bandingan harga dengan harga kereta kelas yang sama yang dipasarkan di negara ini, harga PROTON SAGA didapati lebih rendah daripada harga kereta yang lain.

Proton juga telah menaikkan harga PROTON SAGA sedan dan Aeroback 1.3s mulai 1 April 1988. Walau bagaimanapun adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada kenaikan harga tersebut itu menjejaskan jualan kereta berkenaan.

UJIAN DIESEL KELAPA SAWIT KEPADA KENDERAAN

29. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat ini sejauh

manakah kejayaan yang telah dicapai berhubung dengan ujian diesel kelapa sawit kepada kenderaan-kenderaan sama ada lori, teksi, kereta dan lain-lain yang telah dibuat pada tahun 1986 hingga ke hari ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Sejak tahun 1986 hingga ke hari ini, sebanyak 25 buah jenis kenderaan/jentera sedang menjalani ujian lasak menggunakan diesel minyak kelapa sawit. Peringkat ujian lasak merupakan peringkat awal projek penyelidikan diesel minyak kelapa sawit di mana beberapa peringkat lagi akan dilaksanakan meliputi beberapa keluaran minyak kelapa sawit bermutu rendah yang akan digunakan sebagai bahan mentah. Oleh yang demikian, projek ini akan mengambil masa beberapa tahun lagi bagi memperolehi hasil-hasil penyelidikan yang lebih terperinci dan kaedah-kaedah perolehan diesel minyak kelapa sawit yang lebih terkemas kini.

Sungguhpun demikian, hasil-hasil kajian setakat ini menunjukkan diesel minyak kelapa sawit mempunyai prestasi yang setanding dengan diesel petrolium. Malah diesel minyak kelapa sawit sebagai bahan api secara relatif dengan diesel petrolium tidak menghasilkan bahan 'pollutant' yang boleh mencemarkan udara sekitar disebabkan kadar kandungan nitrogen oksid, karbon monoksid dan sulfur dioksid yang rendah dari ekzos jentera. Walau bagaimanapun diesel minyak kelapa sawit mempunyai beberapa kelemahan teknikal kerana ianya mempunyai keupayaan menghakis beberapa bahagian jentera yang sensitif seperti lantai simen, hos getah, dan tembaga serta berupaya melarutkan beberapa jenis cat kenderaan/jentera. Masalah-masalah teknikal ini serta alternatif-alternatif tertentu sedang dikaji oleh Jawatankuasa Diesel Minyak Kelapa sawit supaya ianya kelak tidak akan merupakan masalah penerimaan umum yang utama.

DR. V. DAVID – PEMBEBASAN TAHANAN ISA

30. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah pembebasan Dr. V. David dari tahanann di bawah ISA ada hubungkait dengan desakan kesatuan sekerja asing;
- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk bertindak tegas terhadap beliau kerana perbuatannya yang menjejaskan imej dan ekonomi negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan tidak bertindak atas tekanan atau gesaan-gesaan dari mana-mana pihak, sama ada dari dalam atau dari luar. Pembebasan Dr. V. David tidak ada kena mengena dengan sebarang desakan kesatuan sekerja asing. Untuk makluman Dewan, pada hakikatnya Dr V. David belum dikira bebas sepenuhnya dari perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Beliau hanya dikenakan penggantungan (suspension) perintah tahanan. Seksyen 10 (4) AKDN memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan penggantungan mana-mana perintah tahanan.
- (b) Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengambil apa-apa langkah terhadap Dr. V. David. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan adalah sentiasa mengawasi perkembangan perkara berkenaan.

IMPORT BERAS

31. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan Malaysia adalah peng-

import beras yang terkemuka, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kementerian nya bagi menggalakkan penanaman padi yang lebih pesat di negara ini.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kerajaan telah menetapkan pengeluaran beras adalah untuk memenuhi 55% – 60% keperluan negara dan bakinya akan diperolehi melalui import. Tahap sara diri ini sebenarnya ditentukan oleh kemajuan produktiviti dan keupayaan pengeluaran di lapan kawasan jelapang padi di mana pengeluaran padi ditumpukan. Kawasan-kawasan itu ialah MADA, KADA, Krian Sg. Manik, Barat Laut Selangor, Seberang Prai, Kemasin Semarak, Besut, dan Seberang Perak yang melibatkan kawasan seluas 212,000 hektar.

Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan kawasan pengeluaran padi memandangkan bahawa penanaman padi di negara ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi di mana Kerajaan perlu menanggung kos infrastruktur di samping menyediakan subsidi baja dan subsidi harga. Setakat ini Kerajaan telah membelanjakan sebanyak 1.04 billion untuk infrastruktur di lapan kawasan jelapang padi. Di samping itu, semenjak RML, sebanyak 150.86 juta telah dibelanjakan untuk subsidi baja serta 437.7 juta untuk subsidi harga padi sebagai usaha bagi meningkatkan pengeluaran padi. Hasil daripada usaha tersebut pengeluaran padi negara telah meningkat di mana jumlah pengeluaran padi/beras negara telah mencapai tahap sara diri yang ditetapkan. Dengan demikian jumlah import beras negara telah berkurangan lebih kurang 50% pada tahun 1986 dan kadar tersebut terus berkurangan pada tahun 1987. Daripada jumlah import beras negara 70% adalah untuk Sabah dan Sarawak.

Daripada keperluan beras negara pada tahun 1984/85 sebanyak 40 – 50%

adalah dipenuhi melalui import. Kadar import beras ternyata berkurangan sebanyak 50% pada tahun 1986/87 bilamana hanya 20% sahaja daripada keperluan beras negara adalah dipenuhi melalui import.

Dalam pada itu Kerajaan akan terus memastikan usaha-usaha terus dijalankan bagi meningkatkan daya pengeluaran dan mutu padi di kawasan jelapang padi tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Meneruskan aktiviti penyelidikan bagi tujuan memperkenalkan pengetahuan dan teknologi baru bagi mengurangkan kos pengeluaran dan pada masa yang sama meningkatkan mutu hasil keluaran. Pengenalan benih-benih baru yang bermutu baik dan penanaman secara tabur terus adalah hasil daripada aktiviti penyelidikan ini.
- (ii) Meneruskan program kejenteraan ladang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan yang sesuai dan berkesan.
- (iii) Memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan lepas tuai dari masa ke semasa supaya lebih cekap dan berkesan bagi mengelak berlakunya kerosakan kepada padi.
- (iv) Meneruskan program pembangunan petani dan institusi peladang bagi meningkatkan lagi prestasi kerja mereka di samping menggalakkan pengusahaan secara berkelompok.

PENDATANG HARAM – ATASI KEMASUKAN

32. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang haram.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar pulang mana-mana warganegara asing yang memasuki Malaysia secara haram.

Walau bagaimanapun, memandangkan kepada garisan pinggir pantai yang panjang dan berdekatan dengan beberapa negara jiran yang mempunyai sempadan daratan yang sukar dikawal, maka terdapatlah warganegara-warganegara asing yang berjaya memasuki Malaysia secara haram. Oleh yang demikian Kementerian Dalam Negeri telah meningkatkan usaha untuk bertindak dengan lebih berkesan lagi ke atas mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram.

TELEFON – DETAIL BILLING SYSTEM

33. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian beliau boleh mempercepatkan pelaksanaan 'Detail Billing System' ke Sabah dan negeri-negeri lain yang tidak mempunyai sistem seperti tersebut. Jika tidak, mengapa. Dan berapakah kes-kes aduan yang diterima oleh STM (Syarikat Telekom Malaysia Berhad) berkenaan dengan bayaran bil telefon yang berlebihan di seluruh negara bagi tahun 1987 dan sehingga 15-6-1988. Mengapa demikian.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Adalah menjadi hasrat Kementerian dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) untuk melaksanakan sistem bil terperinci ke seluruh negara secepat mungkin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pelaksanaan sistem bil terperinci masih lagi di peringkat perintis. Kawasan yang terlibat ialah

hampir keseluruhan pelanggan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan sahaja buat permulaan.

Perancangan untuk meluaskannya ke seluruh negara sedang dirangka dan akan dilaksanakan secara berperingkat termasuklah Sabah.

Di samping itu, sistem bil terperinci yang ada sekarang sedang dikaji semula dan mungkin satu format baru yang lebih mudah difahami oleh semua pengguna akan dipilih bagi menggantikan yang sedia ada.

Mengenai aduan bil telefon yang berlebihan di seluruh negara bagi tahun 1987 dan tahun 1988 sehingga 30-4-1988 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah Aduan</u>
1-1-1987 – 31-12-1987	55,956
1-1-1988 – 30-4-1988	18,094

Terdapat beberapa sebab mengapa masih ada aduan pengguna tentang bil telefon yang diterima oleh STM walaupun bilangannya kian menurun. Di antara sebab-sebabnya adalah:

1. Masih ramai lagi pengguna yang tidak memahami konsep sistem pengebilan telefon yang selama ini diamalkan oleh pihak STM.
2. Kurangnya pengawasan pemilik-pemilik telefon terhadap penggunaan telefon mereka di rumah atau di pejabat.
3. Kekeliruan pengguna tentang cara pengiraan setiap panggilan yang dibuat seperti panggilan tempatan, panggilan jauh dan panggilan antarabangsa.

PENGANGGURAN BELIA-BELIA

34. Tuan Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan kadar

pengangguran di negara kita dan sama ada peningkatan ekonomi kita telah mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak bagi mengurangkan pengangguran, jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil supaya pengangguran-pengangguran khususnya belia-belia boleh dapat pekerjaan.

Tuan Othman bin Abdul: Kadar pengangguran di negara ini bagi tahun 1987 adalah sebanyak 8.7 peratus dan dijangka meningkat kepada 9.3 peratus pada tahun ini. Berikutan dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan gunatenaga atau pekerjaan turut meningkat. Bagi tahun 1987 kadar pertumbuhan gunatenaga telah meningkat kepada 2.5 peratus berbanding dengan hanya 1.5 peratus dan 1.1 peratus bagi tahun 1986 dan 1985.

Sebanyak 150,000 pekerjaan telah diwujudkan dalam tahun 1987 berbanding dengan 80,000 bagi tahun 1986 dan 60,000 sahaja bagi tahun 1985. Sungguhpun bilangan pertambahan pekerjaan semakin meningkat, pertambahan tersebut tidak dapat mengimbangi pertambahan tenaga buruh seramai 190,000 orang. Pertambahan bilangan tenaga buruh yang lebih besar daripada pertambahan bilangan gunatenaga atau pekerjaan merupakan faktor penting yang mengekalkan kadar pengangguran di negara ini pada paras yang tinggi.

Memandangkan kadar pengangguran yang semakin meningkat, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasinya. Di peringkat makro misalnya, langkah meningkatkan permintaan dalam negeri menerusi pelaburan swasta yang lebih besar telah diambil di samping mengkaji semula undang-undang buruh yang sedia ada untuk menjamin kos buruh tidak terlalu tinggi. Di peringkat makro pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah meningkatkan penggunaan buruh dalam berbagai sektor sepertima-

na yang diperakukan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

Mengenai masalah pengangguran di kalangan siswazah, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji isu-isu serta merangka program-program tertentu untuk memberi peluang pekerjaan kepada siswazah yang menganggur. Antara skim-skim yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk latihan keusahawanan, penempatan di syarikat swasta dan Jabatan Kerajaan, dan skim siswazah tani.

Mengenai langkah-langkah ini kadar pengangguran di negara ini di jangka dapat dikurangkan.

BANTAHAN ATAS TAHANAN ISA

35. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini berapakah banyak negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan yang telah menghantar surat atau kawat bantahan atas penangkapan Ahli-Ahli Parlimen Pemimpin-Pemimpin Kumpulan Mendesak dan lain-lain orang di bawah ISA bulan Oktober yang lalu; sama ada Kerajaan akan membebaskan mereka dengan serta-merta tanpa syarat atau mendakwa mereka di mahkamah dan sama ada beliau sedar pegawai-pegawai di Pusat Tahanan Kamunting, melayan tahanan-tahanan ISA sebagai penjenayah dan sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk menyiksa tahanan-tahanan politik.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga kini sebanyak 101 surat atau kawat yang membuat bantahan atas penangkapan beramai-ramai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri bulan Oktober yang lepas telah diterima dari negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan asing. Dari jumlah ini 55 adalah

daripada pertubuhan dan 46 dari orang perseorangan.

Orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah atas tujuan untuk mencegah mereka daripada menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara. Mereka akan dibebaskan apabila didapati tidak lagi memudaratkan keselamatan negara. Setiap orang tahanan adalah berhak untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan yang dikenakan ke atasnya dan representasinya itu di dengar oleh Lembaga Penasihat dalam tempoh tidak lewat dari 3 bulan dari tarikh berkuatkuasa Perintah Tahanan. Sekiranya Pengerusi Lembaga Penasihat tidak menyokong pembebassannya, kes orang-orang tahanan ini akan di- ulangkaji tidak kurang dari sekali dalam setiap 6 bulan. Layanan terhadap tahanan-tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri di Pusat Tahanan Kamunting adalah digariskan mengikut peraturan-peraturan di bawah Kaedah- Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-Orang Tahanan) 1960. Kerajaan berpuashati dengan layanan yang dilaksanakan oleh pihak Pusat Tahanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada tahanan "tahanan politik" di dalam Pusat Tahanan. Yang ada hanyalah mereka-mereka yang mana tindak-tanduk mereka boleh memudaratkan keselamatan negara kita.

SKANDAL DALAM KOPERASI USAHA BERSATU

36. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau menyedari pendakwaan Y.B. Menteri Belia dan Sukan bahawa ada skandal berlaku dalam Koperasi Usaha Bersatu dan laporan polis telah dibuat, jika ya, apakah

tindakan telah diambil oleh pihak polis terhadap skandal ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri memang menyedari pendakwaan dari Y.B. Menteri Belia dan Sukan mengenai adanya skandal dalam Koperasi Usaha Bersatu. Sehubungan dengan itu pihak polis telah menerima satu aduan rasmi dari 5 orang ahli Koperasi Usaha Bersatu pada 28.5.1988 dan pihak polis sedang menyasiat perkara tersebut secara terperinci.

BEKALAN AIR

37. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah benar air yang dibekalkan oleh Jabatan Kerja Air terutama di kawasan luar bandar yang tekanan airnya amat rendah terdapat air itu mengandungi kuman. Dan apakah tindakan dalam hal ini.

Dato' K. Pathmanaban: Adalah tidak benar bahawa bekalan air di kawasan-kawasan yang rendah tekanannya mengandungi bakteria. Bacteria hanya boleh wujud di dalam sistem bekalan paip air Jabatan Kerja Raya/Jabatan Bekalan Air (JKR/JBA) sekiranya perkara-perkara berikut berlaku,

- (1) Pencemaran sumber-sumber air melampaui tahap keupayaan rawatan loji-loji rawatan air;
- (2) Kerosakan alat-alat di loji rawatan air;
- (3) Kebocoran yang terdapat di-rangkaian paip-paip;
- (4) Pemasangan sambungan-sambungan dan alat-alat yang tidak dibenarkan dan tidak sesuai atau secara tidak tepat seperti:
 - (i) pemasangan pam individu untuk menyedut air terus dari paip JKR,
 - (ii) sambungan pili-pili paip di kawasan rumah secara terus dari paip JKR.

- (5) Kelalaian oleh pengguna – air kotor dari sink/bekas air disedut balik ke dalam paip JKR semasa berlaku tekanan rendah.

Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan pihak JKR/Jabatan Bekalan Air Negeri sedang mempergiatkan aktiviti pengawasan kualiti air untuk semua bekalan-bekalan air JKR di bawah Program Kebangsaan Kawalan Mutu Air Minum. Sekiranya bakteria dikesan pada sesuatu tempat percontohan, kakitangan dari kedua-dua Jabatan akan menjalankan tindakan pemulihan dengan segera demi untuk menentukan bahawa kualiti air yang dibekalkan adalah benar-benar selamat untuk digunakan.

MINYAK SOYA – KESAN MELAMBAK

38. Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kesan-kesan dumping minyak soya oleh U.S. dan E.E.C. ke dalam pasaran tradisional minyak kelapa sawit seperti India, Pakistan, Morocco, Tunisia dan Algeria. Setakat ini, apakah kesan-kesan dumping ini ke atas harga pasaran minyak kelapa sawit.

Dato' Alias bin Md. Ali: Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi kesan-kesan perbuatan melambak minyak soya, dan juga minyak dan lemak lain, khususnya oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) ke pasaran dunia, termasuk ke beberapa negara yang menjadi pasaran tradisional bagi minyak kelapa sawit Malaysia:

- (a) Mengemukakan bantahan-bantahan rasmi bertulis tatkala terdapat • pengumuman-pengumuman penjualan yang merupakan perbuatan melambak;

- (b) Membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala;
- (c) Menyuarakan bantangan Malaysia dalam forum-foram antarabangsa, termasuk Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT), Pertubuhan Pertanian dan Makanan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Kumpulan Cairns.

2. Selain dari yang di atas, kemungkinan Malaysia merujuk perbuatan negara-negara yang berkenaan kepada GATT supaya diambil tindakan berasaskan amalan perdagangan tidak adil (atau dengan izin, 'unfair trade practices'), iaitu sepertimana yang telah diambil oleh Amerika Syarikat sendiri terhadap EEC, sedang dikaji. Dalam hubungan ini, adalah diperhatikan bahawa beberapa negara membangun yang lain, termasuk negara-negara ASEAN dan juga negara-negara Amerika Latin, juga amat memandang berat perbuatan negara-negara maju itu. Oleh itu, suatu kemungkinan ialah untuk diambil pendekatan bersama dengan negara-negara membangun yang lain mengenai masalah ini.

3. Penjualan melambak oleh negara-negara maju itu memang mempunyai implikasi yang besar ke atas pasaran minyak kelapa sawit Malaysia memandangkan negara-negara seperti India, Pakistan dan Republik Rakyat China adalah pasaran-pasaran penting bagi minyak kelapa sawit Malaysia. Pembekalan minyak sayuran oleh pihak Amerika Syarikat dan EEC ke negara-negara ini dengan subsidi telah mengakibatkan persaingan di pasaran minyak sayur-sayuran di negara-negara ini semakin menjadi sengit. Selain daripada itu, program-program subsidi oleh Amerika Syarikat dan EEC terutamanya telah membawa tekanan kepada harga minyak sayuran amnya (termasuk minyak kelapa sawit) yang dieksport oleh negara-negara lain.

Misalnya, Program Galakan Eksport (Export Enhancement Programme) Amerika Syarikat, membolehkan pengeksport-pengeksport negara itu menjual keluaran mereka dengan harga yang murah (undercutting) di pasaran dunia dan ini memaksa pengeksport-pengeksport minyak sayuran negara-negara lain menurunkan harga mereka untuk dapat bersaing dengan pengeksport-pengeksport Amerika Syarikat. Harga minyak kelapa sawit yang agak baik pada masa ini adalah kerana wujudnya beberapa faktor lain, termasuk kemarau terik di Amerika Syarikat, yang dibimbangkan akan mengancam pengeluaran bijian-bijian minyak di negara itu.

INDUSTRI INSURANS – TANGGUNGJAWAB BANK NEGARA

39. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan apakah perkhidmatan yang berlebihan yang boleh diberi oleh pihak Bank Negara untuk menukar kuasa di atas syarikat-syarikat Insurans daripada suatu Perbadanan berasingan ke Bank Negara; adakah Menteri sedar beberapa kelemahan telah berlaku dengan pertukaran kuasa tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak yang berkuasa untuk melicinkan dan memberikan lebih perkhidmatan kepada rakyat melalui kuasa yang ada dengan Bank Negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan pemindahan tanggungjawab pengawasan industri insurans dari Perbendaharaan ke Bank Negara ialah untuk membolehkan satu pendekatan yang bersepadu diwujudkan dalam pentadbiran sistem kewangan di negara ini dan untuk mengurangkan kos dan tenaga dari segi pengawasan (dengan izin economies of scale in supervision). Pemindahan tanggungjawab ini berjalan dengan lancar dan Bank Negara

telah dan sedang menjalankan tugas barunya tanpa sebarang rintangan yang besar.

Namun demikian, Bank Negara berhasrat untuk meningkatkan lagi imej industri insurans bagi menjadikannya sebagai satu komponen pasaran modal yang penting. Selain daripada itu, Bank Negara juga akan berusaha untuk meningkatkan tahap dan mutu perlindungan bagi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi. Untuk mencapai matlamat ini, Bank Negara, antara lain, akan mengadakan lebih banyak pemeriksaan luar, mengkaji semula prosedur-prosedur dan perundangan mengenai insurans serta menyediakan garis panduan-garis panduan, jika didapati perlu, bagi memastikan bahawa perniagaan insurans dijalankan dengan cara yang sejajar dengan kepentingan pemegang-pemegang polisi.

KURSUS PERTANIAN

40. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan benarkah apa yang dikatakan bahawa bantuan-bantuan dan kursus perniagaan dan pertanian yang diberi kepada belia itu hanya setakat melepas batuk di tangga sahaja dan beritahu dalam bidang perniagaan dan pertanian apakah mereka dapat menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan boleh dibanggakan oleh Kementerian.

Cik Teng Gaik Kwan: Adalah tidak benar bahawa bantuan-bantuan dan kursus perniagaan dan pertanian yang diberi kepada belia itu hanya setakat melepas batuk di tangga sahaja. Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan jangka panjang dalam menggalakkan golongan belia ke arah berdikari. Pelaksanaan program pembangunan ekonomi belia merangkumi pendekatan menyeluruh di mana beberapa kemudahan telah disediakan

sebelum seseorang itu menceburi diri dalam perniagaan atau pertanian. Kemudahan yang dimaksudkan itu ialah:-

- (i). Menyediakan Latihan Kemahiran Vokasional.
- (ii). Menyediakan Latihan Pengurusan Perniagaan dan Pertanian.
- (iii). Memberi Kemudahan Pinjaman.
- (iv). Memberi Khidmat Perundingan dan Bimbingan Projek.

Bagi memastikan kejayaan program pembangunan ekonomi belia, semua Pusat Latihan Belia di bawah Kementerian ini telah melaksanakan 3 aspek latihan penting dalam melahirkan generasi belia berdikari iaitu latihan disiplin, latihan kemahiran dan latihan keusahawanan. Di samping itu Institut Belia Usahawan dan kemudahan pinjaman melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia telah diwujudkan bagi memastikan ke arah menyediakan satu generasi budayaniaga di kalangan masyarakat Malaysia.

Bagi program pembangunan usahawan belia, Kementerian berpuashati terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh usahawan-usahawan belia. Semenjak tahun 1976-1985 sebanyak 2,545 projek telah diwujudkan dan 73% daripadanya telah menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Di antara projek-projek perniagaan dan pertanian yang telah menunjukkan kejayaan ialah seperti projek Bengkel Kereta, Kimpalan, Seni Solek, Jahitan, Restoran, Ternakan Ayam dan tanaman sayur-sayuran.

Pada keseluruhannya, program pembangunan ekonomi di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah dapat melahirkan belia-belie ke arah berdikari.

ARTIS DAN PEMAIN SILAP MATA - MEMUNGUT DERMA

41. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:-

- (a) adakah menjadi dasar Kementerian ini untuk membawa artis-artis dan pemain-pemain silap mata dari barat ke negara ini bagi tujuan memungut derma;
- (b) sila senaraikan artis-artis yang sudah dibawa ke negara ini melalui kegiatan memungut derma setakat ini dan sebutkan juga sasaran derma itu ingin ditujukan; dan
- (c) berapakah bayaran yang dibuat ke atas rombongan silap mata David Copperfield dan sebutkan hasil pungutan pertunjukan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad):

- (a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dasar Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah untuk membantu pertumbuhan-pertumbuhan kebajikan sukarela memungut derma untuk tujuan kebajikan. Selaras dengan dasar ini Kementerian Kebajikan Masyarakat akan berusaha memungut derma bukan sahaja daripada sumber tempatan tetapi juga melalui artis-artis penghibur daripada luar negeri yang difikirkan sesuai dan akan digemari oleh penonton-penonton di Malaysia.
- (b) Setakat ini hanya David Copperfield sahaja yang dibawa oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan pihak penganjur yang lain. Hasil kutipan daripada pertunjukan tersebut akan dibahagikan di antara Yayasan Kebajikan Negara, PEMADAM dan Tabung Amanah Kebudayaan Kebangsaan.

(c) Pembayaran kepada David Copperfield akan dibayar oleh pihak penajanya dan bukan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Oleh kerana pertunjukkan silap mata David Copperfield baru sahaja berakhir, maka jumlah pembayaran dan hasil seperti yang dikehendaki tidak dapat diberikan oleh kerana Kementerian Kebajikan Masyarakat difahamkan bahawa perkara ini masih lagi dalam perkiraan.

TERUMBU KARANG COMMODORE

42. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap pendirian Kerajaan terhadap tuntutan Terumbu Karang Commadore yang menjadi rebutan Filipina, China, Vietnam dan Taiwan. Apakah implikasi yang wujud hasil dari rebutan negara-negara berkenaan khasnya dari segi hubungan diplomatik dan keselamatan serantau.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pendirian Kerajaan terhadap tuntutan ke atas Terumbu Karang Commadore atau Terumbu Laksamana telah pun diterangkan apabila saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Gaya pada 27hb. Jun, 1988. Rebutan negara-negara terlibat dalam kawasan berkenaan memang akan membawa kesan yang buruk kepada hubungan diplomatik dan keselamatan serantau. Oleh yang demikian, Kerajaan berharap masalah tuntutan bertindih ini dapat diselesaikan secara damai melalui rundingan.

HOSPITAL SWASTA DAN LADANG

43. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital-hospital swasta, tidak termasuk hospital di ladang-ladang, yang sudah

pun berdaftar dengan Kementerian. Apakah bilangan hospital swasta di ladang yang masih belum mendaftarkan diri dengan Kementerian menjelang bulan Jun ini. Apakah bilangan yang sudah pun mendaftar. Apakah di antara sumbangan – sama ada dalam bentuk kewangan atau pun dalam bentuk perkhidmatan dan ubat-ubatan – yang akan dibuat oleh Kerajaan kepada pengurusan hospital ladang dengan sempurna. Jika tidak ada sumbangan, mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Sehingga bulan Jun 1988, 154 hospital swasta telah dilesenkan.

Walau bagaimanapun, Kementerian masih belum dapat melesenkan mana-mana hospital ladang oleh kerana hospital-hospital ini tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah bersetuju untuk mengecualikan hospital-hospital ladang dari peraturan-peraturan tertentu. Dengan langkah ini, hospital-hospital ladang akan juga dapat dilesenkan. Hospital-hospital ladang yang wujud sekarang telah diberi 6 bulan mulai 1hb. Julai 1988 untuk mengemukakan permohonan untuk pendaftaran mereka.

Seperti yang dinyatakan di bawah Kanun Buruh pengurusan ladang adalah bertanggungjawab untuk melengkapkan dan membekalkan hospital ini dengan sempurna. Oleh itu kerajaan tidak ada cadangan memberi apa-apa sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan atau ubat-ubatan kepada hospital-hospital ladang. Namun demikian, pusat-pusat kesihatan yang berhampiran dengan ladang-ladang juga menyediakan perkhidmatan untuk penduduk-penduduk ladang.

IKAN – PENGIMPOR/ PENGEKSORT BUMIPUTERA

44. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah di antara sebab-sebabnya bagi bilangan bumiputera yang kecil dalam aktiviti pengimportan dan pengeksport ikan, terutamanya dari negeri-negeri Perlis, Pahang, Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak. Buat masa ini, bagaimanakah pihak pengeksport ikan dari Indonesia mengimport ikan masuk ke dalam negara kita. Apakah jumlah serta bagaimanakah kualiti import dari Indonesia dikawal pada masa sekarang. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki lagi kawalan ke atas import-import ikan dari Indonesia.

Dato' Seri Sanusi bin Junid: Bilangan pengimport dan pengeksport ikan bumiputra yang berlesen di negeri-negeri Perlis, Pahang, Melaka dan Sarawak adalah menggalakkan dan melebihi 30%. Bagaimanapun bilangan pengimport dan pengeksport bumiputra di Pulau Pinang adalah kecil kerana perniagaan import dan eksport di negeri ini sememangnya telah pun lama wujud dan penglibatan individu dan syarikat bumiputra memerlukan masa untuk berkembang di negeri ini.

Buat masa ini pihak pengeksport ikan dari Indonesia mengimport ikan masuk ke negara ini dengan menggunakan bot.

Kuantiti ikan dari Indonesia yang diimport pada tahun 1987 di dua pusat kemasukan utama ialah:-

- (a) Pelabuhan Melaka = 2743.4 mt
(\$9,615,227)
- (b) Pelabuhan Kelang = 3384.6 mt
(\$1,498,570)

Ikan yang diimport dari Indonesia dikawal dengan penguatkuasaan peraturan pemasaran ikan 1973. Sejak 1 April 1988 peraturan penggunaan kotak

plastik bagi ikan yang diimport telah diperkenalkan.

Pada 1 Julai 1988 penguatkuasaan kotak plastik akan dilaksanakan terhadap semua pengimportan ikan.

Kerajaan akan terus mengkaji dari semasa ke semasa langkah-langkah untuk memperbaiki lagi kawalan ke atas import dari Indonesia dan lain-lain negara. Langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan termasuk dari segi kemungkinan mengenakan perlesenan di mana pengimport yang ingin terus mengimport ikan hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Kerjasama dengan Jabatan Kastam, Jabatan Perikanan akan mempasti kawalan ini.

KEMPEN SEMARAK

45. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menerangkan kesan-kesan positif kempen SEMARAK ke atas rakyat dan sama ada SEMARAK berjaya dalam memupuk kesetiaan rakyat kepada negara serta memupuk Perpaduan dan Muhibbah antara rakyat. Adakah beliau sedar SEMARAK mempunyai kesan negatif yakni ia menyebabkan rakyat mendewa-dewakan pemimpin-pemimpin tertentu sahaja. Bukankah ini menggagalkan tujuan disebalik pergerakan SEMARAK.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988 Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

KWSP – PENGELUARAN CARUMAN

46. **Tuan Haji Mohamad Sam Haji Sailan** minta Menteri Kewangan

menerangkan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh pencarum-pencarum KWSP dan syarat-syarat untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini. Sejak tahun 1986 berapa banyak kes-kes penipuan yang dapat dikesan dan berapa jumlah wang yang terlibat. Apakah pihak Menteri puas hati dengan sistem kawalan yang ada dan cara-cara untuk memperbaikinya.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh pencarum-pencarum KWSP mengikut peruntukan-peruntukan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1986) boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pengeluaran sebahagian caruman (dengan izin partial withdrawal) dan pengeluaran sepenuh caruman (dengan izin complete withdrawal).

Secara ringkas, kemudahan-kemudahan pengeluaran sebahagian caruman adalah seperti berikut:-

- (a) skim pengeluaran satu pertiga jumlah caruman apabila seseorang pencarum mencapai umur 50 tahun.
- (b) skim pengeluaran untuk tujuan membeli/membina rumah kos rendah atau rumah bukan kos rendah. Seseorang ahli KWSP hendaklah menjadi ahli KWSP selama 5 tahun sebelum ianya layak menikmati kemudahan ini. Sekiranya seseorang ahli hendak membeli rumah kos rendah beliau boleh mengeluarkan jumlah bersamaan 20% daripada harga belian atau kesemua carumannya, mengikut mana yang kurang tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak \$10,000. Bagi pembelian rumah bukan kos rendah, seorang pencarum layak mengeluarkan jumlah bersamaan 20% daripada harga belian atau 45% daripada jumlah carumannya,

mengikut mana yang kurang dengan syarat jumlah maksimum terhadap kepada \$20,000.

- (c) Skim pengeluaran untuk menyelesaikan atau mengurangkan gadaian rumah dengan mana-mana bank atau institusi kewangan. Pengeluaran ini dihadkan kepada 45% jumlah caruman ahli atau baki pinjaman, mengikut mana yang kurang, tetapi tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak \$20,000.

Mengenai pengeluaran sepenuh caruman, seseorang ahli KWSP boleh mengeluarkan kesemua carumannya apabila beliau mencapai umur 55 tahun, atau atas alasan berlaku keadaan hilang keupayaan jasmani atau akal atau kematian, dan juga sekiranya ahli berkenaan ingin meninggalkan negara ini untuk bermastautin secara tetap di negara asing selain dari Singapura.

Selain daripada *skim-skim pengeluaran yang tersebut di atas, ahli-ahli KWSP juga diberi faedah-faedah seperti berikut:-

- (i) kemudahan dengan izin "re-elect", iaitu pencarum boleh membuat caruman semula kepada KWSP setelah mengeluarkan semua caruman apabila mencapai umur 55 tahun.
- (ii) faedah hilang keupayaan.
- (iii) faedah kematian.
- (iv) dividen tahunan.

Setakat ini sebanyak 120 kes telah disahkan sebagai kes penipuan. Daripada 120 kes ini, 55 orang ahli telah berjaya menunaikan waran mereka yang melibatkan \$505,237. Kes-kes tersebut telah dilaporkan kepada pihak Polis yang sedang menjalankan tindakan sewajarnya untuk mendakwa mereka yang berkenaan.

6. Sistem kawalan yang ada di KWSP adalah ketat, dan ahli-ahli tidak harus

bimbang kerana pengeluaran caruman mereka tidak boleh dibuat oleh sesiapa tanpa pengetahuan ahli sendiri.

7. 'Penyelewengan' yang dikatakan berlaku itu sebenarnya ialah perbuatan sebilangan ahli KWSP yang sanggup menggunakan dokumen-dokumen palsu untuk mengeluarkan caruman mereka, kononnya untuk membeli rumah, sedangkan mereka gunakan wang itu untuk tujuan lain. Walau bagaimanapun, KWSP sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi sistem kawalan yang terdapat sekarang bagi mengelakkan ahli-ahli sendiri terlibat dalam penyelewengan.

TAHANAN ISA YANG UZUR

47. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kedudukan tahanan ISA. Apakah mereka yang telah uzur yang masih ditahan akan dibebaskan secara berperingkat-peringkat dan berapa ramai yang masih ditahan. Bagaimana sikap dan pendirian Kerajaan terhadap sesetengah golongan yang menyelar penahanan ini - khususnya Australia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub: Berhubung dengan tahanan-tahanan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 yang telah uzur yang masih ditahan, ini bergantung kepada laporan pihak perubatan tentang tahap keuzuran mereka samada dari segi kesihatan mereka wajar dibebaskan. Selain dari itu, Lembaga Penasihat juga mengkaji semula semua kedudukan kes-kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri serta membuat perakuan-perakuan sewajarnya samada dibebaskan atau sebaliknya.

Bilangan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga akhir Jun 1988 ini adalah seramai 140 orang. Daripada jumlah ini bilangan yang masih ditahan dalam "Operasi

Lalang" pada bulan Oktober/November 1987 lalu adalah seramai 33 orang. Selebihnya adalah kes-kes tahanan yang melibatkan lain-lain kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

Pendirian Kerajaan terhadap sesetengah golongan yang menyelar penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, khususnya Australia, adalah kita tidak perlu mana-mana negara campur tangan dalam urusan dalam negeri Malaysia sebagaimana kita tidak pernah mencampuri urusan dalam negeri negara-negara asing. Adalah menjadi harapan kita agar hak kemerdekaan dan kedaulatan (sovereignty) Malaysia akan sentiasa terus dihormati oleh semua pihak.

KEBAKARAN DI WISMA TANI

48. Tuan Law Lai Heng minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

(a) sama ada kebakaran di Wisma Tani di Kuala Lumpur baru-baru ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam alat anti-kebakaran dan tidak mencukupi di bangunan dan kompleks-kompleks Kerajaan; dan

(b) jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah mengambil untuk mencegah bangunan-bangunan lain daripada dijilat api.

Dato' S. Subramaniam:

(a) Kebakaran di Wisma Tani pada 3-5-1988 tidak menunjukkan sebarang kekurangan alat bagi menentang kebakaran di bangunan yang berkenaan. Selain dari itu bangunan itu juga dilengkapi dengan 2 tangga yang terletak di sebelah tepi bangunan dan 2 tangga lagi di tengah-tengah bangunan. Sistem hawa dinginnya dilengkapi dengan 'fire damper' yang telah

bertindak secara automatik untuk menutup lubang-lubang sistem hawa dingin semasa kebakaran dan dengan ini telah menghindarkan merebaknya kebakaran ke Bahagian-bahagian lain. Bangunan ini juga telah dilengkapi dengan sistem pancur basah, sistem penggera kebakaran, pintu-pintu rintangan api, saluran bantu mula atau dengan izin 'first-aid hose reel', lampu kecemasan, sistem tekanan udara (tangga), lobi bagi melawan kebakaran dan juga lif bomba. bangunan Wisma Tani boleh dianggap sebagai salah satu bangunan Kerajaan yang mempunyai sistem perlindungan kebakaran yang cukup.

(b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan kerajaan ialah seperti berikut:-

(i) Jabatan Bomba telah pun pendedarkan garis panduan-garis panduan untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan kerajaan dan garis-garis panduan ini telah pun diterangkan oleh Ketua Pengarah Bomba kepada semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan. Garis panduan-garis panduan ini juga telah dihantar kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

(ii) Selain daripada itu Jabatan Bomba juga telah mengadakan kempen mencegah kebakaran tiap-tiap tahun di seluruh negara dan segala risalah, buku-buku panduan dan poster-poster telah pun diedarkan ke Jabatan-jabatan Kerajaan untuk dipamerkan di pejabat-pejabat untuk perhatian semua kakitangan.

(iii) Selain daripada itu juga Jabatan Bomba telah mengadakan ceramah-ceramah keselamatan di INTAN untuk pegawai-pegawai eksekutif, ketua-ketua kerani dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan Kerajaan atas permohonan.

(iv) Jabatan Bomba juga telah memeriksa kebanyakan bangunan kerajaan dan juga kompleks kerajaan, khusus yang difikirkan merbahaya seperti pejabat-pejabat yang ditempatkan di bangunan-bangunan tinggi dan kompleks-kompleks yang besar-besar. Daripada pemeriksaan itu telah disediakan laporan untuk tindakan-tindakan Jabatan atau Kementerian yang berkenaan.

(v) Jabatan Bomba juga seringkali memberi ceramah-ceramah dan pertunjukan kepada Bahagian Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri dari masa ke semasa.

(vi) Selain daripada itu, ada beberapa kursus diadakan khusus untuk kakitangan-kakitangan kerajaan di Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu dan di Shah Alam mengenai pencegahan kebakaran di Jabatan-jabatan Kerajaan atau pun di bangunan-bangunan pejabat kerajaan.

(vii) Bagi bomba Wilayah Persekutuan, satu pasukan petugas terdiri daripada beberapa orang pegawai bomba telah ditubuhkan untuk memeriksa semua

bangunan tinggi, termasuk bangunan-bangunan kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan. Selepas pemeriksaan, laporan akan dikemukakan kepada pengurusan bangunan yang berkenaan untuk tindakan mereka terhadap perkara-perkara yang patut dibaiki.

Seruan telah dibuat supaya tiap-tiap Jabatan mengadakan Ahli Jawatankuasa kawalan kebakarannya sendiri bagi menentukan faktor-faktor keselamatan kebakaran di bangunannya. Kebanyakan Jabatan dan Kementerian pada hari ini telah pun menubuhkan badan-badan ini. Kebanyakan Kementerian dan Jabatan telah mengadakan kawadkawad keselamatan anjuran bersama Jabatan Bomba/Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

PERAYAAN HARI KEBANGSAAN - TEMPAT

49. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (1) apakah kriteria untuk menetapkan tempat dan masa Perayaan Hari Kebangsaan tiap-tiap tahun;
- (2) mengapakah dengan tiba-tiba Kerajaan menukarkan tempat Perayaan Hari Kebangsaan ke Johor sedangkan pada awalnya telah ditetapkan di Kuching, Sarawak.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):

- (1) Ibu Negara Kuala Lumpur telah dijadikan tempat sambutan perayaan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos tiap-tiap tahun. Ini

adalah memandangkan bahawa Kuala Lumpur mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup, tempat serta logistik yang sesuai untuk mengadakan perayaan ini. Kecualilah apabila tidak dapat diadakan di Ibu Negara Kuala Lumpur disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, barulah sambutan ini diadakan di luar Kuala Lumpur atau di negeri-negeri yang lain.

- (2) Memang benar Kerajaan telah mencadangkan Negeri Sarawak sebagai tempat untuk mengadakan sambutan perayaan Hari Kebangsaan Tahun 1988 ini. Cadangan ini dibuat kerana Kerajaan berpendapat ianya akan menjadi lebih meriah lagi sekiranya digabungkan perayaan Hari Kebangsaan dan sambutan Ulangtahun 25 Tahun Merdeka dalam Malaysia yang sedang dirayakan oleh Negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun setelah berunding dengan Kerajaan Negeri dan meneliti perkara ini dengan lebih mendalam, didapati bahawa objektif sambutan Kerajaan Negeri Sarawak adalah sangat berbeza dengan objektif sambutan perayaan Peringkat Kebangsaan. Tema sambutan di Negeri Sarawak ialah "WARISAN KEBUDAYAAN (Cultural Heritage)" sedangkan tema sambutan Hari Kebangsaan ialah "BERSATU". Kerajaan Negeri Sarawak telahpun menyusun aturcara-aturcara yang tertentu dan ada diantaranya telahpun berjalan seperti yang telah dijadualkan. Sekiranya sambutan perayaan Hari Kebangsaan 1988 ini diadakan juga di Negeri Sarawak, maka banyak aturcara-aturcara yang telah dibuat terpaksa dirombak dan diubah

semula mengikut format, objektif dan tema Hari Kebangsaan 1988. Di samping itu juga kos di luar jangka meningkat dengan begitu tinggi dan mungkin akan membebankan Kerajaan Negeri Sarawak.

Berasaskan kepada faktor-faktor di atas dan juga masalah-masalah lain seperti logistik dan penglibatan pegawai-pegawai, maka Kerajaan telah memutuskan bahawa sambutan perayaan Hari Kebangsaan 1988 yang telah dicadangkan untuk diadakan di Negeri Sarawak ditukarkan ke satu tempat yang lain. Keputusan ini dibuat bukan dengan tujuan untuk mengecewakan Kerajaan dan rakyat Negeri Sarawak malahan ianya lebih bertujuan untuk mengekalkan sambutan yang telah dirancangan oleh Kerajaan Negeri supaya ianya dapat berjalan dengan baik tanpa gangguan dan menepati objektif-objektif Kerajaan Negeri sesuai dengan hasrat dan kehendak Kerajaan Negeri Sarawak.

(Soalan No. 50. Sila lihat jawapan No. 7 pada 28-6-88)

POTONGAN GAJI PEKERJA KEPADA JABATAN HASIL DALAM NEGERI

51. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaikah majikan-majikan yang telah membuat potongan gaji pekerja-pekerja mereka tetapi gagal mengemukakan kepada Jabatan yang dikesan oleh Kementerian beliau bagi tahun 1987 dan sehingga 15.6.1988. Dan berapakah di antara mereka yang didenda pada masa yang sama. Apakah tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka tersebut dan juga pembayar-pembayar cukai yang telah meninggalkan negara

ini tanpa menyelesaikan pembayaran cukai pendapatan mereka.

Tuan Loke Yuen Yow: Seramai 3,154 majikan gagal untuk membuat potongan gaji pekerja-pekerja mereka kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi tahun 1987 dan sehingga 15-6-1988. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 85 kes telah dikemukakan kepada mahkamah bertujuan bagi menuntut cukai-cukai yang belum lagi dijelaskan atau mengenakan denda kepada mereka yang engkar mematuhi arahan Jabatan. Tindakan untuk menuntut cukai yang belum lagi dijelaskan akan diambil kepada kesemua majikan yang tidak mematuhi arahan Jabatan dan dalam kes-kes yang sesuai, pembicaraan-pembicaraan dawaan (prosecution proceedings) akan diteruskan.

Berkenaan dengan pembayar-pembayar cukai yang telah meninggalkan negara pula, salah satu atau kesemua tindakan berikut akan diambil iaitu:-

- (i) memperolehi keputusan mahkamah untuk memegang harta-harta (attach properties) di Malaysia bagi mengelak pelupusan harta-harta tersebut;
- (ii) menuntut cukai daripada pihak majikan sekiranya notis mengenai pemergian pembayar-pembayar cukai berkenaan tidak diperolehi;
- (iii) mengeluarkan arahan kepada Jabatan Imigresen untuk menghalang pembayar-pembayar cukai tersebut dari meninggalkan negara ini sekiranya mereka membuat lawatan lagi ke Malaysia.

SKANDAL ATAS KOPERASI USAHA BERSATU - PENYIASATAN

52. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan

Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian beliau telah ambil tindakan untuk menyasiat kes skandal yang berlaku dalam Koperasi Usaha Bersatu yang didedahkan oleh Y.B. Menteri Belia dan Sukan, jika ya, apakah keadaannya sekarang dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Ng Cheng Kuai): Ya, ketua Pendaftar Koperasi sedang menjalankan penyiasatan ke atas KUB sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Koperasi. Penyiasatan sedang berjalan oleh itu hasilnya belum dapat diketahui.

KADAR PERTUKARAN MATAWANG

53. Tuan S. S. Subramaniam meminta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebabnya kadar pertukaran wang kita dengan negeri-negeri jiran kita jatuh setiap tahun sejak beberapa tahun dahulu, walaupun negeri kita begitu kaya dengan berbagai barang-barang mentah dan negeri-negeri jiran-jiran kita tidak mempunyai sumber-sumber berkenaan. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengukuhkan wang negara kita pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Loke Yuen Yow: Turun dan naik kadar pertukaran sesuatu matawang adalah bergantung kepada keadaan ekonomi negara itu dan sejauh manakah ekonomi negara itu dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi dunia. Oleh itu kesan kemerosotan ekonomi antarabangsa terhadap ekonomi sesuatu negara adalah berbeza-beza. Dalam tahun 1985 dan 1986, syarat-syarat perdagangan, dengan izin, "terms of trade" Malaysia adalah kurang baik. Sebagai negara pengekspor barangan utama, keadaan ini menjejaskan prestasi ekonomi kita dengan

nyata. Pada masa yang sama, pergerakan matawang-matawang antarabangsa telah mempengaruhi nilai ringgit. Seperti yang telah saya maklumkan nilai ringgit adalah ditentukan oleh faktor penawaran dan permintaan dipasaran pertukaran wang antarabangsa. Kejatuhan nilai ringgit semenjak tahun 1985 mencerminkan pergerakan faktor-faktor pasaran ini.

Dalam keadaan ekonomi negara sekarang yang bertambah kukuh dan eksport kita bertambah baik, nilai ringgit juga akan menjadi lebih mantap.

PERABUT BERLEBIHAN DI SEKOLAH

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah sebab-sebab berlakunya bekalan perabut berlebihan di setengah-setengah sekolah di negara ini. Adakah sebarang rancangan dibuat supaya perabut-peabut lama yang masih boleh digunakan dibahagi-bahagikan kepada sekolah-sekolah Luar Bandar yang memerlukan perabut yang tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari berlakunya penghantaran perabot yang berlebihan di beberapa buah sekolah dalam negeri Kelantan. Perkara ini terjadi kerana penghantaran perabot ke sekolah berkenaan berlebihan dari keperluan sebenarnya. Penghantaran perabot yang berlebihan seperti itu tidak berlaku di negeri-negeri lain. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan untuk mengagihkan semula perabot yang berlebihan itu ke beberapa buah sekolah yang masih kekurangan perabot terutama sekolah-sekolah di luar bandar.

DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH

55. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan kenapa dan mengapa disiplin murid-murid sekolah masa kini berkurangan dan seringkali berlakunya pergaduhan di kalangan murid-murid sepertimana yang tersiar di akhbar baru-baru ini. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah yang sedemikian.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat sebab kemerosotan disiplin murid-murid sekolah masa kini iaitu:

- (i) Pertama kerana terdapatnya tempat-tempat yang menarik, khususnya di kawasan-kawasan bandar.
- (ii) Kedua kerana murid-murid sekolah mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang setengah daripada mereka tidak bersekolah lagi.
- (iii) Ketiga kerana ramai di antara murid-murid yang terlibat dengan pelanggaran disiplin, kurang mendapat kawalan dari pihak ibu bapa dan penjaga.
- (iv) Keempat, dipercayai berpunca daripada tekanan-tekanan psikologi, mental dan sosial.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan murid-murid. Di antara tindakan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) Melaksanakan sukatan pelajaran seperti dalam mata pelajaran Sivik, Sejarah, Bahasa Malaysia, Uagama, Pendidikan Moral di KBSR dan KBSM serta peribagai kursus yang telah dijalankan

kepada guru-guru dan juga Guru Besar.

- (ii) Kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah dengan tujuan yang sama.
- (iii) Menubuhkan Persatuan Ibu Bapa-Guru di tiap-tiap sekolah sejak tahun 1973 yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama ibu bapa dengan pihak sekolah mengenai pelajaran dan lain-lain masalah murid-murid.
- (iv) Peningkatan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah menengah.
- (v) Penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Peringkat Sekolah dan Peringkat Daerah yang bertujuan menanamkan rasa tanggungjawab bersama dikalangan masyarakat setempat dan masyarakat di sekolah dalam mengatasi masalah disiplin murid-murid.
- (vi) Mengeluarkan panduan-panduan mengenai disiplin sekolah seperti mengemaskini dan mengeluarkan surat-surat pekeliiling ikhtisas dan buku-buku panduan mengenai disiplin.
- (vii) Memberi arahan kepada pihak sekolah supaya bertindak lebih tegas lagi dalam menghadapi masalah disiplin murid-murid.

AHLI SUKAN NEGARA – HADIAH

56. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mempertimbangkan cara-cara lain dan galakan yang lebih efektif selain daripada hadiah wang tunai untuk memperbaiki mutu persembahan yang semakin teruk oleh ahli-ahli sukan di negara ini.

Cik Teng Gaik Kwan: Kementerian Belia dan sukan sentiasa menimbang

dan terbuka kepada cara-cara yang lebih berkesan ke arah mempertingkatkan prestasi ahli sukan negara.

Hadiah-hadiah wang tunai disediakan oleh Kerajaan hanya sebagai dorongan tambahan supaya pemain-pemain dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik.

Pembinaan semangat cintakan negara, disiplin dan semangat berjuang yang kukuh adalah lebih penting dari hadiah-hadiah yang disediakan. Langkah-langkah yang sesuai sedang diusahakan supaya kepentingan material tidak menjadi perkara utama bagi ahli sukan negara ke arah mencapai kejayaan.

PELABUR ASING – GALAKAN PELABURAN

57. Tuan Samson Chin Chee Tsu meminta Menteri Kewangan menyatakan tindakan apakah yang telah atau sedang diambil untuk menarik pelabur asing di Malaysia dari tahun 1986 sehingga sekarang. Langkah-langkah apakah yang sedang diambil untuk memberhentikan kejatuhan seterusnya nilai kewangan kita.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan telah mengambil beberapa langkah sejak tahun 1986 untuk menarik pelabur asing ke negara ini. Antara langkah-langkah ini ialah menghantar lebih banyak rombongan galakan pelaburan keluar negeri.

Selain dari itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk terus menggiatkan pelaburan, samada dari pelabur tempatan atau asing. Langkah-langkah ini telah pun dimaklumkan kepada Ahli-ahli dewan yang mulia ini dalam sesi-sesi persidangan yang lalu. Walau bagaimanapun untuk memperingati kembali

langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah:-

- (i) Melonggarkan syarat ekuiti asing.
- (ii) Melonggarkan lagi Akta Penyelarasan Perindustrian tahun 1975 supaya hanya syarikat-syarikat yang mempunyai dengan izin 'shareholders fund' sebanyak \$2.5 juta atau lebih atau mempunyai 75 orang pekerja atau lebih, perlu memohon lesen perkilangan.
- (iii) Memperkenalkan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang lebih menarik dengan pelbagai galakan.
- (iv) Membentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menyelaraskan dan melicinkan pelaksanaan dasar-dasar dan peraturan pelaburan.
- (v) Kerajaan juga telah mengubahsuai beberapa kadar cukai yang ada.
- (vi) Kerajaan kini sedang menjalankan kajian semula Undang-undang Buruh negara ini, untuk mengurangkan kos dan meningkatkan daya pengeluaran buruh.
- (vii) Melonggarkan beberapa prosidur pentadbiran.
- (viii) Kerajaan-Kerajaan negeri juga telah mengambil langkah-langkah untuk menarik pelaburan asing.

Berkenaan dengan kejatuhan nilai ringgit saya telahpun memberi jawapan dalam dewan yang mulia ini kepada soalan yang sama bentuknya dari Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Secara amnya, berikutan dari prestasi ekonomi negara kita yang bertambah kukuh, dan kedudukan imbang pembayaran yang bertambah baik, adalah dijangka nilai ringgit akan bertambah stabil.

(Soalan No. 58. Sila lihat jawatan No. 7 pada 27.6.88)

KAD PENGENALAN YANG HILANG

59. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sering terpampar dalam akhbar mengatakan banyak kad-kad pengenalan dilaporkan hilang di negara kita. Adakah kehilangan kad-kad pengenalan ini disengajakan oleh satu kumpulan syndicate atau benar-benar kehilangan. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu siasatan rapi data kes-kes kehilangan kad pengenalan kepada rakyat-rakyat asing, dengan menukar gambar serta nama pemilik asal. Dalam tempoh tiga tahun ini berapa banyak kes kehilangan kad pengenalan dilaporkan serta berapa banyak yang sudah ditukar ganti.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga ini, belum ada maklumat yang menunjukkan bahawa kehilangan kad pengenalan disengajakan oleh mana-mana sindiket. Sebaliknya, maklumat-maklumat di Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan bahawa kehilangan tersebut adalah kerana kesilapan manusia seperti keciciran dalam perjalanan, dompet dan tastangan disambar/dicuri orang dan 'kehilangan' dalam simpanan. Bencana alam seperti kebakaran dan banjir juga menyebabkan kehilangan kad-kad pengenalan.

Pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa membuat siasatan rapi ke atas setiap laporan kehilangan berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan kad-kad tersebut digunakan oleh orang-orang yang tidak berhak memilikinya.

Dalam tempoh tiga (3) tahun yang lalu sebanyak 534,312 kad pengenalan telah dilaporkan hilang. Dalam tempoh tersebut dan sehingga Jun 1988, sebanyak 155 kad pengenalan telah

dipinda atau diganti (gambar dan butir-butir peribadi) oleh mereka yang tidak berhak memiliki dokumen itu.

PEGAWAI KASTAM DI PELABUHAN KELANG

60. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammad minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) keadaan pegawai-pegawai Kastam menjalankan tugas di Pelabuhan Klang amat tidak selesa, dengan demikian dikhuatirkan akan menurunkan kadar produktiviti, adakah Kementerian Kewangan bercadang hendak memperbaiki keadaan dan suasana tempat mereka bertugas; dengan demikian akan memberikan lebih dorongan dan insentif supaya lebih produktif.
- (b) bolehkah Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri bekerjasama bagi memperhatikan dan memperbaiki keadaan di Tambak Johor, yang memeralatkan kanak-kanak sekolah yang berulang alek dari Johor Bahru ke Singapura dan sebaliknya daripada dilatih dan membiasakan diri menyeludup dan melarikan barang-barang cukai yang diisikan seorang sedikit di dalam beg sekolah dengan sedikit upahan, sedangkan "Mastermindnya" adalah pendatang asing.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Berhubung dengan soalan pertama, suka saya memaklumkan bahawa adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa keadaan pegawai-pegawai kastam yang menjalankan tugas di Pelabuhan Kelang sebagai amat tidak selesa. Secara amnya keadaan mereka menjalankan kerja adalah memuaskan, dan pegawai-pegawai tersebut adalah diberi

semua kemudahan-kemudahan bekerja yang biasa diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam taraf yang sama. Setakat ini tidak ada apa-apa rungutan yang diterima oleh Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja dari pegawai-pegawainya di Pelabuhan Kelang tentang masalah keadaan bekerja di situ. Sekiranya berbangkit sesuatu kekurangan kemudahan bekerja, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja akan mengambil tindakan untuk mengatasinya dari semasa ke semasa.

- (b) Berkaitan soalan kedua pula, siasatan yang dibuat oleh Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja menunjukkan bahawa penyeludupan barang-barang dari Singapura oleh kanak-kanak sekolah bukanlah merupakan satu masalah yang besar. Dalam operasi-operasi pemeriksaan ke atas orang-orang yang masuk ke negara ini melalui Tambak Johor secara berjalan kaki yang dibuat oleh pihak kastam dalam tahun 1987, hanya satu kes penyeludupan didapati dilakukan oleh kanak-kanak sekolah. Operasi yang sama yang dibuat setakat ini dalam tahun 1988 tidak mendapati apa-apa penyeludupan dilakukan oleh kanak-kanak sekolah. Adalah juga dipercayai bahawa tidak ada sindikit-sindikit yang menggunakan kanak-kanak sekolah untuk menyeludup barang-barang ke negara ini kerana tidak ada maklumat-maklumat yang menunjukkan kemungkinan ianya ada. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan sentiasa mengawasi perkara-perkara seperti ini, termasuklah untuk mendapatkan kerjasama dengan lain-lain jabatan untuk membentasi penyeludupan secara amnya.

SISWAZAH MENGANGGUR – LATIHAN

61. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah siswazah menganggur yang telah diberikan "LATIHAN" oleh Kementerian atau lain-lain pihak;
- (b) di antaranya berapa ramaikah yang telah dapat diserapkan ke dalam jawatan
 - (i) berusaha dan bekerja sendiri;
 - (ii) menunggu takdir;
- (c) adakah Kementerian telah berusaha menghubungi negara-negara di mana tempat penuntut-penuntut itu belajar, supaya pelajar-pelajar itu diberikan peluang tinggal lebih lama di negara yang berkenaan bagi membolehkan mereka mencari peluang pekerjaan dan pengalaman; dan
- (d) daripada jutaan wang yang dibelanjakan untuk latihan dan memandangkan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini sebuah "Negara Industri" tidakkah pihak Kementerian mencadangkan kepada Kerajaan, supaya mewujudkan satu-satu Industri yang dapat membekalkan serba-serbi peralatan yang diperlukan oleh bahagian pendidikan yang merangkumi semua aspek, supaya tenaga profesional itu tidak dibazirkan begitu sahaja.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini terdapat seramai lebih kurang 1,500 orang siswazah yang telah dilatih oleh pihak Kerajaan atau swasta dalam usaha memberikan latihan/pekerjaan bagi membo-

lehkan mereka hidup berdikari. Dari jumlah tersebut, seramai 602 orang telah dan sedang dilatih oleh pelbagai agensi Kerajaan.

- (b) Penyerapan siswazah ke dalam perkhidmatan Kerajaan dibuat apabila berlaku kekosongan dan pengambilan kakitangan baru. Bilangannya tidak dapat dipastikan kerana sentiasa berubah dari semasa ke semasa.
- (i) Setakat ini tidak ada maklumat sebenar mengenai bilangan siswazah yang bekerja sendiri.
- (ii) Setakat ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai sebarang maklumat tentang hal ini.
- (c) Pihak Kerajaan telah berusaha menghubungi negara-negara tempat penuntut-penuntut itu belajar, melalui Jabatan Penuntut Malaysia ataupun Kedutaan Malaysia untuk membolehkan mereka tinggal lebih lama di negara tersebut bagi tujuan mendapat pekerjaan dan pengalaman.
- (d) Pada masa ini Kementerian Pendidikan belum mempunyai cadangan untuk mengujudkan satu industri yang khusus untuk membekalkan peralatan yang diperlukan oleh Kementerian ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas "Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Berjangkit" dalam Jawatankuasa se-buah-buah Majlis. (*1hb Julai, 1988*)

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 33 -

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong, sila teruskan.

3.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Bahagian III Fasal 7 (3) (a), mukasurat 10 - pegawai diberi kuasa memindahkan mana-mana orang ke stesen kuarantin. Tuan Pengerusi, bagaimanakah orang serta barang-barang kepunyaannya jika perlu akan dipindahkan ke kenderaan khas atau biasa? Apakah langkah-langkah untuk mengesyorkan bahawa dalam proses pindahan dari satu point ke satu point yang lain, risiko adalah paling minimum kepada orang ramai?

Tuan Pengerusi, berbalik kepada Fasal 2 (1) mukasurat 7, "mana-mana tempat di mana pengasingan atau pemerhatian dijalankan", adakah ini biasanya berada di dalam sebuah hospital terdekat sekali atau berlainan? Jika berlainan, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan di sini.

Yang kedua, hospital penyakit berjangkit, adakah ini satu hospital khas atau apabila sebuah bilik digunakan maka seluruh hospital diisytiharkan stesen kuarantin? Jika yang kedua benar, bagaimana pula dengan keselamatan kesihatan lain-lain pesakit yang sudahpun berada di dalam hospital? Apabila hospital diisytiharkan sebagai stesen kuarantin, adakah ini juga bermakna bahawa ia adalah

tertutup kepada semua kemasukan baru?

Tuan Pengerusi, mukasurat 11 Fasal 9 (3) dikatakan seseorang yang dipertuduh di bawah seksyen ini dianggap telah menyedari ataupun mempunyai pengetahuan mengenai apa yang dibawa masuk. Adakah peruntukan juga dibuat untuk membolehkan tertuduh merayu ke mahkamah sama seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian IV mukasurat 12, Fasal 10 (6)? Jikalau ada, mengapa tidak ditulis di dalam hitam putih?

Tuan Pengerusi, Fasal 11 (4) mukasurat 13 dan Fasal 15 (2) mukasurat 14. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ini hendak kami bincangkan dengan sekali gus daripada Fasal 1 hingga 33 dan ini merumitkan keadaan. Jadi lebih baik dia ambil Fasal 1 hingga 5 atau 10, dengan begitu kita boleh bincangkan dengan lebih teliti.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, sebagai penjelasan. Peraturan Mesyuarat minta perbincangan Fasal 1 hingga 33, bukan saya punya permintaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sengaja hendak merumitkan keadaan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat itu Peraturan Mesyuarat, kita kena ikuti. Sila teruskan dengan perbincangan.

Dr Tan Seng Giaw: Tambahan pula tadi saya masih berdiri lagi hendak bercakap.

Tuan Pengerusi, Fasal 11 (4) dan Fasal 15 (2) pegawai diberi kuasa menggunakan "kekerasan". Ini adalah satu istilah yang kurang jelas dan nampaknya tidak begitu sesuai dan di dalam

jawapan sebelum peringkat Jawatan-kuasanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi definisi yang tetap bagi "kekerasan" ini. Bagaimanakah dapat mengesyorkan kekuasaan ini tidak disalahgunakan? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi definisi yang tertentu kerana kekerasan ini boleh jadi hendak membunuh seorang sebagai satu langkah yang boleh disebutkan keras.

Beliau juga haruslah mehetapkan prosedur-prosedur yang tertentu sebelum apa yang dikatakan kekerasan ini dibenarkan. Adalah juga diharapkan pegawai yang mengambil tindakan hendaklah membuat laporan keadaan apabila kekerasan digunakan dan sekiranya boleh disahkan oleh saksi yang tidak mempunyai kepentingan di bawah kuasa pegawai. Ini satu perkataan yang sangat mengelirukan dan sangat tidak patut dibubuh di dalam Rang Undang-undang seperti ini.

Tuan Pengerusi, Fasal 18 (1) (a) dan (b), muka surat 15, mengenai premis dan orang yang dianggap sebagai kontak. Berapakah agaknya luas kawasan termasuk bangunan dan orang yang akan dikuarantin oleh pegawai diberikuasa sebaik sahaja sesuatu kes dilaporkan atau dengan izin, radius of areas including buildings and people that will be quarantined during an initial stage of operation or examination.

Tuan Pengerusi, seharusnya kita mestilah mengadakan peruntukan menghadkan keluasan yang boleh dikuarantin oleh pegawai yang diberi kuasa atas kebijaksanaan sendiri dan tanpa permit dan bagi perluasan kawasan kuarantin selanjutnya dengan perintah doktor yang bertanggungjawab dan dengan waran.

Tuan Pengerusi, kalau ada wabak yang sangat bahaya jadi kita memerlukan tindakan-tindakan yang tegas.

Walau bagaimanapun, kita mestilah memastikan Rang Undang-undang yang kita akan luluskan hari ini tidak memberi kuasa yang terlalu luas yang boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya dan di sinilah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempertimbangkan perkara ini dengan lebih teliti sebelum mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, Fasal 18 (2) dan 19 (1), mukasurat 15 dan 16. Pada logiknya pemeriksaan premis adalah dilakukan apabila laporan diterima atau maklumat diterima daripada sumber tertentu, contohnya sama seperti dalam serbuan polis. Oleh itu seharusnya pegawai menunjukkan waran ataupun surat kebenaran, dengan izin, letter of authorisation dan sesalinan diberi kepada orang awam yang dikenakan tindakan untuk mengesahkan tindakan serta sebagai pemberitahuan sebelum pemeriksaan atau pemusnahan struktur dibuat. Saya juga mengesyorkan bahawa kekuasaan ini tidak disalahgunakan.

Fasal 19 (2) di mukasurat 16 berbunyi:

“19 (2). Pegawai Kesihatan itu hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah.....”

Adakah laporan itu dibuat sebelum atau selepas tindakan diambil? Ini penting juga dan laporan itu mestilah juga mendapat pengesyoran atau pengesahan keperluan bertindak sedemikian oleh pengamal perubatan serta pakar pembasmian.

Tuan Pengerusi, Fasal 21 di mukasurat 17, berbunyi:

“21. Jika seseorang pegawai diberikuasa berpuas hati bahawa sesuatu kenderaan telah digunakan untuk membawa seseo-

rang yang mengidap penyakit berjangkit, pegawai diberikuasa itu boleh menyebabkan kenderaan itu dibasmi kuman.”

Sekiranya pemunya kenderaan dikerah oleh pegawai diberi kuasa untuk diberitahu seseorang yang mengidap penyakit berjangkit, maka pembasmian kuman ke atas kenderaan seharusnya ditanggung dengan 100% oleh pihak Kerajaan. Dan di sini tidak disebutkan bagaimana perkara ini dapat diuruskan.

Tuan Pengerusi, dalam Fasal 26 (1), mukasurat 19 ada tersebut:

“26 (1) Bilamana Ketua Pengarah berpendapat adalah perlu bagi melaksanakan mana-mana peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dia boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana pegawai diberikuasa merekuisisi sementara mana-mana premis selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.”

Tuan Pengerusi, sesalinan perintah bertulis daripada Ketua Pengarah kepada pegawai diberikuasa lengkap dengan maklumat mengenai sebab-sebab bagi tempoh rekuisisi dan sebarang tindakan ataupun pemeriksaan yang perlu diambil oleh pemunya sebaik sahaja perintah diterima harus disampaikan kepada pemunya premis.

Fasal 26 (3) di muka surat 19 berbunyi:

“26 (3) Jika mana-mana premis direkuisisi di bawah subskesyen (1), pemunya hendaklah dibayar pampasan yang dipersetujui di antara pemunya itu dengan Ketua Pengarah atau, jika

tiada persetujuan, yang diputuskan melalui timbangtara menurut peruntukan-peruntukan Akta Timbangtara 1952.”

Tuan Pengerusi, bolehkah Ketua Pengarah dengan terus meneruskan keputusan melalui timbangtara tanpa terlebih dahulunya menjalankan rundingan dengan pemunya premis? Akta haruslah jelas jika rundingan terlebih dahulu diperlukan dengan menggantikan beberapa perkataan iaitu di antara ‘pemunya’ dan ‘Ketua Pengarah’ dengan “perundingan perlu dijalankan terlebih dahulu jika tiada persetujuan.”

Dalam Fasal 27 (1) di muka surat 19 adalah disebutkan:

“27 (1). Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa lain yang diberikan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberikuasa boleh menyita apa-apa barang yang telah atau mungkin telah tercemar, atau yang mengandungi atau berupa sebagai mengandungi apa-apa organisma atau bahan patogenik, dan boleh menyita apa-apa binatang yang telah atau mungkin telah dijangkiti atau telah tercemar.”

Yang pertamanya, sebarang penyitaan barang-barang atau binatang daripada premis pemunya patut direkod dan sesalinan yang ditandatangani oleh pegawai diberi kuasa disampaikan kepada pemunya semasa pemindahan keluar dari premis dibuat.

Dan yang kedua, salinan ini serta yang asal juga mesti ditanda tangani oleh pemunya sebagai bukti bilangan serta jenis barangan yang disita adalah seperti yang tertulis dalam rekod dipersetujui oleh pemunya.

Cadangan saya ini adalah bernas. Dan apabila berlakunya wabak inilah perlu dibuat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri seharusnya mempertimbangkan segala cadangan ini sebelum meluluskan Rang Undang-undang ini kerana pada masa hadapan atau generasi hadapan ataupun orang ramai yang menghadapi wabak ini tidak akan menanggung kerugian yang tidak patut.

Tuan Pengerusi, Bahagian 6 Fasal 28 mukasurat 20. Ini Kerajaan boleh mendapatkan daripada pemunya mana-mana kenderaan atau daripada agen atau pengkhidmatnya apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung oleh Kerajaan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi kesemua atau mana-mana yang berikut:-

(a) Pemindahan layanan perubatan dan penyaraan mana-mana orang yang atau

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payah baca semua itu. Teruskan dengan apa point Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, point ini berkaitan dengan apa yang saya baca.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa Yang Berhormat baca ada di dalam Rang Undang-undang ini. Tidak payah mengulangilah. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu. Teruskan, boleh Tuan Pengerusi, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sengaja hendak merumitkan keadaan.

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Tidak Yang Berhormat, jangan menyentuh perkara itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bahagian 6 ini Fasal 28 kos patut ditetapkan supaya:-

- (i) Orang ramai menyedari kos yang berpatutan dibayar yang mungkin dikenakan.
- (ii) Tidak terjadinya kenaikan kos berlebihan oleh pegawai. Dan di sini tidak disebutkan siapa atau bagaimanakah kenaikan bayaran dibuat atau bila, siapa penting, supaya pegawai mana-mana pun kakitangan tidak berlaku curang.

Tuan Pengerusi, Fasal 29 mukasurat 21. Di sini Menteri patut menyenaraikan faktor-faktor penentu bagi pengecualian, adakah sebelum tersiar dalam warta tidak dianggap sah sebab-sebab di belakang peruntukan Fasal ini. Dan sangat tidak jelaslah Fasal 29 (1) itu dengan (a) sampai (f) yang begitu tidak terang.

Saya berharaplah beberapa cadangan yang telah saya bangkitkan tadi dapat dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri supaya kita dapat jaminan apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta kelak dan apabila berlaku kecemasan atau wabak rakyat Malaysia tidak akan mengalami kesusahan dan kerugian yang tidak seharusnya menanggung. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.54 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Fasal 6 yang mana pihak Kerajaan dapat mengisytiharkan satu kawasan sebagai kawasan jangkitan bagi Maksud Akta ini bagi apa-apa penyakit sahaja. Khususnya bila mana pemberitahuan diterima di bawah peraturan-peraturan kesihatan antarabangsa.

Ingin saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai urusan antarabangsa terhadap wabak AIDS sekarang. Adakah WHO ataupun kumpulan kesihatan antarabangsa yang lain sudah menentukan apakah kawasan-kawasan telah ditetapkan sebagai kawasan jangkitan AIDS. Adakah kawasan California di Amerika Syarikat contohnya ataupun negara-negara di Afrika.

Dan sekiranya peraturan-peraturan kesihatan antarabangsa tidak ada terhadap kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, bolehkah pihak Kerajaan sendiri mengisytiharkan kawasan-kawasan tertentu sebagai kawasan jangkitan di bawah Fasal 6, perkara kedua supaya sesiapa yang terbang ataupun berjalan daripada kawasan yang terlibat kepada Malaysia perlu didapati bukti ujian darah dan bukti bahawa mereka tidak ada AIDS sebelum mereka diberi visa ataupun diberi kebenaran untuk masuk ke Malaysia ini supaya kita dapat kawal bukanlah sahaja pelancong-pelancong tetapi mereka yang datang atas urusan perniagaan juga.

Saya mahu menyentuh kepada Fasal 15 yang mana seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana kontek menjalani pemerhatian di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut. Ini adalah amat penting oleh kerana konteks bagi mereka yang telah dijangkitkan dari AIDS itu perlu ditentukan untuk diberi surveillance, dengan izin, supaya mereka tidak diberi peluang untuk menjangkitkan orang lain.

Saya telah difahami bahawa seorang di Kuching telah mati daripada penyakit AIDS ini walaupun ini tidak diumumkan. Mungkin pihak Kerajaan tidak mahu memberi suasana panik di antara penduduk-penduduk di Kuching dan saya mahu mendapati penjelasan

sama ada konteks di Kuching telah ditentukan. Adakah apa-apa langkah telah dilakukan supaya konteks ini diberi surveillance ataupun diberiuji darah, adakah sesiapa konteks di Kuching telah didapati bahawa mereka telah dijangkitkan oleh AIDS dan sebagainya dan kenapa pihak Kerajaan selalu ada satu profail yang rendah terhadap kematian dari AIDS itu. Bukankah lagi elok kalau semua orang di Kuching contohnya mengetahui ada seorang sudah mati akibat AIDS di Kuching mungkin mereka pun akan mengawal aktiviti-aktiviti yang kurang sah mereka itu supaya jangkitan tidak merebak. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa peraturan untuk Dewan di dalam Jawatankuasa mempertimbangkan Fasal-fasal sekali gus bukan keputusan saya atau permintaan saya. Saya telah beritahu beliau, tetapi beliau masih degil hendak tuduh saya dengan tidak berasas.

Kedua, kebanyakan perkara yang dibangkitkan oleh beliau adalah perkara yang, seperti saya telah menjelaskan dalam ucapan saya mengemukakan Rang Undang-undang ataupun disebutkan dalam Fasal-fasal yang dirujuk oleh beliau sendiri, akan dikan dung dalam peraturan-peraturan detail yang akan dibuat nanti. Peraturan-peraturan ini akan diwartakan untuk pengetahuan orang ramai. Kebanyakan, saya rasa 80%, daripada hujah beliau adalah perkara-perkara yang akan dan harus diisi dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Menteri nanti.

Wabak adalah satu perkara yang bahaya dan kita tidak boleh harap bahawa orang ramai akan dapat menjalankan kehidupan mereka seperti biasa atau secara selesa dalam kawasan di mana tercetusnya wabak-wabak seperti itu. Jadi banyak point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai orang susah, orang rugi, orang untung, orang lain dan sebagainya adalah perkara-perkara yang kita mengambil ingatan juga. Tetapi kepentingan orang ramai yang lebih penting daripada kesusahan seorang dalam kawasan yang disyaki atau diketahui sebagai sudah dilanda dengan wabak tertentu. Jadi, saya mintalah persefahaman dalam perkara itu.

Mengenai point-point yang spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong pada hari Jumaat, saya rasa beliau telah membangkitkan isu siapakah pegawai yang diberi kuasa dan beliau cadangkan bahawa pegawai-pegawai ini mestilah orang yang dilatih dalam perubatan dan sebagainya yang akan dilantik oleh Menteri nanti. Memang Menteri diberi kuasa di bawah Fasal 3 (1) untuk melantik siapa jua yang sesuai untuk menjalankan tujuan-tujuan Akta ini nanti. Dan perubatan 'orang yang tidak sesuai' itu perlulah ditafsirkan sebagai memberi satu skop dan konteks yang luas tetapi masih dalam konteks Rang Undang-undang ini.

Seumpamanya saya rasa di bawah undang-undang ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan mungkin akan melantik seorang micro-biologist sebagai pegawai yang diberi kuasa juga, bukan seorang doktor atau pegawai kesihatan atau inspektor kesihatan dan sebagainya sahaja.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadi, bahasa yang digunakan dalam Fasal 2 (1) itu adalah satu yang luas

untuk membolehkan Menteri membuat sedemikian.

Fasal 7 dan 8 telah dibangkitkan tentang cara pemeriksaan dan beliau cadangkan bahawa pemeriksaan ini harus dijalankan di hadapan pemunya atau agennya dan sebagainya. Ini memang satu perkara yang akan dimasukkan dalam peraturan nanti. Beliau juga di bawah Fasal 7 (3) telah membangkitkan cara pemindahan barang-barang dan sebagainya. Ini juga akan dimasukkan dalam peraturan-peraturan atau arahan pentadbiran yang akan diberi nanti.

Mengenai Fasal 9 (1), beliau telah membangkitkan bagaimanakah seorang itu akan tahu cara untuk membawa mayat dan sebagainya masuk atau keluar negara tanpa melanggar undang-undang. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 9 (1) juga, larangan itu tidak berkuatkuasa jika mayat dan sebagainya itu dibawa masuk atau keluar menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta nanti - disebut dalam Fasal 9 (1) juga. Oleh yang demikian, jelas bahawa peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti bagi maksud-maksud Fasal 9 akan memberikan cara-cara bagaimana mayat dan sebagainya itu dapat dibawa masuk atau dikeluarkan tanpa melanggar peruntukan Fasal ini.

Mengenai Fasal 9(3) yang dirujuk oleh beliau iaitu bagaimana seorang akan sedar atau tidak mengenai apa yang dibawa masuk itu. Memang saya setuju bahawa skop Fasal 9(3) ini adalah satu yang luas tetapi skop itu dan peruntukan yang sebegitu dibuat untuk memudahkan beban membuktikan nanti kepada pihak pendakwa oleh kerana amatlah sukar untuk membuktikan kepada pihak pendakwa kerana amat sukar membuktikan bahawa seorang itu tahu atau menyedari sesuatu. Lebih-lebih lagi jika beban pembuktian ialah sehingga tidak syak. Maka diletakkan

beban untuk membuktikan seseorang itu tidak menyedari apa yang dibawa masuk atau keluar pada orang itu sendiri. Bagaimanapun beban ini tidaklah seberat beban pihak pendakwa kerana beban pembuktian seseorang yang dituduh itu hanyalah berdasarkanimbangan kebarangkalian atau dengan izin, balance of probabilities. Lagi pula jika memang sudah jelas mayat dan sebagainya itu dibawa tanpa disedari, sudah tentulah pendakwaan tidak akan dibuat. Peruntukan ini bukanlah peruntukan yang luar biasa di dalam konteks perundangan di negara ini, khususnya dalam keadaan-keadaan yang begini mendesak.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kpong.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah yang tertuduh merayu ke Mahkamah di dalam Fasal ini kalau mereka yang tertuduh itu anggap tidak munasabah dan sebagainya atau ada alasan-alasan yang tertentu dan bolehkah mereka membawa perkara ini ke Mahkamah dan ini tidak disebut.

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa ada dua peringkat, Tuan Pengerusi. Satu peringkat di mana yang dituduh atau yang ditangkap, yang disyakki boleh membuktikan kepada pegawai itu sendiri bahawa beliau tidak sedar dan menunjukkan buktinya. Dan di peringkat Mahkamah apabila si tuduh sudah tentu bahawa dia ikut Fasal 9 (3) itu. Ayat yang akhir adalah jelas: "sehingga dibuktikan sebaliknya". Ada banyak undang-undang di negara Malaysia di mana si tuduh itu boleh membuat demikian. Dan dalam perkara ini saya rasa lebih senang untuk mereka berbuat demikian.

Mengenai Fasal 11 (4) yang dipetik oleh Ahli Yang Berhormat, perkataan

'kekerasan'. Adalah sah bagi seseorang pegawai diberi kuasa menggunakan kekerasan dengan bantuan atau tanpa bantuan yang perlu dan menggunakan apa-apa cara yang mencukupi untuk memastikan bahawa apa-apa arahan dikeluarkan di bawah sub-seksyen 3 dipatuhi. Apa yang disebut di sini ialah kekerasan yang perlu untuk menjalankan kuasa yang dikehendaki di bawah Fasal 11 (4). Perkataan itu bukan 'keganasan' seperti ditafsirkan oleh Yang Berhormat. Apa yang digunakan adalah perkataan kekerasan, bukan keganasan. Yang dimaksudkan dengan kekerasan di sini ialah paksaan yang mungkin melibatkan sentuhan fizikal juga. Misalnya, jika seseorang itu enggan pergi ke stesyen kuarantin, maka pegawai diberi kuasa, boleh jika perlu, mengangkat orang itu dan membawa ke stesyen kuarantin. Perlu diingat bahawa kekerasan yang sah digunakan ialah kekerasan yang perlu sahaja, what is necessary, dengan izin. Apabila kekerasan yang digunakan itu tidak perlu.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' K. Pathmanaban: Nanti, saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap.

Dato' K. Pathmanaban: Boleh? Apabila kekerasan yang digunakan itu tidak perlu dalam hal keadaan sesuatu kes maka ia tidaklah sah di sisi undang-undang. Banyak kes law yang terdapat mengenai perkara ini dan kita haruslah tinggalkan perkara ini kepada budibicara pegawai-pegawai dan budibicara juga orang yang disyaki untuk keselamatan dan kesihatan orang ramai.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya kurang puas hati dengan penjelasan itu, bukan saya sengaja hendak menyusahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana di masa hadapan kita haruslah menetapkan apakah yang dimaksudkan dengan kekerasan, apakah hadnya dan siapakah yang boleh menjamin kekerasan itu tidak menjadi keganasan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini adalah penting dan saya berharap kita dapat menyelesaikan perkara yang penting ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya rasa tak perlu kita ada keraguan tentang kuasa menggunakan kekerasan yang diberikan itu kerana saya rasa semua undang-undang yang berkuatkuasa membenarkan menggunakan kekerasan sampai tahap yang perlu, dengan izin, up to what is necessary, such force as is necessary. Tuan Pengerusi, hakim-hakim mahkamah kita sudah pun biasa untuk mentakrifkan apakah kekerasan itu.

Mengenai Fasal 18, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu saya rasa untuk menggunakan perkataan Inggeris, "nit picking" mengenai Fasal 18 (1) ini. Beliau bertanya apakah kawasan quarantine ini, berapa jauh, berapa jarak dan sebagainya. Sebagai seorang doktor, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu harus tahu bahawa perkara ini akan berdasarkan di atas jenis penyakit yang berlaku dan keadaan wabak yang tercetus dan sebagainya. Kita tidak dapat menetapkan satu batu atau 5 buah rumah atau berapa orang dan sebagainya. Ini tertakluk kepada jenis penyakit dan keadaan wabak yang tercetus di kawasan itu. Ini suatu hal yang simple sahaja untuk kita faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini bukanlah satu masalah yang simple sebab apabila dilaksanakan kelak akan menimbulkan berbagai masalah dan di

dalam kita menggubalkan undang-undang, kami seharusnya menentukan apa sahaja yang terkandung di dalam Akta itu tidak akan menimbulkan masalah pada masa hadapan, bukan nit picking; di dalam undang-undang, saya ingat perkataan seperti itu tidak harus disebutkan. Bahkan Tuan Pengerusi sebagai seorang peguam boleh juga mentafsirkan sama ada nit picking atau pun tidak. Jadi tuduhan Yang Berhormat tadi tidak munasabah. Jadi di dalam menggubalkan undang-undang tidak sesuatu perkara pun boleh dianggap nit picking kerana kita menetapkan undang-undang untuk orang ramai. Saya setuju bahawa wabak itu terserah kepada jenis penyakit, tetapi itulah saya hendak tetapkan atau hendak mendapat penjelasan dengan lebih teliti dan jaminan supaya kuasa itu tidak disalahgunakan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, kita tak membawa undang-undang ini untuk main-main atau menyusahkan orang tetapi untuk menyelamatkan orang, menjaga dan memberi perlindungan kepada rakyat, termasuk juga Ahli Yang Berhormat, terhadap wabak penyakit berjangkit dan sebagainya. Konteks undang-undang ini harus difahami oleh seorang doktor seperti Ahli Yang Berhormat.

Mengenai Fasal 18 (2) yang disebutkan oleh beliau, beliau itu saya rasa walaupun ada kenyataan bertulis, beliau tak baca bahawa Fasal 18(2) itu mengatakan bahawa pegawai itu diberi kuasa memasuki mana-mana premis tertakluk kepada peruntukan di subsection (1). Tak payah saya jawab lebih lanjut lagi. Fasal 18 (2) tertakluk kepada kuasa yang diberi dalam Fasal 18 (1).

Mengenai Fasal 26, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan hal-hal kuasa memeriksa atau authority card atau ID dan sebagainya untuk pegawai-pegawai. Memang perkara ini, format dan kuasa untuk memeriksa itu

akan ditentukan dan semua Pegawai Pemeriksa akan diperlukan menunjukkan kad kuasa memeriksa sebelum menjalankan kuasa-kuasa seperti itu. Ini akan diperuntukan dengan sejelajelasnya di dalam peraturan-peraturan nanti.

Mengenai Fasal 26 juga dibangkitkan sama ada perundingan akan dijalankan sebelum pampasan diputuskan atau dibawa kepada peruntukan-peruntukan Akta Timbangtara 1952. Memang, jika dibaca Fasal 26 (3) itu dengan baik dan teliti, kita tahu bahawa rujukan kepada timbangtara itu hanya akan berlaku jika tidak dipersetujui dahulu dan untuk persetujuan, memang perkara itu akan dirundingkan dengan pihak yang berkenaan.

Mengenai Fasal 27, pernyataan dan pelupusan. Ini juga perkara yang akan dijelaskan di dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti.

Fasal 27 ini, saya rasa hanya memberi kuasa dan aturcaranya akan dijelaskan dalam peraturan-peraturan nanti.

Mengenai Fasal 28 yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kos dan perbelanjaan dan sebagainya. Ini adalah semata-mata peruntukan yang memberikan kuasa dan peluang kepada Kerajaan mendapatkan balik apa yang telah dilakukan olehnya. Segala prosedur dan amaun dan sebagainya akan ditetapkan melalui peraturan dan guidelines dan sebagainya yang akan dibuat nanti.

Fasal 29 (1) juga dibangkitkan iaitu mengenai kuasa pengecualian penyalahgunaan kuasa oleh Menteri.

Saya ingin memberitahu di sini bahawa kita tak dapatewartakan pengecualian itu atau memberi keadaan-keadaan di mana pengecualian itu akan diberi sebelum berlakunya keperluan untuk pengecualian itu.

Kuasa ini boleh juga saya rasa digunakan secara, maaf, ini tidak boleh digunakan secara retrospektif, secara kebelakangan. Tetapi saya rasa tak berapa pasti. Kuasa ini hanya akan berkuatkuasa selepas perkara ini atau golongan dan keadaan ini diwartakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuching telah membangkitkan dua tiga point mengenai kawasan jangkitan. Pada masa ini sejauh mana yang saya tahu belum ada peraturan kesihatan antara-bangsa untuk negara-negara memberitahu mengenai berlakunya penyakit AIDS. Sebab itulah dalam Fasal 6 ini memberi kuasa kepada Menteri kita mengambil tindakan untuk mewartakan kawasan-kawasan yang perlu.

Dalam perkara ini saya rasa apa yang ditunjukkan dengan kuasa untuk Menteri atau kuasa kita mengikut peraturan-peraturan antarabangsa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan jangkitan adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti memerlukan suntikan (vaccination) dan sebagainya. Jika ada seorang datang dari kawasan 'yellow fever' yang diisytiharkan sebagai yellow fever mesti ada suntikan untuk yellow fever; kalau tidak terpaksa kuarantinkan beliau untuk menjalankan ujian dan sebagainya. Kuasa mengisytiharkan satu-satu kawasan itu sebagai kawasan jangkitan adalah untuk membolehkan kita mengambil tindakan melindungi diri kita sendiri. Dalam perkara penyakit AIDS itu pula, memang belum ada suntikan dan kita tahu Los Angeles itu seumpamanya adalah satu tempat yang masyhur dengan AIDS. Melainkan kita mengelak dari pergi main-main di sana, tidak ada apa-apa yang kita boleh buat mengenai Los Angeles.

Mengenai Fasal 15, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching ialah mengenai kontak. Yang Berhormat ini pun tinggal di Selangor, saya rasa, walaupun asalnya dari Kuching. Kita tidak

mengumumkan butir-butir detail mengenai pesakit yang meninggal itu kerana ini memang membawa kepada berbagai-bagai kerumitan kepada keluarga yang tidak berdosa, keluarga yang sihat, keluarga yang tidak dijangkiti dengan penyakit. Umpamanya, mengenai si pesakit dari Kuching yang telah meninggal itu, ada suratkhbar yang mengeluarkan butir memberi alamat beliau, di mana beliau tinggal dan saya diberitahu, saya tidak dapat pastikan ini, bahawa orang yang mengeluarkan sampah dari jalan itu enggan mengambil sampah dari rumah itu semasa si pesakit masih hidup dan keluarganya terpaksa membawa sampah mereka ke tempat-tempat lain. Banyak masalah lagi semasa anak mereka hendak pergi ke sekolah dan sebagainya.

Kita tahu baru-baru ini kes pembawa kuman AIDS ini di Lumut yang telah menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan kerumitan kerana kita mengeluarkan identiti pesakit itu. Mengenai kes di Kuching, kita mendapat tahu bahawa jangkitan itu bukan dari Kuching, jangkitan itu kita syaki adalah dari luar negeri, mungkin Eropah atau lain-lain negeri dan jangkitan itu bukan dari Kuching. Pesakit itu diberi nasihat dan counselling untuk mengelak daripada menjangkiti orang lain dan kita susuli (follow up) tindakan untuk menentukan bahawa beliau mengikuti nasihat yang diberi. Tidak lain yang kita boleh buat. Lock-up beliau atau kunci rumah beliau dan sebagainya tidak boleh dibuat kerana ini tidak akan menyenangkan pesakit.

Untuk pesakit itu apa yang perlu ialah persefahaman masyarakat, kerjasama daripada masyarakat untuk kita menjadikan kehidupannya sebagai selesa dan kita tidak harus membangkitkan di masyarakat kita satu crisis sensation oleh kerana terdapat seorang pembawa kuman AIDS atau pesakit kes AIDS itu di masyarakat kita. Nasihat

dan counselling yang ditumpukan kepada mereka yang berkenaan, saya rasa adalah lebih berfaedah daripada kita menghebah-hebahkan berita mengenai pesakit itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya membawa kes itu kepada perhatian Dewan yang mulia ini bukanlah supaya Kementerian Kesihatan pada masa hadapan memberitahu kepada orang ramai identiti pesakit ini tetapi sekiranya pengumuman tidak dibuat, khabar angin akan terbang ke sana ke sini. Saya pun diberitahu, walaupun tidak percaya, bahawa kes Kuching ini bukan kes pertama, dahulu sudah ada satu kes dan oleh kerana pihak Kerajaan selalu merahsiakan jangkitan AIDS ini, pengumuman Kerajaan tidak boleh dipercayai dan sebagainya. Sekiranya satu sikap terbuka boleh diambil oleh pihak Kerajaan, contohnya bukan untuk mengumumkan identiti pesakit ini tetapi sekurang-kurangnya mengakui bahawa kes ini telah berlaku di Kuching, memang khabar-khabar angin akan mati. Ini sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, kita telah memikirkan perkara ini sedalam-dalamnya. Jika kita mengatakan ada seorang dari Kuching yang telah mengidapi penyakit seperti AIDS, tidak susah untuk orang dapat tahu siapa dia itu. Seperti kes di Lumut itu, kita tidak memberitahu nama dan alamat budak yang kena penyakit AIDS atau disyaki sebagai membawa kuman AIDS itu. Tetapi siasatan journalists dan sebagainya telah membawa semua orang ke rumah beliau sampai ayah anak itu tidak dapat pergi ke laut, tidak dapat menjalankan kerja dan sebagainya. Jadi untuk keselamatan orang ramai, the balance of public interest, dengan izin, saya rasa adalah lebih baik kita tidak mengumumkan nama atau tempat kes seperti itu. Tetapi saya haruslah memberi jaminan kepada Dewan dan kepada rakyat kita bahawa keadaan kita tidak

mengumumkan detail seperti itu bukan bermakna kita hendak 'cover up', tetapi kita mengambil segala tindakan yang perlu untuk mencegah jangkitan penyakit itu dan memberi nasihat kepada pesakit cara mengelak dan mengurangkan penyakit itu dan sebagainya. Saya rasa itu sahaja yang kita dapat buat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai pendedahan ataupun tidak, kemungkinan yang boleh dilakukan ialah mendedahkan secara terbuka identiti seluruhnya, keduanya, samar-samar sahaja mendedah supaya orang sendiri mencari jalan macam mana mengetahui dan menutup, tiga perkara. Menurut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita memilih jalan tengah, biar orang cari. Adakah itu maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sudahkah pihak Kementerian meneliti dengan terperinci apakah sepatutnya dibuat terhadap mereka yang menghadapi penyakit ini, sama ada didedahkan dengan terbuka keseluruhannya, dedah sama-samar ataupun ditutup langsung. Yang mana paling baik yang sudah dipilih oleh pihak Kementerian?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, masalah dalam perkara ini bukan identiti pesakit, tetapi sikap dan reaksi orang kepada pesakit dan jika kita dapat memberi jaminan bahawa masyarakat di mana terdapat pesakit AIDS umpamanya, sudah faham cara-cara jangkitan dan mereka yakin tentang usaha-usaha pencegahan dan sebagainya, tidak ada masalah kita beritahu. Masyarakat sendiri di beberapa negara mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menjaga, melindungi, membimbing, membantu pesakit AIDS dan sebagainya. Kita terpaksa berjaga-jaga dalam perkara ini dan jika dapat complete information yang meyakinkan semua orang menge-

nai perkara ini, saya rasa sudah baik. Ada orang yang mengatakan di Lumut ikan yang ditangkap oleh bapa kepada si anak itu tidak boleh dimakan kerana akan membawa kuman AIDS dan sebagainya. Ini tidak berasas. Itulah perkara yang kita hendak elak dan bukan hendak menyembunyikan perkara kejadian penyakit itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi tidak memberi pertimbangan mengenai Fasal 19 (2) dan Fasal 21. Begitu juga Fasal 29, penjelasannya belum begitu teliti dan beliau tidak dapat menjelaskan mengenai pengecualian. Saya minta penjelasan atas ketiga-tiga Fasal ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya baca Fasal 19 (2) dan saya tidak ada masalah iaitu pegawai hendaklah memberitahu kepada Ketua Pengarah selepas perintah dikeluarkan. Senang sahaja bahasanya.

Fasal 21 pun tidak ada masalah untuk saya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada apa lagi Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai pengecualian yang ditetapkan oleh Menteri, tadi Yang Berhormat tidak menjelaskan dengan teliti, dengan betul, dengan tetap. Dia pun tidak tahu mengenai kuasa Menteri untuk membuat pengecualian tadi.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, kalau kita tahu pada masa ini siapa kita hendak kecualikan, kita sudah masukkannya di dalam Fasal Rang Undang-undang ini. Fasal ini ialah untuk mengendalikan situasi keadaan dan sebagainya dalam masa-masa yang akan datang untuk memberi flexibility sedikit kepada Kerajaan atau Kement-

rian untuk mengendalikan pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Pengecualian ini bukanlah untuk menyusahkan orang tetapi untuk menyenangkan keadaan dan untuk membolehkan kita mengendalikan satu-satu keadaan.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 1 hingga 33 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jadual Pertama dan Kedua jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PERATURAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT - PINDAAN

4.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Usul seperti berikut:-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 78(1) cadangan pindaan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sebagaimana dalam lampiran yang disertakan bersama-sama ini dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.”

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, kali terakhir pindaan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dibuat ialah pada tahun 1985. Sejak tarikh tersebut telah ada beberapa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang menyetujui Dewan Rakyat.

Memandangkan perkembangan-perkembangan ini dan terdapat juga pindaan kepada Perlembagaan yang tidak diambil kira dalam pindaan-pindaan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, maka adalah sangat wajar peraturan itu disemak supaya diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan.

Secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dibuat adalah seperti berikut:-

- (a) *Pindaan kepada Doa*
Oleh kerana Doa yang ada sekarang adalah agak panjang ianya perlu diringkaskan supaya lebih kemas dan jelas maksud Doa tersebut.
- (b) *Peraturan Baru 4A*
Peraturan baru ini dibuat bagi mewujudkan jawatan Ketua Majlis Mesyuarat, Timbalan Ketua Majlis Mesyuarat dan Ketua Pembangkang. Walaupun umumnya sudah diketahui bahawa jawatan-jawatan tersebut sudah wujud tetapi setakat ini tidak ada apa-apa peruntukan dalam Peraturan Majlis Mesyuarat.
- (c) *Pindaan kepada Peraturan 6(1)*
Pindaan kepada Peraturan ini dibuat bagi perlantikan dua orang Timbalan Yang di-Pertua supaya peruntukan bagi Peraturan tersebut diselaraskan dengan Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan.

(d) *Pindaan kepada Peraturan 13(1)*
Pindaan ini adalah bertujuan untuk menambah cukup bilangan atau koram dari 26 menjadi 25% bilangan ahli atau 45 orang Ahli bersesuaian dengan pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat.

(e) *Pindaan kepada Peraturan 18*
Pindaan kepada peraturan ini adalah berkaitan dengan penangguhan mesyuarat mengenai perkara tertentu yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai dan berkehendakkan disegerakan.

Peruntukan ini mencadangkan supaya tempoh surat pemberitahuan dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua sekurang-kurangnya empat jam dipinda kepada satu hari. Pindaan ini juga dibuat supaya bilangan minimum Ahli yang menyokong permintaan itu ditambah dari 15 menjadi 20 orang.

(f) *Pindaan Kepada Peraturan 24(3)*
Pindaan ini bertujuan menghalang pertanyaan tambahan dinyatakan jika pertanyaan utama sudah dijawab di hari persidangan yang terdahulu dalam penggal yang sama. Ia juga bertujuan menghalang pertanyaan tambahan yang mengandungi beberapa pertanyaan atau pertanyaan tambahan yang menggabungkan beberapa pertanyaan. Ini akan memudahkan pemberian jawapan dan juga memudahkan pemastian sama ada pertanyaan itu relevant kepada pertanyaan asal.

(g) *Pindaan Kepada Peraturan 36(4)*
Pindaan kepada Peraturan 36(4) dibuat untuk menyelaraskan teks bahasa Inggeris dan teks Bahasa Kebangsaan. Ini perlu

kerana pada masa lepas didapati terdapat perbezaan bagi kedua-dua teks itu.

- (h) *Pindaan Kepada Peraturan 46(4)*
Cadangan pindaan kepada Peraturan ini ialah mengenai tambahan bilangan Ahli yang perlu menyokong permintaan belah bahagian dipinda supaya bilangan ini menjadi 25 orang berdasarkan kepada pertambahan Ahli Dewan Rakyat sesuai dengan pindaan Peraturan 13 (1).
- (i) *Pindaan Kepada Peraturan 57(7)*
Pindaan kepada Peraturan ini ialah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan perenggan ini ialah Fasal baru yang dicadangkan berhubung dengan mana-mana Fasal dalam Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan.
- (j) *Pindaan Kepada Peraturan 66*
Pada masa sekarang, Usul supaya ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis hanya boleh dibuat selepas Usul supaya Rang Undang-undang Perbekalan dibacakan kafi yang kedua, dicadangkan dan disokong. Pindaan ini akan membolehkan kedua-dua Usul itu dibuat secara serentak. Ini akan melicinkan urusan Mesyuarat di samping menjimatkan masa.
- (k) *Pindaan kepada Peraturan 83.*
Pindaan ini dibuat bagi menjelaskan bahawa minit segala perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan tidak perlu direkodkan "kata demi kata" (verbatim report). Pindaan ini bertujuan untuk memudahkan urusan menyediakan minit dan

pembentangan laporan Jawatankuasa kepada Majlis.

(1) *Pindaan kepada Peraturan 86.*

Pindaan ini dibuat bagi membolehkan sesuatu laporan Jawatankuasa Pilihan dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat tanpa disertakan dengan catatan perjalanan mesyuarat dan catatan keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa Pindaan ini bagi memudahkan dan mengurangkan beban tugas yang sedia ada.

Akhirnya, semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas adalah untuk melicinkan perjalanan Majlis Mesyuarat dan difikirkan perlu dan wajar dibuat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbaalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat berdiri atas apa?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 82 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa dia?

Tuan Lee Lam Thye: Yang berbunyi:-

"Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Majlis."

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah menjadi maksud saya untuk membincang usul ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, perkara ini saya rasa tak ada bersangkutan dengan usul yang dibawa.

Tuan Lee Lam Thye: Ini oleh kerana ada berkaitan. Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan saya peluang untuk membuat satu, dua pertanyaan berkaitan dengan usul. Bukanlah tujuan saya untuk membahaskan ataupun membincang usul ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Untuk bertanya fasal usul, saya benarkan.

Tuan Lee Lam Thye: Ini ialah berkenaan oleh sebab Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat merupakan sebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa yang saya telah membaca tadi iaitu mengenai Peraturan Mesyuarat 82 (1) yang jelasnya menyatakan di sini bahawa apabila usul ini dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, maka ahli-ahlinya hendaklah diberi peluang untuk membincangkannya. Memandangkan ini bahawa wakil Pembangkang dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, iaitu wakil dari Ipoh, Y.B. P. Patto pada masa kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, maka saya berpendapat bahawa ini adalah tidak adil kalau pindaan-pindaan ini yang begitu drastik yang mempunyai implikasi yang begitu luas dan yang menyekat hak-hak dan prestasi Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini. Maka saya berpendapat bahawa adalah tidak adil bahawa perkara ini dirujuk ataupun dibincang oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat tanpa kehadiran wakil dari Pembangkang memandangkan kepada apa yang telah disebut di dalam Peraturan Mesyuarat 82 (1).

Maka dengan ini saya ingin bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua sama ada Tuan Yang di-Pertua boleh memberi satu jaminan memandangkan bahawa Y.B. P. Patto tidak dapat hadir sama ada seorang yang lain dapat dilantik untuk mengganti Y.B. P. Patto agar beliau dapat mewakili pandangan-pandangan daripada Parti Pembangkang di dalam hal membincangkan usul ini dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Itulah saya hendak bertanyanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Usul yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk usul ini dibawa kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah anggapan bahawa Jawatankuasa ini akan bermesyuarat tanpa Y.B. P. Patto. Kepada saya, kuasa kita untuk menyerahkan usul ini kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan terpulangnya kepada Jawatankuasa ini untuk menentukan. Dan kepada Y.B. P. Patto yang masih dalam tahanan ISA di Kamunting, itu terserahlah kepada beliau untuk memohon kepada Kementerian Dalam Negeri dan terserahlah kepada budibicara Kementerian Dalam Negeri untuk menentukannya. Let him cross the bridge when he comes to it. Itu sahaja, Yang Berhormat, saya tak benarkan lagi.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, 78 (1) terhadap usul ini yang mana telah disebutkan, dijelaskan, ditentukan bahawa Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat tidak berkuasa untuk memanggil orang yang hadir di hadapan mereka apabila menimbang usul yang sedang dibangkitkan. Tetapi soalan saya, saya ingin satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Speaker sama ada pihak-pihak yang terlibat seperti parti-parti

politik dan orang ramai dapat memberi pandangan ataupun cadangan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat ini walaupun Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat tidak berkuasa. Bolehkah mereka menerima cadangan? Ini saya ingin tahu kerana DAP memang mahu mengemukakan cadangan sekiranya boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mengikut 78 (1) Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya, tetapi terserahlah kepada Majlis ini untuk menentukan sama ada memberi kuasa kepada Jawatankuasa berkenaan.

Usul yang tersebut tadi diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN PINDAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi bacaan kali yang kedua.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 ataupun Akta No. 333 telahpun diluluskan di Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh yang lalu. Ianya telahpun mendapat perkenan Di-Raja dan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1988. Pindaan yang dicadangkan pada kali ini lebih merupakan kepada perkara-perkara teknikal untuk mengelakkan apa-apa keraguan dalam pentafsiran yang kurang jelas yang didapati di dalam Akta sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 2 dipinda dengan memasukkan takrif baru Akta ini yang menyatakan secara mutlak semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta. Dengan ini sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan dengan peruntukan Akta yang dikatakan terpakai untuk Akta sahaja tetapi tidak meliputi perundangan subsidiari akan dapat diatasi. Sebelum ini ramai orang beranggapan bahawa Akta hanya dipakai untuk Akta sahaja. Jika ianya meliputi perundangan subsidiari, ianya perlulah dinyatakan. Adalah diharapkan pindaan yang dibuat ini dapat memberi penjelasan kepada semua pihak mengenai perkara ini.

Seksyen-seksyen 7, 17, 35, 66, 108, 119 dan 125 dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "berkaitan dengan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Akta 1987" kerana peruntukan ini telahpun dimasukkan di dalam tafsiran Akta ini yang saya nyatakan sebelum ini. Jadi, tak perlulah kita beritahu berulang kali dalam seksyen-seksyen tersebut mengenai perkara Akta juga meliputi kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Cukuplah dengan kita memaklumkan sekali sahaja di permulaan Akta, tetapi jelas.

Seksyen 66 dan 117 teks Bahasa Kebangsaan Akta Ibu dipinda untuk menggantikan perkataan 'Merinyu' dan subseksyen 1 (xi) dengan perkataan 'Inspektor'. Penggantian ini adalah selaras dengan istilah yang digunakan dalam Akta Timbang dan Sukat 1972 yang menterjemahkan jawatan "Inspector of Weight and Measure" sebagai "Inspektor Timbang dan Sukat". Istilah yang diguna sebelum ini adalah "Merinyu Timbang dan Sukat". Perkara ini sebenarnya lebih kurang sahaja, tetapi ianya penting diperjelaskan untuk mengelakkan kekeliruan.

Seksyen 69 merupakan pembedulan kepada kesilapan kecil yang dibuat

semasa penggubalan bagi rujuk birai atau dengan izin, "marginal reference" dalam teks Bahasa Kebangsaan. Terjemahan teks diguna dalam Akta 1987 yang belum dipinda adalah "had laju tempatan" bagi "speed limit". Pindaan terjemahan adalah untuk membetul kesilapan yang telah terlepas pandang semasa penyemakan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang telah saya kemukakan di Dewan yang mulia ini sebenarnya merupakan pindaan-pindaan kecil yang perlu dibuat kepada Akta 1987 untuk mengelakkan kekeliruan dalam memberi tafsiran kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta. Saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa pindaan-pindaan yang dibuat tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN)

Setiausaha: Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan), bacaan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Menteri berkenaan

(Tiada jawapan dari Menteri)

Rang Undang-undang ini ditangguhkan. Sebut satu lagi!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya kurang faham mengenai apa-apa prosedur sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Rang Undang-undang tadi ditangguhkan.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Setiausaha: Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan), bacaan kali yang kedua.

(Tiada jawapan dari Menteri)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan 10 minit

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.56 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.19 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.19 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 bagi tujuan seperti berikut:

- (a) mengadakan peruntukan yang berasingan terhadap kesalahan bagi seseorang yang mempunyai di dalam milikan atau kawalan atau jagaan samsu gelap daripada merangkumi keadaan ini di dalam takrif "memperdagang"

dan mengeluarkan peruntukan hukuman ringan kerana memiliki samsu gelap yang kurang daripada suku gelen; dan

- (b) meningkatkan hukuman yang sedia diperuntukkan supaya memberi kesan pencegahan yang cukup bagi maksud menghapuskan gejala samsu gelap.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar belakang asas-asas pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta yang sedia ada itu berkuatkuasa mulai 16hb April 1976 terdapat beberapa kejadian kematian yang sia-sia ke atas mangsa-mangsa yang menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti minuman samsu gelap ini. Maka adalah difikirkan bahawa antara jalan atau usaha untuk mengelakkan kejadian sia-sia ini ialah dengan pencegahan yang lebih berkesan mudah-mudahan dengan mengadakan peruntukan hukuman yang lebih berat terhadap yang terlibat ianya akan menghapuskan ataupun sekurang-kurangnya menghindar aktiviti-aktiviti yang kurang menyenangkan itu.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan seperti mengilang, memperdagang dan mengguna premis yang berkaitan dengan samsu gelap atau milikan alat mengilang daripada tempoh yang tidak melebihi 5 tahun dan tidak kurang daripada 2 tahun, kepada tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun. Hukuman denda yang sedia diperuntukkan diganti dengan sebat mandatori yang tidak kurang daripada 2 kali sebatan.

Bagi kesalahan mengilang dan memperdagang pula, jika samsu gelap itu

mengandungi bahan berbahaya, saya mencadangkan peningkatan hukuman ialah; daripada penjara tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun kepada tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun. Sebatan mandatori yang tidak kurang daripada 6 kali dikekalkan walaupun hukuman denda dimansuhkan.

Cadangan juga dibuat untuk mengadakan satu kesalahan khusus untuk mereka yang mempunyai di dalam milikan, kawalan atau jagaan samsu gelap yang hukumannya adalah sama dengan kesalahan memperdagangkan iaitu jika samsu yang berkenaan itu tidak mengandungi apa-apa bahan berbahaya, pesalah akan dikenakan hukuman penjara mandatori selama satu tempoh tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan disebat tidak kurang daripada 2 kali sebatan. Tetapi sebaliknya jika samsu yang terlibat itu mengandungi apa-apa bahan berbahaya, hukumannya ditingkatkan kepada penjara mandatori selama satu tempoh tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan disebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini yang menghapuskan peruntukan berhubung dengan pengguna samsu yang kurang daripada satu gelen mengikut fakta-fakta sesatu kes yang tertentu boleh menyebabkan mereka yang terlibat dituduh kerana mempunyai di dalam milikan atau jagaan samsu gelap tersebut.

Apa yang disebutkan tadi itu secara terperinci dinyatakan di dalam huraian kepada Rang Undang-undang itu:-

“(a) Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memotong perkataan “memiliki” daripada takrif “memperdagang” oleh kerana milikan samsu gelap itu

sendiri hendaklah dijadikan satu kesalahan yang asing.

(b) Fasal 3, 4, 6 dan 7 masing-masing bertujuan meminda seksyen-seksyen 3, 4, 6 dan 7 Akta supaya menambah penalti-penalti bagi kesalahan mengilang, memperdagang dan mengguna premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan milikan alat-alat mengilang. Tempoh pemenjaraan mandatori ditambah kepada satu tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun. Hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori tidak kurang daripada dua kali. Walau bagaimanapun, jika samsu gelap mengandungi apa-apa bahan berbahaya, tempoh pemenjaraan mandatori itu dilanjutkan kepada satu tempoh yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan satu sebatan mandatori yang tidak kurang daripada 6 kali bagi mengilang dan memperdagang.

(c) Fasal 5 bertujuan memperkenalkan satu seksyen 5 yang baru sebagai mengganti seksyen lama untuk membuat peruntukan mengenai satu kesalahan yang asing bagi milikan, jagaan atau kawalan samsu gelap. Sehingga ini milikan samsu gelap telah diliputi dalam takrif memperdagang. Walau bagaimanapun dalam keadaan yang tertentu, mahkamah yang boleh memutuskan bahawa seseorang yang dipertuduhkan atas memperdagang, melakukan sesuatu kesalahan hukuman lebih ringan iaitu hanya sebagai seorang pengguna jika milikan itu melibatkan samsu gelap sebanyak kurang daripada satu gelen. Dengan pindaan yang dicadangkan

ini, milikan, jagaan dan kawalan samsu gelap tanpa mengambil kira banyaknya samsu yang dimiliki dijadikan satu kesalahan berasingan daripada memperdagang yang apabila disabitkan seseorang tertakluk kepada hukuman yang sama seperti yang diperuntukkan bagi memperdagang.

- (d) Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 16(a) Akta dengan menambahkan hukuman penjara yang dinyatakan dalam seksyen itu daripada 5 tahun kepada 7 tahun. Ini ialah satu pindaan berbangkit yang disebabkan oleh penambahan hukuman yang dikehendaki dalam lain-lain fasal.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.29 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya sungguhpun bukan seorang peminat samsu tetapi memandangkan kepada implikasi yang luas akibat daripada pembentangan Rang Undang-undang ini maka saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan pandangan bagi pihak parti DAP terhadap perkara ini.

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 yang dibentangkan ini ialah sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bertujuan untuk menambahkan penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang dan menggunakan premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap.

Menurut Rang Undang-undang ini, pengilang-pengilang dan pedagang-pedagang samsu gelap yang mengandungi bahan-bahan berbahaya yang boleh menyebabkan kematian akan menghadapi satu tempoh pemenjaraan mandatori antara 7 dan 20 tahun dan pesalah-pesalah juga akan dikenakan sebatan mandatori tidak kurang daripada 6 sebatan.

Bagi mereka yang mengilang atau memperdagang samsu yang tidak mengandungi bahan-bahan yang berbahaya atau yang boleh mematikan, tempoh pemenjaraan mandatori dinaikkan ke satu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang 4 tahun dengan hukuman denda digantikan dengan sebatan mandatori tidak kurang daripada dua sebatan.

Kami pihak DAP sangat memandangkan berat masalah samsu gelap yang telah menjadi satu masalah serius untuk beberapa tahun ini. Kami amat sedar betapa perlunya masalah ini diselesaikan memandangkan laporan kematian lebih kurang 40 orang dalam tempoh empat ke lima tahun terakhir ini selepas meminum samsu gelap. Sebagai contoh, dalam tahun 1981 sahaja, seramai 32 orang telah meninggal dunia selepas meminum samsu gelap di Lunas, Kedah. Dalam bulan April tahun ini, 3 orang telah meninggal dunia dan 8 orang lainnya telah dimasukkan ke hospital selepas meminum samsu gelap di Ladang Trans Kerian, Perak.

Memandangkan seriusnya bilangan kematian yang disebabkan oleh minuman pembunuh ini, maka hasrat Kerajaan untuk mengatasi masalah ini adalah dihargai. Inilah sebab, kami sedia menyokong pada dasarnya usaha Kerajaan untuk membanteras masalah ini.

Akan tetapi, dalam keghairahan Kerajaan dan dalam hal ini Menteri berkenaan untuk memperkenalkan undang-undang yang boleh mengatasi masalah samsu gelap, perhatian haruslah dititikberatkan bagi memastikan para pengguna dan penagih-penagih samsu yang kebanyakannya terdiri dari golongan berpendapatan rendah, tidak akan dihukum sewenang-wenangnya atau tidak dihukum dengan cara yang tidak adil.

Meskipun kami menyetujui undang-undang yang lebih keras terhadap pengilang-pengilang dan pedagang-pedagang samsu gelap, tetapi kami tidak bersetuju dengan Fasal 5 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 5 bagi menggantikan seksyen lama untuk membuat peruntukan mengenai satu kesalahan yang asing bagi milikan, jagaan atau kawalan samsu gelap. Kami rasa bahawa pindaan ini adalah terlalu keras terutamanya pindaan-pindaan ini mengkhususkan mereka yang memiliki, menjaga dan mengawal samsu gelap tanpa mengambil kira banyaknya ataupun quantum, dengan izin, boleh dijadikan satu kesalahan yang apabila disabitkan boleh dihukum menurut hukuman yang diperuntukkan bagi memperdagang ataupun trafficker, dengan izin.

Menurut Yang Berhormat Menteri yang menyebutnya baru-baru ini bahawa mereka yang didapati memiliki setitis, even a drop, dengan izin, samsu gelap, boleh dipenjarakan. Ini yang saya ada membaca dalam suratkhobar yang melaporkan satu kenyataan

daripada Yang Berhormat Menteri. Pada pandangan kami, ini terlalu keras dan patut dipertimbangkan semula.

Menteri perlu menyedari bahawa mereka yang meminum samsu gelap adalah terdiri dari golongan berpendapatan rendah. Mereka meminumnya kerana minuman ini adalah murah dan mereka pula tidak mampu untuk membeli minuman keras seperti "rum" dan "gin", dengan izin. Mereka biasanya melakukan kerja-kerja yang memerlukan kekuatan tenaga (physical strength), fizikal yang banyak dan tenaga buruh yang berat. Selepas seharian bekerja, maka saluran kerehatan dan kesegaran mereka ialah pada minuman yang murah ini.

Para pengilang dan pedagang menggunakan peluang ini untuk membuat keuntungan segera tidak sahaja di ladang-ladang di mana mereka tinggal dan bekerja tetapi juga dalam kawasan-kawasan bandar. Samsu telah menjadi satu-satunya bentuk minuman keras yang mudah dibeli oleh pekerja-pekerja ladang dan orang-orang yang tinggal di pinggir-pinggir bandar sejak berpuluh-puluh tahun lalu. Akan tetapi, samsu dicap sebagai satu pembunuh kerana kesannya cepat dan minuman ini dicampur dengan methanol.

Secara ikhlas, saya ingin menyatakan di sini bahawa adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak berkuasa mengenakan hukuman yang terlalu keras ke atas peminum-peminum samsu gelap kerana selama ini tidak ada panduan dan nasihat yang betul mengenai kesan negatif samsu atau tidak ada usaha-usaha dibuat untuk menyekat ancaman ini yang berakhir dengan kadar kematian yang tinggi selama beberapa tahun ini.

Penagihan samsu tidak boleh dianggap serupa dengan penagihan dadah kerana penagihan dadah merebak dengan meluas berbanding dengan penggunaan samsu gelap yang terhad

dan bukan semua terlibat dan ini berlaku pada umumnya di ladang-ladang sahaja. Lebih-lebih lagi, penduduk-penduduk ladang tidak boleh dipersalahkan kerana mengambil minuman gelap ini kerana mereka miskin dan tidak mampu membeli minuman yang mahal seperti bir dan minuman keras dijual di pasaran.

Kami percaya bahawa cadangan pindaan seperti terkandung dalam Fasal 5 adalah terlalu keras hukumannya bagi mereka yang memiliki atau menjaga samsu gelap tanpa mengambilkira banyaknya samsu bagi kegunaan sendiri. Pihak Kerajaan patut menimbang satu hukuman yang berpatutan kerana mereka yang terlibat barangkali lalai atau tidak menyedari kesan buruknya. Sebenarnya, satu hukuman ringan bolehlah diperkenalkan kerana orang-orang yang melakukan kesalahan ini biasanya ialah pencari-pencari nafkah sesebuah keluarga yang besar.

Kami suka menegaskan ini bahawa dengan memperkenalkan undang-undang yang lebih tegas menerusi pindaan-pindaan keras ini ke atas undang-undang yang ada bukanlah satu cara berkesan untuk mengatasi masalah samsu gelap di kalangan penagih-penagih samsu.

Kami berpendapat bahawa ancaman samsu gelap boleh disekat jika Kerajaan bersedia mengkaji cadangan-cadangan yang berikut:

- (i) melancarkan satu kempen yang sistematik untuk mendidik pekerja-pekerja ladang dan lain-lain orang yang terlibat mengenai kesan buruk dan merbahayanya memproses dan/atau meminum samsu gelap;
- (ii) rencana-rencana bersiri hendaklah diterbitkan dalam semua akhbar Tamil dan lain-lain penerbitan berkala di samping me-

nampal poster dalam bahasa Tamil di semua ladang dan mengedarkan risalah-risalah yang menerangkan kesan buruk samsu gelap kepada mereka;

- (iii) parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan sukarela hendaklah melawat ladang-ladang untuk berbincang dan memberi nasihat terhadap mereka yang menagih samsu gelap;
- (iv) membuka pusat-pusat pemulihan serupa dengan penagih-penagih dadah bagi memberi nasihat, melatih dan memulihkan peminum-peminum samsu gelap yang biasa mahupun yang berat;
- (v) memperkenalkan minuman-minuman seperti todi dan lain-lain minuman yang lebih murah dan tidak merbahaya sebagai menggantikan samsu gelap;
- (vi) pengilang-pengilang utama beer seperti Malayan Brewery, Carlsberg dan Guinness hendaklah mencari jalan untuk memperkenalkan minuman yang murah dan mempunyai kekuatan yang sama dengan samsu bagi pekerja-pekerja ladang;
- (vii) pihak pengurus ladang dan estet hendaklah menubuhkan tempat-tempat khas dalam premis-premis mereka yang boleh digunakan untuk menyediakan minuman "tidak merbahaya" kepada para pekerja mereka. Majikan-majikan boleh barangkali mengadakan catuan minuman mingguan yang boleh menggantikan samsu gelap.

Tuan yang di-Pertua, kami dengan ikhlas berharap supaya Yang Berhormat Menteri akan menimbang cadangan-cadangan ini sebagai satu

cara berkesan untuk menyekat masalah samsu gelap.

Pindaan-pindaan undang-undang untuk memperuntukkan hukuman yang lebih keras sahaja tidak akan membantu secara berkesan untuk mengubah manusia dan tabiat mereka.

Apa yang perlu dicari ialah alternatif dan di dalam hal ini jawapan kepada masalah samsu gelap terletak di dalam mencari minuman yang lebih murah dan tidak membahayakan sebagai ganti samsu gelap bagi penduduk-penduduk ladang yang berpendapatan rendah itu. Sekian.

Timbalan yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.45 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang telah berjaya membawa ke Dewan yang mulia ini (*Tepuk*) suatu Akta yang begitu penting kepada Dewan yang mulia ini dan nampaknya, walaupun perkara ini bukanlah urusan di bawah Kementerian Kerjaraya, tetapi di atas perjuangan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya (*Tepuk*) Rang Undang-undang ini telah dapat dibentangkan di dalam Dewan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada apa-apakah? (*Ketawa*).

Tuan S. S. Subramaniam: Ada sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Saya merasa amat terkejut kerana sebentar tadi kita mendengar daripada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengucapkan terhadap penalti-penalti yang telah melebihi di bawah Fasal-fasal 3, 4, 6 dan 7 dan oleh yang demikian tidak dapat disokong oleh pihak Ahli DAP. Inilah satu kejadian yang kita harus membawa kepada pihak rakyat di negara kita oleh kerana walaupun ada tujuan pihak DAP untuk memperjuangkan di atas nasib rakyat di negara kita dan pekerja-pekerja di negara kita, tetapi apabila mereka sampai ke Dewan ini nampaknya seruan dan suara mereka lain sedikit, oleh kerana dari suaranya baru-baru ini mereka menjaga kepentingan segolongan kecil yang membuat dan mengedarkan samsu gelap ini di dalam masyarakat kita dan bukan rakyat keseluruhannya.

Tuan yang di-Pertua, sebenarnya saya menyokong dengan sepenuhnya-penuhnya undang-undang untuk menambatkan penalti yang dicadangkan dalam Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita harus menjaga pengedaran samsu gelap, saya ingin juga membawa kepada perhatian pihak Kerajaan kita iaitu ada beberapa penyelewengan yang telah berlaku di bawah pengurusan Rang Undang-undang yang kita telah mempunyai hingga masa kini.

Walaupun kita ada beberapa peruntukan melalui Rang Undang-undang, tetapi masih ada juga orang-orang yang sedang mengedarkan samsu gelap di dalam kawasan pendalaman khasnya di dalam estet-estet dan juga kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar-bandar di mana pihak yang berkuasa tidak dapat menjaga kepentingan dan syarat-syarat di bawah undang-undang ini dan tidak dapat menahan dan juga membawa ke mahkamah siapa-siapa pun melalui Rang Undang-undang ini.

Inilah satu kejadian yang kita harus membawa kepada pihak Kementerian Dalam Negeri di mana saya memahami terdapat beberapa kesulitan dan juga penyelewengan dan kita ingin memohon kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk menjaga Rang Undang-undang ini supaya dapat menguruskan dengan sepenuh-penuhnya dan supaya kita tidak terdapat apa penyelewengan di atas urusan Rang Undang-undang ini.

Saya juga ingin membawa kepada perhatian pihak yang menjaga di atas Rang Undang-undang ini kerana terdapat lebih kurang dua atau tiga kematian setiap bulan melalui minuman samsu gelap ini. Inilah satu kejadian yang kita harus berhati-hati oleh kerana ini boleh dibandingkan dengan pengedaran dadah di bawah mana berlaku beberapa kematian juga. Oleh yang demikian, pengedaran samsu gelap juga boleh dianggap sebagai satu dadah yang sedang mengancam masyarakat kita. Saya menyokong dengan sepenuhnya Akta ini untuk menjaga semua aspek berkaitan dengan samsu gelap yang sedang diedarkan dalam seluruh negara kita.

Tuan yang di-Pertua, semasa kita menyokong Rang Undang-undang ini dan walaupun kita akan adakan satu Rang Undang-undang yang lebih keras kita harus mengingati boleh jadi juga kematian yang berlaku di dalam masyarakat kita tidak boleh dihapuskan dengan sepenuh-penuhnya, hanya dengan mengadakan Rang Undang-undang ini.

Saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk mencari cara yang lain di bawah mana satu golongan yang besar pekerja-pekerja di dalam negara kita boleh dapat satu cara untuk menghabiskan masa dan juga untuk mendapatkan rekreasi melalui satu minuman alternatif yang kita boleh dapat di dalam negara kita. Kita ada beberapa cara lain dan saya ingin menyokong

satu cara untuk mencari jalan bagaimana minuman todi boleh diedarkan dengan satu sistem dikawal di dalam masyarakat kita. Nampaknya di dalam masa penjajahan dulu, pihak penjajah telah mengedarkan minuman todi kepada masyarakat kita secara sistem itu dan di masa itu kita tidak terdapat kematian yang begitu banyak di dalam masyarakat kita. Nampaknya inilah satu cara kita harus mengkaji dengan sedalam-dalamnya untuk mendapat satu cara bagaimana minuman todi boleh diedarkan kepada kawasan-kawasan pendalaman dan juga kawasan-kawasan yang lain di mana kita dapati pekerja-pekerjanya dengan pendapatan yang rendah tidak dapat lain-lain cara untuk rekreasi pada masa berehat. Mereka bolehlah mendapat satu minuman dengan harga yang murah.

Lagi satu cara yang saya hendak mencadangkan ialah satu sistem bagi mewujudkan 'rice wine'. Baru-baru ini saya dapat melawat negeri Sabah dan Sarawak di mana kita dapati pasaran 'rice wine' dengan harga yang murah dengan satu cara di bawah mana pihak pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dapat minum 'rice wine' ini pada masa berehat. Ini juga satu cara di bawah mana kita boleh mengedarkan 'rice wine' seperti itu kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk mencari satu minuman yang alternatif dengan harga murah.

Seterusnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang menambahkan jumlah penjara daripada 10 tahun kepada 20 tahun dan juga 6 kali sebatan mandatori. Dengan penalti yang begitu keras, saya rasa pihak yang bersangkutan dengan pengedaran samsu haram ini akan berfikir untuk tidak mengeluarkan samsu haram ini lagi dan akan mencari lain-lain pekerjaan atau lain-lain cara untuk mencari duit dan bukanlah dengan cara membuat samsu gelap ini.

Dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.53 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sama dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sesiapa pun tidak menafikan tentang keperluan undang-undang kerana undang-undang itu adalah untuk kebaikan kita semua dan mungkin kerana itulah tiap-tiap kali Dewan bersidang, Kerajaan selalu membentangkan Rang Undang-undang dan bila diluluskan Rang Undang-undang itu, maka hukuman pun kita dapat dengar sama ada denda, penjara, bunuh ataupun rampas harta. Saya percaya seolah-olah Kerajaan bila timbul sesuatu peristiwa, ia tidak akan nampak satu punca lain yang boleh menyelamatkan manusia dan boleh menyelesaikan masalah selain daripada Akta, Undang-undang dan sebagainya. Pada petang ini saya suka juga menarik pandangan Dewan ini mengenai Akta yang telah dibentangkan di hadapan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Rang Undang-undang meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini sangat mengelirukan. Sepatutnya ia tidak dibentangkan ke Dewan yang mulia ini dalam bentuk yang ada ini. Saya terpaksa membangkang Rang Undang-undang ini kerana Dewan ini tidak sepatutnya bersubahat dengan sebarang bentuk menghalalkan penggunaan

samsu, sama ada memiliki atau memperdagangkannya. Walaupun Rang Undang-undang yang ada itu bertujuan untuk mencegah pemilikan atau memperdagangkan samsu gelap, maka ia membawa erti ada peruntukan yang menghalalkan pemilikan dan memperdagangkan samsu yang tidak gelap. Ertinya ada samsu yang dilesen dan melaluinya samsu boleh didagangkan.

Memadailah negara kita ini sudah membenarkan ada judi halal dan ada judi haram, sedangkan judi itu adalah kesemuanya haram sama ada berlesen ataupun tidak. Tetapi Kerajaan yang tidak bermarwah seperti ini sangat mudah menafikan perintah Allah, seolah-olah sesuatu yang Allah haramkan hanya jadi haram bila ianya disahkan oleh Dewan ini. Sebab itu ada setengah judi haram dan ada pula halalkan lesen kepadanya.

Kini kita berpeluang pula menentukan satu perkara lagi yang haram sama ada samsu itu gelap atau tidak gelap, samsu adalah satu bahan yang merbahaya bila digunakan oleh manusia. Adalah diakui bahawa samsu dalam hal-hal yang tertentu boleh menjadi ubat, akan tetapi mudharatnya adalah lebih besar dari kebaikan, samalah seperti arak.

Justeru itu, samsu hendaklah dicegah sama sekali. Tetapi hairan mengapa Kerajaan berani membentangkan Rang Undang-undang ini dan berani mengenakan hukuman sebat dan rotan tetapi Kerajaan tidak berani membentangkan Rang Undang-undang Arak, mungkin menjadi ketagihan orang-orang tertentu.

Saya boleh menyokong Rang Undang-undang ini sekiranya dipotong perkataan gelap, ertinya samsu bentuk pemilikan dan pengedarannya hendaklah dihalang dengan apa cara juga demi kesejahteraan umum khususnya manusia seluruhnya. Sebarang usaha

untuk mencegah pemasaran samsu secara gelap sahaja, bererti samsu boleh didapati secara cerah ataupun halal. Sikap dan semangat Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang sekiranya diluluskan akan membenarkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab merosakkan orang yang lemah melalui peruntukan Undang-undang yang dibuat oleh Dewan ini.

Kita sekarang memerangi dadah kerana dadah merbahaya dan memberikan natijah yang tidak baik kepada umum, walaupun pencegahannya masih belum menghilangkan peluang. Penagih memperolehi bekalan secara gelap tetapi kerana sedar bahayanya, maka Kerajaan menyedari bahawa dadah bukan sahaja dihala secara gelap malah tidak ada ruang bagi meleseennya. Insya Allah, dengan usaha bersungguh-sungguh, bekalan dadah tidak akan diperolehi akhirnya. Kalau dadah ditakdirkan terhapus terus, tetapi ada pula ruang bagi orang yang lemah mendapat samsu, maka kita bimbang orang-orang yang lemah itu akan mengalih perhatiannya kepada samsu pula, kerana samsu juga adalah menjadi adik-beradik kepada dadah dan arak.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini samsu banyak dikaitkan dengan orang-orang keturunan India. Dalam lain perkataan, orang-orang keturunan India banyak terlibat dengan penggunaan samsu, dengan tidak menafikan adanya lain-lain kaum yang terlibat yang bilangannya terlalu kecil. Undang-undang yang membolehkan samsu diperolehi secara halal nescaya boleh pula menggelapkan masa depan setengah dari orang-orang India khususnya mereka yang lemah untuk menghadapi samsu. Yang penting bagi kita sekarang ialah biar bekalan samsu itu jangan diperolehi di mana-mana. Dengan demikian orang-orang India keseluruhannya tidak akan gelap masa depannya. Kiranya saya dan parti saya PAS

mengamalkan perkauman ataupun tidak kasih kepada orang India, maka kita akan biarkan samsu boleh didapati di mana-mana sahaja. Kalau samsu murah dan mudah didapati, maka lebih ramai orang-orang keturunan India boleh mengambil dan kalau ramai orang-orang keturunan India ketagih samsu, maka ramai pula orang-orang India akan runtuh kehidupannya. Tetapi kita merasakan bertanggungjawab atas kesejahteraan manusia dan kesempurnaan akal setiap manusia dan kalau saya mencadangkan supaya diadakan undang-undang untuk mencegah langsung samsu dari diperolehi di tempat yang tidak gelap, ini bererti kita mahu menyelamatkan rakyat di negara ini tanpa mengira keturunan dan keyakinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah ada di antara para pemimpin di Malaysia ini yang berperangai seperti orang-orang Inggeris yang memperdayakan orang-orang China ketika Inggeris mula-mula masuk ke negeri China beberapa abad yang lalu. Inggeris yang tidak jujur itu telah menggunakan candu untuk memperdayakan orang China. Dan dengan itu mereka telah campur tangan dengan kemerdekaan negara China. Justeru itu satu kemudian, China telah membalas dendam kepada orang-orang barat dengan mengenalkan ganja dan berbagai-bagai jenis dadah kepada tentera Amerika yang berperang di Vietnam.

Sekiranya kita meneliti satu buku "Anasir Dokumen Kaheerah", karangan Tuan Hussein Haikal, seorang pengarang yang terkenal di Mesir, nescaya kita dapati bahagian yang menyebut Chou En-Lai, Perdana Menteri Republik Rakyat China yang pertama memberitahu Presiden Jamal Abdul Nasser dari Mesir bahawa beliau lebih gembira kalau lebih ramai tentera Amerika datang ke Vietnam kerana dengan itu lebih ramai orang-orang Amerika boleh dibinasakan dengan dadah.

China dan Vietnam telah memberi dadah kepada Amerika dan tentera-tentera Amerika yang ketagih dadah telah mengenalkan pula dadah bukan sahaja kepada Amerika malahan keseluruhan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bahan perosak ini telah dijadikan alat politik jahat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Umat manusia telah dibinasakan dan bangsa atau kaum tertentu boleh dibinasakan tamadunnya secara halus. Mungkin tidak ada apa-apa niat bagi kita membenarkan samsu didapati di tempat yang sah. Tetapi kerana biasanya orang-orang keturunan India lebih tertarik dengan samsu maka nantinya dibimbangkan ianya membinasakan kehidupan keluarga dan sebahagian daripada orang India itu. Oleh kerana itu saya tidak tertarik langsung dengan langkah untuk mencegah samsu gelap sahaja. Kita hendaklah mengambil langkah bukan sekadar meminda Akta yang ada kepada bentuk yang dibentangkan sekarang tetapi adalah lebih baik dikaji semula Rang Undang-undang ini dan kemudian dikemukakan yang lain yang menentukan samsu adalah haram. Baik gelap mahupun terang.

Sehubungan dengana Rang Undang-undang yang ada ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh fasal-fasal yang menambah denda atas mereka disabit dengan kesalahan-kesalahan samsu gelap ini iaitu penjara mandatori tidak lebih 10 tahun dan tidak kurang dari 4 tahun bagi kesalahan memiliki, mengilang dan memperdagangkannya. Hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori tidak kurang daripada dua kali jika memiliki samsu yang mengandungi bahan bahaya maka tempoh penjara mandatori menjadi tidak lebih 20 tahun dan tidak kurang dari 7 tahun dan sebatan mandatori tidak kurang daripada 6 rotan..

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan bahawa kita kenalah meneliti peraturan yang telah ditentukan oleh Islam dalam perkara seperti ini walaupun memiliki bahan yang memusnahkan itu adalah bahaya tetapi kita harus cermat dalam membuat undang-undang. Islam mengenakan undang-undang sebat di antara 40 hingga 80 rotan bagi kesalahan minum arak. Dan sebatan itu dilakukan di khalayak ramai supaya ia akan menjadi pengajaran kepada orang lain. Tetapi tidak ada yang jelas bagi mereka yang sekadar memiliki arak sahaja. Tidak ada denda bagi orang yang sekadar menyimpan arak ataupun memegang botol arak. Yang didenda ialah orang yang telah disabitkan minum arak. Kerana itu Islam tidak menghukum orang membawa pedang dan memiliki pistol. Dan yang menjadi salah ialah bila pistol itu digunakan untuk membunuh ataupun mencederakan orang lain.

Saya suka kita mengambil langkah berjaga-jaga dalam menyediakan cara-cara mencegah. Tetapi hendaknya harus mengambil kias daripada kaedah yang ditentukan oleh Islam ke atas samsu terang ataupun gelap dan apa sahaja yang berunsur sama sepatutnya Kerajaan mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang wajar bagi mencegah dan menjaga kesempurnaan hidup rakyat dengan tidak mengira apa jenis keturunan, bangsa dan agama kerana itu adalah tanggungjawab Kerajaan dan pemerintah.

Dan inilah saya bagi pihak Parti Islam mengambil peluang ini untuk menyedarkan Kerajaan supaya benar-benar bertanggungjawab membangunkan ummah dan masyarakat an tidak sengaja menjerumuskan rakyat ke lembah kehinaan dan jurang kehancuran.

Rang Undang-undang ini bukan matlamat Kerajaan untuk menyelamatkan rakyat dan manusia tetapi di sebaliknya ada kepentingan mata benda dan

material sekalipun bercanggah dengan akidah dan syariah dan inilah amalan Kerajaan hari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak undang-undang dilulus, terutama sekali Undang-undang Dadah yang beberapa bulan sudah kita lulus yang menyebabkan harta orang terlibat dapat dirampas. Tetapi sampai hari ini manakah satu kesan yang kita dapat yakinkan dengan undang-undang itu manusia dapat melepaskan diri daripada dadah. Bahkan lebih menyebarkan Kerjaan sendiri, apa lagi orang-orang bertanggungjawab. Inilah dapat saya tegaskan bahawa dengan undang-undang semata-mata tidak dapat menyelesaikan masalah dan manusia tidak akan takut kepada undang-undang selagi akhlak, peribadi dan keyakinan tidak dapat diperbetulkan. Sebab itu patur satu masa yang akan datang, khususnya orang yang bertanggungjawab dengan satu-satu Kementerian, biar memikirkan lebih jauh untuk mengenal sesuatu punca penyakit, bila mana kita dapat ubati penyakit itu, insya Allah, akan dapat diselesaikan. Sebab keburukan masyarakat berpunca dari peribadi. Rosak peribadi rosak rumah tangga, rosak rumah tangga rosak kampung, rosak kampung rosak daerah, rosak daerah jajahan, rosak jajahan melibatkan seluruh negara.

Tetapi hari ini Kerajaan menepuk dada dengan kuasa, tetapi Kerajaan tidak pernah menyedari tanggungjawab yang sebenar dalam menyelesaikan satu-satu masalah.

Sebab itu, saya mengambil sikap menentang Rang Undang-undang ini bukan saya tidak bertimbang rasa kepada orang-orang India, bahkan saya mahu dedahkan parti saya bersedia membela semua manusia dan parti saya tidak parti perkauman.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-pertua, saya harap pihak berkenaan

dapat memahami apa yang saya sampaikan dalam Dewan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Saya bangkang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

6.07 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak penduduk-penduduk Nibong Tebal, terutama sekali keluarga-keluarga mangsa-mangsa samsu haram, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan dan Menteri Kerjaraya kerana mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun samsu haram telah mengakibatkan banyak kematian di negara kita, masyarakat kita, masyarakat kita malangnya masih tidak juga sedar tentang bahaya ini. Dan baru-baru ini beberapa orang yang minum samsu haram di Ladang Trans-Krian, Nibong Tebal dan tempat-tempat lain telah meninggal dunia.

Saya bersetuju dengan pandangan Menteri yang berkenaan bahawa Rang Undang-undang yang ada sekarang tidak cukup kuat. Dengan adanya pindaan ini orang-orang yang mengilang, memperdagang, memiliki, menjaga atau mengawal samsu haram akan dihukum seberat-beratnya.

Di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memberi penerangan yang lebih luas bukan sahaja kepada orang-orang dewasa tetapi juga kepada kanak-kanak sekolah.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Ke-

rajaan dan menyokong pindaan ini sekuat-kuatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.10 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangun untuk turut serta memberi sedikit pendapat sekadar mencelah di dalam membaharui Rang Undang-undang bernama suatu Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri secara peribadi belum lagi lihat apakah bendanya samsu gelap ini. Walau bagaimanapun, samsu gelap sudah menjadi salah satu lagi penyakit negara. Sekarang ini negara kita sedang menghadapi penyakit najis dadah, penyakit AIDS dan sekarang samsu gelap. Penyakit-penyakit ini sememangnya dibawa oleh orang-orang yang tidak berakhlak dan orang yang tidak bermoral. Orang-orang yang tidak berakhlak dan orang-orang yang tidak bermoral adalah orang-orang yang tidak dapat menahan nafsunya. Maka kita dibebankan untuk membincang, untuk menggubal undang-undang, menghabiskan masa menggunakan wang negara, tenaga pegawai Kerajaan untuk mengatasi masalah orang-orang yang tidak dapat menahan nafsu. Maka Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) ini juga salah satu daripada ciri-ciri keruntuhan akhlak masyarakat negara kita sekarang ini walaupun bilangannya tidaklah begitu besar.

Sebagai seorang Islam ataupun sebagai seorang mukmin akan rosak akidah saya kalau saya mengatakan bahawa saya bersetuju dengan penghalalan ataupun menghalalkan pengedaran samsu ini melalui undang-

undang. Sebagai seorang Islam yang tahu tentang kerosakan akidah dalam memperkatakan sesuatu, maka sudah barang tentu apa jua bentuk yang bertentangan dengan akidah orang-orang Islam, maka sudah barang tentu sukar untuk kita memberi sokongan. Walaupun begitu, sebarang usaha untuk mencari kebaikan, terutamanya dalam menghapuskan kegiatan samsu gelap memang kita mengalukan sebarang langkah ke arah usaha-usaha yang baik seperti ini semoga masyarakat kita akan menjadi masyarakat yang mulia dan bermoral. Kita sudah banyak membelanjakan wang ringgit, jutaan ringgit sudah kita belanja untuk menghapuskan najis dadah dan sekarang pula cerita AIDS kita dengar hari Jumaat lalu dan ini pula samsu gelap. Sudah ada saranan-saranan supaya bukan sahaja melalui undang-undang dapat kita menghapuskan kegiatan-kegiatan yang tidak baik ini, tetapi juga melalui penerangan-penerangan yang boleh menyedarkan masyarakat. Ini bererti sekali lagi kita terpaksa membelanjakan wang rakyat untuk tujuan-tujuan bagi membetulkan segelintir masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masyarakat yang terlibat dengan samsu gelap ini masih lagi kecil, kalau saya tidak salah, dan banyaknya terdiri daripada mereka yang berada dalam estet-estet khususnya masyarakat kaum India, walaupun ada juga kaum-kaum lain, maka saya ingin menyuarakan ianya belum terlewat dan saya rasa ianya satu kerja yang terhormat bagi MIC supaya MIC mengambil langkah menyusun program-program yang dicadangkan tadi kerana Akta ini pun juga saya berpendapat hasil daripada tuntutan perwakilan-perwakilan yang bermesyuarat dalam mesyuarat MIC yang menganggap kegiatan-kegiatan samsu gelap ini tidak mendatangkan faedah bagi masyarakat dan negara. Saya mendapat tahu bahawa MIC sudahpun menjadi sebuah parti yang

kuat, sudahpun banyak wang ringgitnya, jadi saya kira eloklah MIC sahajalah di bawah program partinya menjalankan kegiatan-kegiatan bagi menyedarkan masyarakat yang terlibat dengan samsu gelap ini dan tidaklah payah lagi menggunakan wang daripada peruntukan negara. Saya kira ini perlu dan penting sebab kalaulah kita terpaksa lagi membelanjakan wang ringgit daripada Kerajaan untuk tujuan-tujuan bagi membetulkan sege-lintir masyarakat yang sesat jalannya ini, maka kita telah meletakkan 'precedent' yang sudahpun berlaku sebelum ini dan berapa banyak kita boleh mampu membelanjakan untuk tujuan-tujuan seperti ini, jutaan ringgit untuk najis dadah, manakala jutaan ringgit ini kalau dibelanjakan untuk pembangunan negara ataupun tujuan-tujuan bagi membasmi kemiskinan, ianya sangat berfaedah dan sangat mulia.

Begitu juga sekarang ini kita terpaksa belanja pula untuk menghapuskan AIDS. Panjang lebar dibincang pada hari Jumaat baru-baru ini. Risalah-risalah terpaksa dicetak untuk menghapuskan AIDS. Mungkin tak lama lagi ada pula risalah bagi mencegah samsu haram. Sungguh keliru dengan kedudukan perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan ini di dalam sebuah negara yang kita katakan sebuah negara Islam.

Maka atas dasar itu, saya ingin menyarankan juga kepada Kerajaan supaya melihat perkara-perkara keruntuhan akhlak ini secara yang menyeluruh, bukan melihat dalam bentuk dan aspek yang serpihan, iaitu kalau kita lihat masalah dadah maka kita bertindak dalam konteks bagaimana hendak menghapuskan dadah dengan ciri-ciri pengedaran najis dadah dan keburukan najis dadah, begitu juga AIDS dan sekarang ini samsu gelap. Keseluruhan ini mencerminkan keruntuhan akhlak dan keruntuhan moral di kalangan masyarakat negara kita.

Maka saya kira sudah sampai waktunya sama ada dibentuk satu jawatankuasa 'task force' ataupun apa-apa bentuk majlis perunding negara ataupun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri ataupun apa juga bentuk supaya melihat masalah-masalah keruntuhan akhlak ini secara bersepadu, secara yang menyeluruh supaya apa juga perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat ditentang habis-habisan. Saya bimbang nanti masyarakat kita yang lain akan hilang keyakinan. Kalau kita hendak menghapus najis dadah, kita mengemukakan Rang Undang-undang, tetapi najis dadah tetap berlaku dalam masyarakat kita. Kita hendak menghapuskan AIDS tetapi AIDS berlaku dalam masyarakat kita, akhirnya masyarakat kita akan hilang keyakinan di atas kepercayaan kita membentuk sebuah negara yang bermaruah. Maka sebab itulah perkara-perkara seperti ini saya rasa sudah sampai masanya dilihat secara yang menyeluruh, bukan sahaja setakat dadah, AIDS dan samsu gelap tetapi perkara-perkara lain.

Kalaulah kita katakan AIDS ini datangnya daripada pelacuran, saya mengatakan baru-baru ini kalau boleh pusat pelacuran dihapuskan sama sekali. Memang sukar perkara ini hendak dilakukan tetapi dari segi prinsipnya itulah cara yang sebaik-baik mungkin sebab kita lihat ada negara-negara Barat yang tidak beragama Islam negaranya, lebih baik daripada negara kita. Ini satu hakikat yang nyata. Begitu juga dengan samsu gelap ini kita juga harus melihat dalam aspek dan kaca mata seperti yang saya sebutkan tadi. Sememangnya masalah ini timbul oleh kerana kemungkinan ianya terlibat di kalangan masyarakat bawahan, masyarakat berpendapatan rendah. Ini kerana mungkin ada setengah-setengah orang mencari 'escapism', mencari dunia luar yang khayal oleh kerana tidak ada pekerjaan, oleh kerana tidak

dapat hidup selesa seperti orang lain, maka mereka mencari jalan-jalan keluar tersendiri untuk mengkhayalkan dirinya dengan mengambil najis dadah, dengan minum samsu gelap ataupun sebagainya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan yang saya kira tanggungjawab saya untuk mencelah sedikit dalam persoalan yang saya fikir walaupun ianya pada sekali imbas semata-mata bersabit dengan samsu gelap yang melibatkan sedikit ataupun sekelompok masyarakat, tetapi saya menyarankan tadi ianya harus dilihat dalam aspek yang lebih menyeluruh terhadap gerakan bagi membasmi gejala-gejala keruntuhan moral dan akhlak di kalangan masyarakat negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.20 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillah-hirrahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membaharui Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Sesungguhnya saya menyokong Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Menghapus Samsu Gelap) 1976. Malah, lagi sekali saya kata, malah mencadangkan supaya mengharamkan semua jenis minuman yang memabukkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bincang samsu gelap, barangkali ada samsu cerah. Samsu gelap dan samsu cerah adalah serupa. Samsu gelap dan samsu cerah/bersama-sama dengan minuman lain yang memabukkan adalah juga sama dan hukumnya sama sebab itu haruslah disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah digubal, tentulah ada sebab-sebab tertentu yang mendorong pihak Kerajaan membuat Akta dan Undang-undang ini. Satu di antara sebab-sebabnya mungkin telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya. Antaranya ialah samsu gelap, malah bukan samsu gelap sahaja, semua jenis minuman yang memabukkan, memudaratkan, merosakkan diri seseorang, bukan sahaja merosak dan memudaratkan kepada diri seserang itu malah ianya merosak orang lain. Merosak diri sendiri bagi orang yang minum samsu atau apa-apa jua minuman yang memabukkan, merosak kepada dirinya, merosak kepada akal dan tubuh badannya, malah ia merosak kepada orang lain, ia membuat keadaan haru-biru di jalan. Ia pulang ke rumah memukul isterinya, memukul anak-anaknya, bukan itu sahaja, orang-orang yang mabuk ini telah pulang ke rumah, dalam perjalanan pulang ter-nampak wanita yang tidak cantik, dirasanya cantik, yang kecil dinampaknya seperti tua, maka dirogolnya. Ia telah merosakkan orang lain. Apabila ia telah merosakkan orang lain

Tuan Abdul Raman bin Suliman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Beri atau tidak?

Tuan Abdul Raman bin Sulaiman: Adakah Yang Berhormat ada pengalaman dari segi itu, sebab cerita sedap sangat.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Memang saya tidak minum minuman keras, tetapi saya melihat beberapa

orang dari beberapa kumpulan masyarakat Malaysia kita dari keturunan tertentu di estet-estet. Di kawasan Parlimen Sungai Petani, tidak kurang daripada 10 estet dan kebanyakan daripada pekerja-pekerja yang bekerja di estet ini minum samsu dan saya lihat dalam bandar ramai orang minum minuman yang memabukkan dan ia telah membawa kereta sehingga melanggar orang. Apabila orang itu telah melanggar orang barulah hendak periksa ia mabuk atau tidak. Dalam dirinya ada alkohol atau tidak. Mengapa tidak kita melarang dari awal supaya orang-orang ini jangan minum langsung, diharamkan, dihapuskan dan dicegahkannya daripada mula-mulanya lagi. Dengan sebab itu perlulah, bukan sahaja tentang samsu gelap, tetapi dalam semua jenis minuman-minuman keras yang memabukkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebutkan tadi pihak orang-orang yang mabuk ini telah melakukan perkara-perkara yang merosakkan dirinya dan merosakkan juga diri-diri orang lain. Di dalam Dewan ini kita telah membincangkan mengenai perkara rogol, menaikkan denda, kewangan yang tinggi, mengadakan kompaun dan sebagainya kepada orang-orang yang merogol. Malah ada cadangan supaya ada hukuman mandatory, jel tertentu dengan tahun-tahun tertentu kepada orang-orang yang merogol. Tetapi tidakkah kita terfikir bahawa orang-orang yang merogol itu adalah kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang mabuk, kerana orang yang siuman jarang melakukan perkara-perkara yang seumpama ini. Kita pun ada terbaca di dalam suratkhbar selalu terlihat di sana bahawa ada beberapa peristiwa di mana orang-orang mabuk telah melakukan perbuatan rogol ini. Jadi hal ini perlulah kita mengambil perhatian yang sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang suka saya bangkitkan di sini ialah sebab dan musabab mengapa orang-orang itu minum. Apabila kita cari punca dan sebab musababnya, mungkin kita boleh mengatasinya, selain daripada mengenakan hukuman-hukuman yang telah kita tetapkan ini, kita juga boleh mengatasinya melalui jalan-jalan yang lain. Kita sedar bahawa semua pekerja-pekerja atau kebanyakan pekerja apabila telah letih bekerja di ladang, maka mereka juga mahu beristirehat, mahu kepada berhenti daripada penat dan lelah. Pekerja-pekerja di ladang, barangkali ada antara kita di sini yang tidak tahu kehidupan di ladang-ladang, sukalah saya ceritakan di sini bahawa pekerja-pekerja di ladang yang tidak bernasib baik mempunyai rumah kediaman yang kecil, bukan sahaja mereka mempunyai rumah kediaman yang kecil, tetapi mereka mempunyai kemudahan-kemudahan yang terbatas. Mereka tidak ada elektrik, mereka tidak dapat kemudahan-kemudahan secukupnya, kalau pun ada elektrik lampu dibenarkan pasang pada waktu-waktu tertentu, umpamanya ditetapkan oleh majikan boleh digunakan lampu dari pukul 7.00 sampai pukul 10.00 sahaja.

Jadi masalahnya mereka tidak boleh pasang lampu di waktu lain, sedangkan pekerja-pekerja ini balik daripada ladang dari jam 2.00 petang sehingga jam 7.00 malam. Dalam tempoh ini mereka tidak ada apa-apa pekerjaan lain melainkan duduk sahaja. Sedangkan rakan-rakan mereka atau orang lain yang tinggal dalam bandar atau di tempat-tempat yang mempunyai kemudahan elektrik, orang-orang ini boleh melihat TV. Jadi, orang-orang yang tidak mendapat kemudahan TV atau tidak dapat melihat TV ini apa yang mereka hendak buat kalau tidak minum samsu dan arak.

Jadi, kita harus berfikir bersama supaya mengatasi masalah ini. Kita tidak kira siapakah pekerja itu, tetapi mereka

adalah rakyat Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan sebab itu bukan sahaja masalah samsu gelap tetapi masalah sampingan yang juga harus diambil perhatian iaitu berunding dengan pihak majikan-majikan ladang supaya dapat membekalkan elektrik kepada pekerja-pekerja ladang supaya mereka dapat menghabiskan masa lapang mereka melihat televisyen daripada mereka ini pergi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

LAWATAN MUHIBAH PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN HASIL DALAM NEGERI KESABAH

6.30 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, satu rombongan seramai 18 orang dari Jabatan Hasil Dalam Negeri dari Kuala Lumpur yang diketuai oleh Timbalan Pengarahnya, Datuk Hassan Ibrahim telah membuat "kunjungan muhibah" ke negeri Sabah pada bulan April tahun ini. Semasa kunjungan mereka itu, mereka telah mengeledah dan memeriksa kediaman pemimpin-pemimpin PBS pada waktu subuh.

Pemimpin-pemimpin PBS yang diperiksa termasuk Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mark Koding dan Datuk Chau Tet On; Menteri Kewangan, Datuk Bernard Dompok; Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Joseph Kurup; bekas Peguam Negeri Sabah, Datuk Herman Luping; Ahli Dewan Negeri, Clarence Bongkos Malakun; Setiausaha Politik, Patrick Sindu dan Pengurus Besar Yayasan Sabah, Datuk Jeffery Kitingan. Kunjungan "muhibah" kononnya itu telah mencipta rasa gelisah di Sabah.

Setiausaha Agung PBS yang juga adalah Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Joseph Kurup telah menyifatkan pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai, dengan izin, "taxmen were like Mafia". Beliau juga mengecam pegawai-pegawai berkenaan kerana menyerbu rumah pemimpin-pemimpin PBS dengan cara yang amat tidak profesional, kasar dan secara menakut-nakutkan. Juga beliau mendakwa bahawa cara soal-selidik dijalankan memalukan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri serta pemimpin-pemimpin PBS. Beliau juga mendakwa bahawa pegawai-pegawai tersebut bersikap kasar dan melayani pemimpin-pemimpin PBS secara buruk.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin Kitingan, menyifatkan tindakan

pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai, dengan izin, "a blatant disregard for the law and contrary to natural justice". Beliau juga menyatakan bahawa beliau sedang menimbang-kan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pegawai-pegawai tersebut kerana mereka telah melayani pemimpin-pemimpin PBS seolah-olah mereka itu adalah penjenayah. Beliau juga menyifatkan tindakan Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai mempunyai motif politik dan bahawa tindakan seumpama itu tidak akan menggalakkan integrasi kebangsaan atau keyakinan.

Timbalan Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam jawapannya telah berkata bahawa lawatan mereka adalah satu urusan biasa dan tidak mempunyai sebarang motif politik. Beliau juga menyatakan bahawa mereka telah melawat seramai 4,700 orang termasuk seorang Menteri di Sarawak kerana tidak membayar cukai pendapatan. Timbalan Pengarah juga mendakwa bahawa tindakan mereka itu adalah dibuat mengikut lunas-lunas undang-undang.

Semenjak serbuan tersebut dibuat di Sabah, rasa bimbang dan takut telah meningkat di Sabah. Beberapa orang profesional dan ahli perniagaan telah meninggalkan Sabah dan khabar-khabar angin bertiup tentang penangkapan pemimpin-pemimpin PBS.

Sungguhpun pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri mendakwa bahawa tindakan mereka tidak bermotif politik, namun rakyat Sabah merasa hairan mengapa serbuan itu dibuat sebaik sahaja satu siri laporan dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah terhadap pemimpin-pemimpin PBS.

Kami tidak mengecam tindakan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri sekiranya tindakan mereka itu dibuat mengikut lunas-lunas undang-undang

dengan menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Akta Cukai Pendapatan. Tetapi cara yang digunakan oleh pegawai-pegawai tersebut harus dipersoalkan. Pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri harus memahami perasaan rakyat dan mereka harus menghormati rakyat dan bukan bersikap angkuh dan kasar.

Sekiranya dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai PBS itu adalah benar, maka saya minta Kerajaan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai...

Tuan Madatang bin Morejal (Bandau): Minta jalan, boleh beri?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri.

Tuan Fung Ket Wing: ... pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri yang telah menyalahgunakan kuasa mereka. Di pihak yang lain pula, pemimpin-pemimpin PBS harus ingat bahawa mereka mesti mengikuti undang-undang dan memberi contoh teladan yang baik dengan membayar cukai pendapatan mereka. Saya juga ingin tahu sama ada tindakan undang-undang...

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tidak cukup kuorum, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ...

Tuan Fung Ket Wing: ... tindakan undang-undang telah diambil oleh Ketua Menteri Sabah terhadap Jabatan Hasil Dalam Negeri seperti dikatakannya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat nanti. Apa dia Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: kurang 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak cukup bilangan – tidak ada kuorum. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.39 petang.